



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Shah Alam 17 November 2011 (Khamis)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Sri Muda)
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datok)
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)
Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)
Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)
Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPMS., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Bentara

Encik Md. Saref bin Salleh
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat hari ketujuh (17 November 2011) bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang Ke-12 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

II. PERTANYAAN- PERTANYAAN

TUAN SPEAKER : Kuang, tidak hadir. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Tuan Speaker, soalan 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : **PREMIUM TANAH RM1,000.00**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional kerajaan negeri memperkenalkan dasar premium serendah RM1,000 kepada penduduk negeri Selangor?
- b) Berapa ramai penduduk / rakyat Selangor yang telah diberikan tanah dengan premium tersebut?
- c) Adakah dasar ini akan mengurangkan kutipan hasil negeri Selangor?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker dan Yang Berhormat sekalian. *Assalamualaikum w.b.t, bismillahirrahmanirrahim*, salam sejahtera. Tujuan utama pelaksanaan premium tanah RM1,000 adalah untuk yang pertama adalah memberi hak milik kepada individu yang telah lama menduduki tanah kerajaan secara haram. Yang kedua adalah melanjutkan pajakan hak milik tanah individu yang telah pun luput tempoh pajakan dengan pengenaan premium yang mampu dijelaskan. Yang ketiga, memutihkan hak milik individu yang telah melanggar

syarat kegunaan tanah dan menyamaratakan penggunaan premium kepada rakyat negeri Selangor tanpa mengira kawasan dan lokasi tanah tersebut berada.

Yang kedua adalah jumlah penduduk rakyat negeri Selangor yang telah diberikan tanah dengan premium tersebut jumlahnya adalah daerah Petaling ada 7, daerah Klang ada 1, Gombak ada 18, Hulu Langat – 107, Kuala Langat – 1, Kuala Selangor – 92, Sabak Bernam – 0, Hulu Selangor 1, Sepang – 0 dan jumlahnya adalah 233. Pada dasarnya skim ini akan mengurangkan kutipan hasil negeri Selangor dari segi hasil bukan cukai. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan mendapat tambahan pulangan hasil dari cukai tanah kerana dengan adanya skim ini orang awam akan membayar premium yang dikenakan dan hak milik akan dikeluarkan kepada individu yang berkenaan. Sebelum skim ini dilancarkan, ramai orang awam telah menduduki atau mencerooboh tanah kerajaan secara haram dan tiada hak milik. Ini lebih merugikan kerajaan negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, soalan 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PEMBERIAN HAMPER UNTUK HARI RAYA DAN DEEPAVALI

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah hamper telah diberi untuk hari raya dan Deepavali dan kos untuk setiap hamper? Sila senaraikan mengikut DUN.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, kerajaan negeri telah membelanjakan sebanyak RM846,318 bagi membiayai program pemberian hamper barangan keperluan harian kepada golongan sasar di semua 56 DUN di negeri Selangor dengan setiap DUN menerima 300 hamper melalui Program Menyerahkan Hamper Keperluan Harian sempena Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2011. Sementara itu bagi program menyerahkan hamper barangan keperluan harian sempena Deepavali pula, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM311,920 untuk 6,000 hamper dan pecahan pembahagian adalah bergantung kepada jumlah populasi penduduk keturunan India di tempat tersebut berpandukan pemerhatian dan kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam. Harga siling yang ditetapkan bagi sebuah hamper adalah sebanyak RM60 setiap satu.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Teratai ingin bertanya kepada EXCO, kita memang terima kasih kepada hamper-hamper yang diberikan kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu. Tetapi, soalnya bagaimanakah kita boleh menentu hamper ini telah disampaikan kepada sasaran kita? Sekian.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Kita di EXCO Tuan Speaker, kita putuskan bahawa berapa jumlah hamper akan diturun dan sasaran itu ialah kepada ADUN-ADUN tempatan. Kepastian bahawa bantuan ini disalurkan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan ialah melalui pejabat-pejabat ADUN masing-masing.

TUAN SPEAKER : Balakong, tidak hadir. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : ANGGARAN TERIMAAN DARIPADA LAIN AGENSI KERAJAAN 2010

97. Menurut buku Anggaran Perbelanjaan 2011 Selangor m/s 15, anggaran disemak terimaan daripada lain agensi kerajaan bagi tahun 2010 adalah RM355,000,000.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah prestasi kutipan terimaan tersebut?
- b) Jika terimaan tidak menepati anggaran disemak, berapa banyak dan berapa peratuskah kekurangan tersebut?
- c) Apakah jumlah terimaan dari agensi-agensi terlibat?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Y.B. Hulu Kelang. Prestasi kutipan terimaan daripada lain-lain agensi kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM334,213,820 iaitu RM334,213,820. Prestasi terimaan daripada lain agensi kerajaan tidak mencapai seperti anggaran disemak bagi tahun 2003 iaitu berkurangan sebanyak RM20,786,180 ataupun RM20,786,180 atau kekurangan sebanyak 5.6 *percent*. Ini disebabkan oleh ketiadaan menerima apa-apa peruntukan pemberian pertambahan hasil bagi tahun 2010 kerana Laporan Penyata Hasil dan Jabatan Akauntan Negara mendapati tiada pertambahan hasil bagi 2009 berbanding tahun 2008. Jumlah hasil dikutip oleh kerajaan persekutuan tahun 2008

adalah sebanyak RM159.79 bilion telah merosot sebanyak RM1.15 bilion kepada RM158.64 bilion pada tahun 2009.

Terimaan daripada lain agensi kerajaan adalah pemberian daripada kerajaan persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah akta-akta dan perjanjian di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Perincian prestasi terimaan tersebut sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti jadual di bawah. Iaitu pemberian mengikut ramai penduduk yang diterima pada 31 Disember 2010 adalah RM75,466,234 iaitu RM75,466,234. Pemberian pertumbuhan hasil tiada. Pemberian 50% kos pengurusan jabatan negeri iaitu RM32,414,874 iaitu RM32,414,874. Pemberian jalan raya dan lorong iaitu RM180,000,000 iaitu RM180 juta. Pemberian 10% dari kos projek persekutuan iaitu RM20,527,074 iaitu RM20,527,074. Kehilangan hasil Wilayah Persekutuan iaitu RM18,305,638 iaitu RM18,305,638. Kehilangan hasil Putrajaya iaitu RM7.5 juta (RM7,500,000). Jumlah terimaan daripada lain agensi kerajaan adalah kalau dijumlahkan semua adalah RM334,213,820.

Seterusnya bagi tahun 2011, perincian terkini bagi prestasi terimaan tersebut sehingga 30 September 2011 adalah seperti di bawah iaitu seperti berikut. Iaitu pemberian mengikut ramai penduduk iaitu RM62,881,620 iaitu RM62,881,620. Pemberian 50% kos pengurusan jabatan negeri iaitu RM41,382,846 (RM41,382,846). Pemberian jalan raya dan lorong belum lagi. Pemberian 10% dari kos projek persekutuan iaitu RM20,067,263. Kehilangan hasil Wilayah Persekutuan iaitu RM18,305,640 ataupun RM18,305,640. Kehilangan hasil Putrajaya RM7.5 juta. Jadi, jumlah yang terimaan daripada lain agensi kerajaan adalah RM153,137,369. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih EXCO. Tentang pemberian bagi pembaikan lorong dan jalan bagi tahun 2010 jumlahnya RM180 juta. Soalan pertama saya, adakah itu merupakan pemberian sepenuh ataupun 100% ataupun hanya sebahagian? Dan bagi pemberian lorong dan jalan tahun 2011, tiada pembayaran yang sudah dibuat. Jadi, soalan kedua saya bilakah biasanya pemberian bagi pembaikan lorong dan jalan itu diserahkan kepada negeri oleh kerajaan pusat?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Y.B. Hulu Kelang. Yang RM180 juta inilah sebenarnya yang sepatutnya kita dapat dan yang pemberian jalan raya dan lorong untuk 2011, yang ini sedang kita usahakanlah supaya kita mendapatnya secepat mungkin. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dengkil, tidak hadir. Semenyih, tidak hadir. Pelabuhan Klang, tidak hadir. Kota Alam Shah, tidak hadir. Sri Muda.

Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker, soalan 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

102. Kerajaan negeri berhasrat untuk meningkatkan gaji minimum dalam Perkhidmatan Awam Negeri dan kakitangan anak syarikat kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan keupayaan profesionalisme dan pembangunan kapasiti pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan anak-anak syarikat kerajaan negeri?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : *Bismillahirrahmanirrahim*. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan terima kasih kepada Y.B. Sri Muda. Y.B. Sri Muda mahu tahu apakah perancangan yang telah dan akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan keupayaan profesionalisme dan pembangunan kapasiti pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan anak-anak syarikat kerajaan Selangor.

Untuk makluman Y.B. Sri Muda, dasar latihan sumber manusia sektor awam yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan keupayaan profesionalisme dan pembangunan kapasiti pegawai-pegawai perkhidmatan awam negeri, kerajaan negeri telah mengguna pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005 iaitu Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan agar setiap anggota perkhidmatan perlu melengkapkan diri dilengkapkan dengan sikap, *attitude*, kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian melalui program-program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Di antara objektif Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam ini adalah pertama menyediakan anggota yang berkelayakan, berkebolehan dan berkemampuan. Kedua, mencapai hasil kerja yang berkualiti dan bermutu tinggi. Ketiga, meningkatkan kompetensi dan produktiviti. Keempat, membentuk nilai-nilai murni dan sikap-sikap

positif. Kelima, mewujudkan nilai cipta atau *value creation* dan nilai tambah (*value added*) di dalam sektor awam dan menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya.

Sehubungan dengan itu, strategi-strategi berikut telah diambil. Pertama, setiap jabatan hendaklah menyediakan peruntukan tahunan bersamaan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen untuk tujuan latihan. Kedua, setiap ketua jabatan hendaklah memastikan anggota masing-masing di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun. Ketiga, penubuhan Panel Pembangunan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh ketua jabatan.

Dan untuk Program Khas Kakitangan Awam juga di mana program-program bagi calon yang berjaya dikenal pasti oleh ketua-ketua jabatan untuk mengikuti Program Khas Kakitangan Awam bagi melanjutkan pengajian peringkat Diploma Lanjutan, Sarjana Doktor Falsafah (PhD) melalui pembiayaan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor bermula mulai tahun 2010 iaitu bayaran elaun untuk yuran pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak IPT. Elaun buku setahun Diploma Lanjutan sebanyak RM525.00 yang disediakan oleh kerajaan negeri. Untuk Sarjana RM250.00, Doktor Falsafah RM825.00. Elaun Penyediaan Tesis sekali sahaja untuk Diploma Lanjutan RM400.00, Sarjana Kerja Kursus *Course Work* RM1,500.00, penyelidikan atau *research* RM3,000.00, Doktor Falsafah RM6,000.00. Dan juga untuk makluman Seri Muda, saya telah memanggil Setiausaha Bahagian Pembangunan Sumber Manusia untuk bersama-sama dengan semua ketua jabatan Sumber Manusia di jabatan dan agensi kerajaan serta anak-anak syarikat untuk kita berbincang untuk melihat apakah aspek-aspek kritikal yang mesti wujud di sesebuah jabatan atau unit di dalam organisasi mereka tersebut supaya mereka ini boleh diberikan latihan yang sewajarnya untuk mendapat kepakaran di dalam bahagian tersebut dalam bidang tersebut untuk menaikkan keupayaan jabatan-jabatan dan agensi kerajaan serta anak syarikat itu. Seperti SO kita mahu mereka melalui latihan yang sewajarnya supaya mereka benar-benar boleh buat kerja mereka sebagai SO.

Yang keduanya ialah kita mahu sumber manusia di dalam jabatan-jabatan dan agensi-agensinya kerajaan serta anak-anak syarikat ini mengenal pasti penjawat-penjawat yang berpotensi untuk kita gilapkan dan pada tengah bulan 12 ini kita akan buat mesyuarat perbincangan bersama untuk menetapkan perancangan yang sewajarnya sebagai satu langkah yang tetap untuk kita pastikan modal-modal insan berada di dalam jabatan-jabatan kerajaan dan agensi kerajaan serta anak syarikat ini benar-benar insya-Allah kita gilapkan supaya mereka boleh melonjakkan prestasi masing-masing.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Tuan Speaker, soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Silakan...

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Terima kasih Speaker, Saya ingin menyentuh sedikit Laporan Audit 2010 yang menunjukkan bahawa prestasi kakitangan PKNS tidak memuaskan, tetapi di dalam laporan audit juga menunjukkan bahawa prestasi kakitangan awam kerajaan negeri memuaskan. Tetapi saya pelek kenapa yang tak memuaskan ini diberikan gaji minima ataupun bonus yang tinggi. Maka saya memohon apakah pandangan EXCO kerajaan di kala perkhidmatan yang diberikan oleh perkhidmatan awam di kerajaan negeri ini amat memuaskan, sepatutnya kita juga mempertimbangkan gaji minimum untuk kakitangan awam lebih kurang dalam 13,000 orang di kerajaan negeri ini dan apa salahnya kalau ia tak dapat dilaksanakan waktu terdekat, saya mencadangkan agar pihak EXCO fikirkan bersama sebagai menghargai sumbangan kakitangan awam ini di negeri Selangor walaupun kerajaan persekutuan dalam bajet depositnya masih mampu memberi bonus dan sebagainya saya memohon supaya pihak kerajaan mempertimbangkan insentif untuk kakitangan awam sejajar dengan bajet yang berimbang dan juga pendapatan bertambah pada setiap tahun apa kiranya kita beri insentif untuk menjelang musim pembukaan musim persekolahan kepada kakitangan awam di peringkat kerajaan negeri itu cadangan saya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Terima kasih banyak kepada Batang Kali yang begitu prihatin tentang prestasi produktiviti pekerja-pekerja sama ada penjawat awam dan juga kepada anak syarikat kerajaan Selangor. Untuk makluman Batang Kali memang kerajaan negeri Selangor mahu mempertingkatkan upah kepada penjawat-penjawat awam bukan sahaja kepada GLC yang sudah tentu sudah ada mempunyai peruntukan mereka sendiri tetapi penjawat awam itu sendiri dan disebutkan oleh Batang Kali tadi tentang kerajaan pusat memberikan bonus dan sebagainya. Untuk makluman Batang Kali kerajaan negeri Selangor pun telah memberikan bonus untuk semua penjawat awam sekurang-kurangnya RM500.00. Sudah diberi dan insya-Allah akan diberi lagi apabila sebelum hari raya ya, sebelum hari raya dulu kita dah bagi dan kita sentiasa melihat sekiranya rezeki kita lebih memang kita akan kongsi bersama dengan semua rakyat termasuk penjawat awam dan penjawat awam adalah agen terpenting untuk memastikan dasar-dasar, polisi baik kerajaan Pakatan Rakyat Selangor di bawa sampai ke bawah kepada rakyat yang sebenarnya.

Sentuhan tentang prestasi kakitangan PKNS kurang memuaskan tetapi diberi gaji minimum. Tentang memuaskan dan tidak, sebab itu saya katakan tadi kalau selama ini jabatan-jabatan kerajaan dan agensi kerajaan serta anak syarikat telah diberikan mandat untuk menjaga prestasi penjawat-penjawat mereka sendiri maka mereka insya-Allah akan dipanggil untuk memastikan mereka memang betul-betul memberikan satu tumpuan khas memberi latihan, memberikan kursus apa segala ilmu kemahiran yang diperlukan untuk menaikkan prestasi mereka. Jadi beri gaji minimum bukan begitu sahaja tetapi kita mahu menaikkan kompetensi mereka. Bahkan juga Kerajaan

Selangor telah pun mewujudkan satu tabung khas untuk anak-anak penjawat awam ini kerana kita tahu mereka bukan sahaja menjaga diri mereka sendiri tapi anak-anak mereka, keluarga mereka. Kita telah mewujudkan satu tabung khas untuk anak-anak pekerja awam sebanyak RM5 juta setahun. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru

Y.B.. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker, soalan no. 103

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B.. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASALAH SAMPAH, PARIT TERSUMBAT DI MERU

103. Masalah yang banyak diadukan di Pejabat Wakil Rakyat DUN Meru adalah mengenai masalah sampah yang tidak dikutip di taman perumahan dan masalah parit tersumbat yang tidak diselia baik oleh kontraktor MPK.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan MPK secara jangka masa panjang bagi menangani masalah ini yang tiada jalan penyelesaian di kawasan Meru?
- b) Bagaimanakah pemantauan yang dibuat oleh MPK untuk menyelesaikan masalah ini?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Meru adalah mengenai masalah sampah parit tersumbat di Meru. Meru nak tanya apakah tindakan MPK secara jangka masa panjang bagi menangani masalah ini. Tuan Speaker, tindakan MPK secara jangka masa panjang bagi menangani masalah di kawasan Meru adalah seperti berikut:

- i) Pemantauan secara berterusan dijalankan bagi mencapai punca masalah yang berlaku bagi penyelesaian bagi jangka masa yang panjang.
- ii) Lawatan bersama kontraktor dijalankan untuk memastikan kerja di lapangan selesai dan berkesan.

Dan bagaimanakah pemantauan yang dibuat. Tuan Speaker, pemantauan yang dibuat oleh MPK untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan mengenakan tindakan pemotongan *notice to correct* dengan izin ataupun NTC kepada kontraktor bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna dan saya baru-baru ini telah membuat cadangan kepada semua PBT kita bagi sebanyak dua kali *warning*, amaran kepada kontraktor yang tertentu yang dikatakan tidak berprestasi yang baik. Kalau dua kali

masih degil, tidak ada nampak kesan yang positif, kita akan pecat kontraktor itu. Itu cara kita. Lagi satu cadangan kita tahun depan ialah kita akan melantik Jawatankuasa Tempatan JKKK atau pun Jawatankuasa di zon masing-masing untuk menjadi pemantau. Maksudnya setiap kontraktor di kawasan itu selepas penyelesaian kerja mereka, mereka kena tunjuk kepada pemantau tempatan itu. Kalau mereka tidak dapat kelulusan, maksudnya kerja mereka tidak memuaskan dan tidak akan dapat bayaran. Itu cara kita pendekatan yang baru. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 104

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : **PENDAPATAN PASIR TERKINI**

104. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hasil pendapatan pasir yang terkini dari segi cukai, premium dan royalti dan bagaimana wang ini telah digunakan untuk pembangunan di negeri Selangor?
- b) Adakah Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) bercadang untuk membekalkan pasir halus yang mempunyai pasaran yang besar di Selangor dengan harga yang lebih munasabah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Kg. Tunku. Tentang pendapatan pasir yang terkini untuk pada tahun 2011 sehingga 30 September 2011, KSSB telah membayar royalti untuk pembinaan pendapatan pasir sebanyak RM14.3 juta kepada kerajaan negeri Selangor melalui Pejabat Tanah yang berkenaan. Kontraktor cuci gali Sungai yang dilantik oleh KSSB dibenarkan untuk menghasilkan dan menjual pasir halus harga ini soalan yang kedua ya harga jualan ditetapkan oleh kontraktor mengikut harga pasaran semasa. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Permatang, tidak hadir. Jeram, tidak hadir. Sabak, tidak hadir. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Atas soalan 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KAD AUTORITI MENCEGAH MAKSIAT

108. Gejala-gejala negatif seperti maksiat masih berleluasa di negeri Selangor. Tahniah di atas usaha kerajaan menanganinya dengan menubuhkan GeMS (Generasi Idaman Selangor) dan kempen Jom Cegah Zina di bawah program Modal Insan;

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapakah kad autoriti mencegah maksiat tidak ditambah dan hanya dihadkan kepada nazir, imam, bilal dan siak sahaja. Sedangkan alam masa yang sama ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis PBT dan juga AJK masjid boleh berperanan dalam membantu pencegahan maksiat.
- b) Kenapa keadaan ini berlaku?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHMED ALI : *Assalammualaikum warahmatullah w.b.t.* Selamat Pagi kepada semua Tuan Speaker, bagi soalan daripada Lembah Jaya. Kad autoriti bagi mereka yang melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di peringkat mukim, di peringkat kampung, dari segi enakmen kita iaitu Seksyen 18 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 kita hanya mengkhususkan kepada empat orang sahaja yang diberikan kad autoriti iaitu pegawai-pegawai masjid yang namanya Nazir, Imam, Bilal dan Siak. Kita tidak mengeluarkan kad-kad itu kepada penjawat-penjawat yang lain daripada mukim dan kampung. Pertama disebabkan kita bimbang kad-kad yang sedemikian ini boleh disalahgunakan. Maklumlah untuk menjalankan penguatkuasaan orang berkhawat misalnya untuk menjalankan penguatkuasaan orang bersekedudukan misalnya untuk menjalankan khawat kepada mereka yang melakukan zina umpamanya sudah tentulah memerlukan orang-orang yang berintegriti, orang-orang yang amanah dan orang-orang yang mempunyai bukan sahaja kepercayaan dirinya, kepercayaan masyarakat tapi yang pentingnya ialah kepercayaan menjalankan titah perintah *Allah Subhanahuwataala*. Maka sebab itu MAIS, JAIS untuk memberikan kad yang sedemikian sebab itulah kad ini dikhususkan hanya kepada nazir, kepada imam, bilal dan siak. Kemudian ada tak rancangan-rancangan nak untuk kita memberikan kad-kad ini kepada anggota-anggota yang lain supaya perkara-perkara mengenai penguatkuasaan ini dapat dijalankan lebih meluas. Saya ingin mengatakan bahawa sekarang ini di Bahagian Penguatkuasaan JAIS kita mengalami kekosongan jawatan sebanyak 48 kekosongan. Jadi kekosongan jawatan ini telah menyebabkan sebahagian daripada sayap-sayap kemampuan kita untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan tidak dapat dijalankan dengan baik. Apa pun

memang rundingan sedang dijalankan dengan beberapa pihak supaya kita dapat menempatkan pegawai-pegawai yang di luar JAIS tetapi ditempatkan ataupun dikhususkan untuk membantu JAIS dalam hal-hal penguatkuasaan. Misalnya Jabatan Polis, orang-orang, pegawai-pegawai, kakitangan yang mempunyai ilmu pengetahuan kemahiran dalam hal-hal penguatkuasaan, dalam hal-hal pendakwaan dan sebagainya kita sedang rangka sedang aktif membincangkan dengan Jabatan Polis untuk kita dapat bantuan daripada kemanusiaan daripada manusianya, tenaganya untuk membantu kita dalam bidang ini. Tapi apa pun di peringkat surau-surau, di peringkat mukim, di peringkat kampung-kampung yang terpencil misalnya kita sentiasa mengalu-alukan kepada siapa sahaja tetapi janganlah pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan surau itu mengambil tindakan bersendirian dia mesti disertai oleh orang-orang JAIS Penguatkuasa JAIS yang faham tentang kedudukan perkara dan tatacara melakukan penguatkuasaan menemani mereka supaya tidak berlaku salah guna kuasa, supaya tidak berlaku salah guna tatacara supaya tidaklah berlaku perkara-perkara yang didorong oleh nafsu sendiri tetapi bukan didorong oleh kerana kita menguatkuasakan peraturan yang diwajibkan oleh *Allah Subhanahuwataala*.

Maka dengan itu Tuan Speaker terima kasih kepada Lembah Jaya, kalau di Lembah Jaya saya faham Yang Berhormat sendiri begitu aktif dalam hal-hal yang sedemikian kalau dapat Yang Berhormat Yang Berhormat yang lain, pejabat-pejabat pusat khidmat Yang Berhormat-Yang Berhormat dan semuanya kalau dapat kita bersatu hati, bersatu tenaga bersatu fitrah untuk memerangi masalah-masalah sosial yang dihadapi kemungkinan perkara-perkara ini dapat dibereskan walaupun tidak dapat dicegah seratus peratus. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker pengalaman kitalah sebagai wakil rakyat bila ada kes semacam ini kita dipanggil dan kita pergilah beberapa orang termasuk polis juga kita panggil hadir tapi sebenarnya tidak dapat diambil tindakan apa. Polis kata dia tak melakukan jenayah dia nak apa ni ada jenayah barulah termasuk bawah kekuasaannya. Akhirnya kita macam pergi tengok akhirnya nasihat begitu sajalah. Tapi selepas pada itu kita terima maklumat berlaku lagi perkara itu. So prosedur yang terbaik untuk mencegah itu macam mana ya. Sebab dengan kekurangan tenaga tadi kadang imam pun tak nak turun kita telefon. Akhirnya tinggal begitu. Bila banyak kali kita pun jadi tawar juga. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi, saya tahu Bangi pun aktif dalam hal-hal membantu penguatkuasaan ini dan kita banyak kes-kes yang menunjukkan Bangi terlibat secara langsung. Terima kasih kepada Bangi. Tapi apa

pun saya ingin bukan nak mempertahankan teman-teman di masjid, di surau dan teman-teman yang lain yang kita harapkan dapat berperanan. Tapi saya pun ingin menyatakan bahawa saya bukannya senang nak buat penguatkuasaan ini. Yang pertama ia biasanya berlaku selepas pukul satu pagi. Pukul satu pagi, pukul dua pagi, pukul tiga pagi ini bukan senang nak menanggalkan selimut nak keluar dan tak tahu pula yang keluar itu apa yang nak dilakukan berbagai-bagai perkara boleh berlaku. Kerana kita nak mencegah satu maksiat yang berlaku dan maksiat ini kadang-kadang ia berangkai-rangkai antara dengan satu lain. Dan maksiat seperti ini kadang-kadang ada dia punya bapak ayam ada dia punya emak ayam ada dia punya adik ayam ada dia punya kakak ayam dan sebagainya. Yang ini juga merupakan perkara-perkara yang patut diberikan perhatian. Yang kedua ialah tentang keselamatan. Saya faham bukannya senang ya nak masuk tempat-tempat yang sedemikian dan tempat-tempat sedemikian ini biasanya tempat-tempat ini begitu terdedah kepada gejala-gejala yang ada kaitan langsung dengan usaha yang nak kita lakukan. Macam yang saya sebutkan tadi. Jadi tentang keselamatan teman-teman kita ini tidak di *trained* tidak di latih untuk kita dapat melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan kita termasuk nyawa-nyawa mereka yang melakukan kerja-kerja yang sedemikian. Dan yang ketiga ialah soal ilmu dan kemahiran, memang tidak dapat dinafikan misalnya teman-teman yang di JAIS pun memerlukan bertahun-tahun pengalaman untuk membolehkan dia menjadikan orang yang berketerampilan orang yang boleh diharapkan *skill full* dalam bidang ini apa lagi lah manusia-manusia biasa yang ada di kampung yang ada di mukim itu sudah tentulah dia nak pergi isteri dia tak bagi, dia nak pergi anak dia tak bagi tapi anak muda dia suka nak pergi. Tapi apa pun, walau apa pun saya nak mengatakan inilah perkara-perkaranya saya simpati dengan Bangi dan bersimpati dengan teman-teman yang lain sebenarnya kita bahagian kuat kuasa ini kita dah letakkan seorang pegawai dinamik seorang pegawai yang boleh meneroka ke hadapan berfikir ke hadapan *out of the box* punya memikir jadi tugas sekarang ini saya rasa lebih kemas lagi peraturan-peraturan yang berada di JAIS. Satu lagi yang saya ingin sebutkan di sini Menteri Besar telah mengarahkan supaya kita melihat kembali *SOP (Standard Of Procedure)* kita *operating procedure* kita supaya kita dapat melihat bagaimana cara yang terbaik area-area, aspek-aspek yang mesti dipertingkatkan, diperkuatkan di perkukuhkan untuk menentukan setiap tindakan yang kita ambil itu tindakan yang dapat dipertahankan bukan saja dipertahankan dalam mata masyarakat tetapi dapat di pertahankan di muka pengadilan. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker Soalan No. 109.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBELIAN KONSESI AIR

109. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan pembelian konsesi air untuk negeri Selangor?
- b) Apakah peranan kerajaan pusat dalam hal ini?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYUAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Kota Damansara. Soalan berkenaan dengan pembelian konsesi air. Apakah perkembangan pembelian konsesi air untuk negeri Selangor. Nombor 2 apakah peranan kerajaan pusat dalam hal ini.

Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Sebagai keutamaan dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini kerajaan negeri Selangor sentiasa menitik beratkan faktor kepentingan penggunaan dan nilai *fair market value* yang akan di tawarkan kepada syarikat konsesi air supaya hasil dari penstrukturan itu kekal tidak membebankan pengguna dan tidak merugikan mana-mana pihak. Bagi merealisasikan cadangan penstrukturan tersebut, kerajaan negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih syarikat konsesi air sebanyak tiga kali. Ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri Selangor adalah seperti berikut.

Ini dalam ringgit juta ya. Tawaran pertama pada hari 13 Februari 2009 kepada ABBAS ialah 925 juta, kepada SPLASH ialah 264 juta. Puncak Niaga ialah 1,608 juta, SYABAS ialah 1,512 juta dan sejumlahnya tawaran yang pertama ialah 5,709 juta. Tawaran kedua ialah pada 25/6/2009 ABASS ditawarkan 946 juta, SPLASH ditawarkan untuk 2,975 juta, Puncak Niaga ditawarkan 1,936 juta, SYABAS 3,361 juta total dia ialah 9,218 juta. Tawaran yang ketiga telah dibuat pada 6hb. Januari 2011. ABASS 402 ribu juta, SPLASH 2,772 juta, Puncak Niaga 2,040 juta, SYABAS 4013 juta keseluruhannya ialah 9,227 juta.

Syarikat konsesi air telah menolak tawaran yang dikemukakan oleh kerajaan negeri atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang pemegang konsesi. Pemegang konsesi air Negeri Selangor iaitu Syarikat Bekalan Air Sdn. Bhd. (SYABAS), Syarikat Pengeluar Air

Sungai Selangor Sdn. Bhd (SPLASH), Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd (PNSB) dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd (ABASS) mengeluarkan nota hutang seperti berikut:

SYABAS pengeluar nota hutang, jenis nota hutang ialah 3.0 bilion RM. *Bai Bitahaman Ajhil Commercial Paper* atau pun (BBA CP) dan *Bai Bitahaman Ajhil Medium Term Note* (BBA MTN).

PNSB mengeluarkan hutang nota dia ialah RM1.02 bilion yang itu *Bai Bitahaman Ajhil Islamic Debt Securities*. RM560.88 juta Junior Notes A (A Notes) dan juga RM435 juta *Redeemable Unsecured Bonds* (RUB)

SPLASH pula jenis nota hutangnya ialah Ringgit 380,0 juta *Murabahab Medium Term Note* (MMTN). 50,0 juta RM *Murabahab Commercial Paper* (MCP) dan *Titisan Modal Sdn.Bhd* (TMSB) juga mengeluarkan jenis nota hutang iaitu 738.0 juta *Fixed Rate Serial Bonds*.

Pada 11 April 2011, Malaysia Rating Corporation (MARC) satu institusi penarafan kredit domestik yang ditubuhkan pada tahun 1995 telah membuat pengumuman menurunkan taraf nota hutang yang dikeluarkan oleh kesemua syarikat konsesi air seperti berikut:

SYABAS jenis nota ya tadi yang saya baca itu BBA CP dan BBAMTN dia ialah penarafan dahulu ialah MARC – 1. Penarafan pada 11 April 2001 jatuh kepada MARC taraf 3 dan juga SYABAS mengadakan penarafan dulu ialah A+ dan dalam April 11 2011 jatuh kepada BBB menurun tarafnya. PNSB menurun taraf dia dari A+ kepada BBBB, A- kepada BB+, A- kepada BB+ menurun taraf juga. Dan SPLASH juga untuk MMTN dan MCP waktu mengeluarkan hutang nota hutang itu mereka dapatkan A dan juga MARC-2 dan pada penarafan 11 April 2011 dia jatuhkan kepada BBBB dan juga MARC-3 mark 3 penurunan taraf juga. Dan *Titisan Modal Sdn. Bhd.* juga dari jenis nota hutang dia juga dari FRSB mulanya ialah AA+ bond, bond ratingnya jatuh kepada B dan menurun taraf juga.

Lanjutan dari penolakan oleh pemegang konsesi terhadap nilai yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor dan masalah pembayaran balik hutang-hutang air kepada pemegang bon, kerajaan persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah melaksanakan pengambilalihan bon-bon air dari pemegang bon bagi mengatasi masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh syarikat konsesi air sebagai penyelesaian jangka pendek.

Selanjutnya pada 15 Jun 2011 satu pertemuan telah diadakan di antara Yang Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan juga Y.A.B. Menteri Tenaga Teknologi Hijau Dan Air. Di dalam pertemuan tersebut Y.A.B. Menteri Besar telah mencadangkan pendekatan dua langkah sebagai penyelesaian kepada pengambilalihan syarikat konsesi air. Pendekatan dua langkah bermaksud pihak Kerajaan mengambil alih

mana-mana syarikat konsesi air yang bersetuju dengan nilai tawaran manakala syarikat yang tidak bersetuju di benarkan untuk meneruskan operasi seperti sedia ada sehingga tamat tempoh konsesinya.

Kerajaan negeri Selangor melalui surat kepada Yang Berhormat Menteri bertarikh 27 Jun 2011 telah menegaskan bahawa cadangan penyelesaian dua langkah mempunyai banyak masalah yang perlu ditangani oleh semua pihak di mana antara masalah-masalah itu adalah seperti berikut:

Tempoh transaksi bagi syarikat konsesi yang tidak setuju untuk membuat keputusan. Adakah syarikat konsesi tersebut perlu dibiarkan beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi atau pun perlu diberikan satu *cut off date*. Bolehkan kadar tarif munasabah di capaian di capai kerana di dalam perjanjian konsesi sedia ada terdapat kenaikan tarif yang tidak keterlaluan. Adakah terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi tersebut di kekalkan.

Tanggungjawab nombor dua tanggung jawab sepenuhnya dari syarikat pengedar air terutamanya di dalam menjelaskan bayaran harga air kepada operator rawatan. Adakah syarikat pengedar air sedia untuk menyelesaikan segala tunggakan kos air terawat. Adakah syarikat pengedar air sedia untuk memberikan jaminan bahawa bayaran penuh akan di bayar sepanjang tempoh konsesi berkuat kuasa.

Nombor tiga. Tanpa kerjasama pengedaran air, operasi SPV (*special purpose vehicle*) akan terjejas akibat kekurangan aliran tunai. Masalah projek penambahbaikan air masa hadapan di bawah kawalan satu pihak syarikat pengedar air. Kes-kes tuntutan mahkamah sedia ada oleh pengedar air bolehkah ia digugurkan. Isu dalam mencapai kompromi mengenai bayaran pampasan kepada pemegang konsesi. Dan akhir sekali *transfer pricing* dalam operasi masih dikekalkan.

Berdasarkan kepada masalah-masalah yang digariskan di atas, kerajaan negeri Selangor menegaskan bahawa penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor perlu dilaksanakan dengan menggunakan konsep holistik yang mendukung hasrat sebenar dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- (i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan negeri;
- (ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
- (iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan

perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu SPAN.

Kerajaan negeri Selangor telah memaklumkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) bahawa konsep industri perkhidmatan air yang holistik mempunyai banyak kebaikan jika dibandingkan dengan keadaan perkhidmatan sedia ada, antara kebbaikannya adalah seperti berikut:-

- (i) Secara relatifnya dapat menjamin kadar tarif yang munasabah dengan purata kenaikan kadar tarif air.
- (ii) Pemantauan kos operasi bagi menjamin kos operasi yang tidak membebankan. Syarikat SPV tidak akan dibebani dengan terma pembelian minimum ataupun caj kapasiti yang tinggi. Model holistik dapat mengekang *transfer pricing*.
- (iii) Semakan awal terhadap bayaran jualan pukal dan bayaran tetap/kapasiti yang dituntut oleh pemegang konsesi sedia ada menunjukkan bahawa pemegang konsesi telah meraut pulangan yang tinggi berbanding dengan kos pembangunan, cukai dan faedah/untung institusi kewangan juga. Syarikat SPV yang baru akan dipantau bagi memastikan keuntungan yang tidak melampaui.
- (iv) Syarikat SPV tidak di beban dengan Kos Pembangunan (CAPEX) kerana ia akan mengambil alih oleh PAAB. Syarikat SPV akan membayar pajakan kepada PAAB atas aset-aset yang digunakan.

Kerajaan negeri Selangor selanjutnya telah mencadangkan supaya rundingan secara agresif dengan semua Syarikat Konsesi Air dapat diadakan semula di mana rundingan tersebut hendaklah diterajui oleh KeTTHA dengan kehadiran sama kerajaan negeri Selangor. Tempoh maksimum bagi rundingan ini haruslah diberikan selama enam (6) bulan sahaja. Rundingan tersebut hendaklah dibuat secara *open book basis* dan asa kepada rundingan hendaklah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- (i) Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah pemilik ekuiti, aset dan liabiliti semua konsesi air;
- (ii) Kerajaan negeri Selangor akan membiayai pemilikan ekuiti dalam SPV menerusi injeksi semua aset air negeri;
- (iii) Semua perjanjian konsesi air sedia ada akan ditamatkan;
- (iv) SPV dimiliki oleh kerajaan negeri Selangor dengan satu saham emas Kerajaan persekutuan; dan akhirnya

- (v) SPV akan diberikan lesen di bawah Akta 655 untuk beroperasi dan menyelenggarakan industri perkhidmatan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sekiranya setelah tamat tempoh rundingan yang dicadangkan itu, hanya sebahagian pemegang konsesi setuju untuk diambil alih (misalnya hanya 2 setuju, 2 tidak setuju), maka kerajaan negeri Selangor bersedia untuk menimbangkan penyelesaian dua langkah yang dicadangkan oleh KeTTHA tertakluk kepada:-

- (i) Pembatalan semua saman terhadap kerajaan negeri, ahli-ahli dalam pentadbiran negeri, para pegawai dan ejen-ejen negeri;
- (ii) Penyelesaian semua jumlah tertunggak untuk rawatan air oleh syarikat-syarikat konsesi sama ada oleh pengedar air;
- (iii) Jaminan invois pembayaran penuh untuk rawatan air oleh SPV kepada pengedar air;
- (iv) Penyerahan semua maklumat yang dikehendaki oleh negeri daripada pengedar air tetapi tidak terhad kepada pangkalan data pengguna sahaja;
- (v) Penyerahan operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air Sungai Sireh kepada syarikat pengendali milik kerajaan negeri, termasuk pemberian kerja penambahbaikan; dan
- (vi) Pemberian perkhidmatan berlesen kepada syarikat milik negeri – SPV – bagi operasi dan penyelenggaraan semua kemudahan termasuk kemudahan perawatan di Labu dan Langat 2.

Mesyuarat Jawatankuasa penstrukturan yang diakan oleh KeTTHA pada 6 September 2011, tidak membincangkan sama sekali mengenai cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri Selangor dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Sebaliknya, pihak KeTTHA melalui surat Y.B. Menteri bertarikh 12 Oktober 2011 telah menegaskan bahawa kerajaan persekutuan tidak menghalang kerajaan negeri Selangor untuk melaksanakan penstrukturan secara holistik dengan syarat pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air hendaklah dibuat secara “*willing buyer willing seller*” dan menghormati perjanjian-perjanjian konsesi yang masih sah dan berkuat kuasa.

Di dalam surat tersebut juga menyatakan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh kerajaan negeri Selangor di dalam melaksanakan pendekatan dua langkah sebagai tidak praktikal dan sukar untuk dipenuhi. Y.B. Menteri berpandangan sekiranya kerajaan negeri Selangor komited untuk melaksanakan pendekatan “dua langkah”, kerajaan negeri Selangor perlu memulakan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi

air yang bersetuju dengan kaedah pengambilalihan yang dicadangkan berdasarkan “*willing buyer willing seller*” dan bukannya menetapkan pelbagai syarat untuk dipenuhi oleh kerajaan persekutuan.

Selanjutnya, Yang Berhormat Menteri turut berpandangan bahawa syarat-syarat yang dikemukakan oleh kerajaan negeri Selangor hanya akan dapat dipenuhi sekiranya kerajaan negeri Selangor dapat memberikan persetujuan tanpa syarat terhadap perkara –perkara berikut:-

- (1) memberikan semua kelulusan yang diperlukan untuk membolehkan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dilaksanakan mengikut perancangan; dan
- (2) meluluskan pelarasan tarif air bagi negeri Selangor berdasarkan perakuan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu SPAN

Kerajaan negeri Selangor masih berpendirian bahawa Projek Loji Rawatan Air Langat 2 boleh dipersetujui pelaksanaannya jika penstrukturan semula air Negeri Selangor dimuktamadkan sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan rakyat.

Kerajaan negeri Selangor juga telah menulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia memaklumkan bahawa kerajaan negeri Selangor sentiasa komited untuk melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor melalui Model Holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkukuhkan integriti, daya saing dan kemapanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagaimana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan Model Holistik di Pulau Pinang, di Melaka, di Negeri Sembilan dan di Johor.

Setakat ini, masih belum ada sebarang persetujuan yang dicapai di dalam kerajaan negeri Selangor dan kerajaan persekutuan di dalam memuktamadkan penstrukturan semula air negeri Selangor.

Pindaan Perlembagaan pada tahun 2005 telah meletakkan air di bawah senarai 111 – senarai bersama. Melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa kerajaan persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Berdasarkan kepada Akta 655, keputusan akhir sama ada model holistik negeri Selangor akan diterima pakai adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

Di sini saya nak, nak habiskan dengan 2 *statements* sahaja Speaker, yang satu negeri Selangor bersedia kalau Menteri dan juga kerajaan pusat bersetuju untuk mengadakan satu perundingan khas ataupun *arbitration* kalau dikatakan pihak sebelah Kerajaan tak setuju ataupun syarikat-syarikat berkenaan tak setuju dengan pandangan yang diberi oleh negeri. Kita bersetuju untuk adakan satu pendengaran *arbitration* oleh satu pihak yang *independent* untuk tentukan apa yang kita bawa ke meja ataupun pihak-pihak yang lain bawa ke meja ialah yang satu-satu yang boleh diselesaikan, no. 1.

No. 2, saya nak *insists* ataupun nak pastikan di sini bahawa Menteri ada kuasa, 191(4) di dalam Akta *WSIA*, Menteri ada kuasa untuk panggil mana-mana syarikat untuk berdepan di rundingan meja untuk pastikan keselesaan ini. Di sini saya minta Menteri yang berkenaan Y.B. Dato' Seri Peter Chin, Peter Chin kena *declare interest* dia perjanjian dengan SYABAS, adakah Peter Chin *interestnya* di Puncak Niaga dan SYABAS sebab apa dia tidak boleh panggil syarikat-syarikat ini untuk berunding dan kita boleh selesaikan dalam enam bulan. Terima kasih Speaker.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara, dah 3 kali saya dengar penjelasan yang sama. Tiap kali setengah jam nak ada soalan lagi.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Ada soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Tambah lagi tak cukup 3 kali jelas. Ok. Sila.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Soalan tambahan, bagaimana syarikat-syarikat konsesi air ni berhutang dengan begitu tinggi walhal tugas mereka ialah untuk memproses air. Alat-alat penyelenggaraan adalah milikan kerajaan negeri dan ini bukanlah satu perniagaan ataupun transaksi dan tidak ada risiko.

TUAN SPEAKER : Itu bukan-bukan di bawah kerajaan negeri, macam mana kita tahu dia rugi banyak, apa sebabnya.

Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Mungkin nak tanya kalau Kerajaan Negeri tahu kenapa.

TUAN SPEAKER : Oh mungkin, kerajaan kena serba tahu ni.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Semua syarikat-syarikat yang saya telah namakan tadi *finance paper* mereka semua memang pada waktu yang kita nampak di sini bila ditawarkan ialah dulu dia punya rating, dia punya tinggi sebab pendapatan mereka semua ialah *profitable business ventures* air ni. Air ni

ialah satu *business ventures* yang kalau kita gunakan dia pun bikenya ialah *is a profitable ventures*. Any bank dengan apa aset yang dia adakan akan memberikan loan, bon dan sebagainya tak ada masalah untuk itu. Itu fasal kita katakan *capex* dia sekarang kita sudah berhentikan ya. *Capex (capex expenditure)* oleh SYABAS sekarang sebab kita memiliki 30% di dalam SYABAS melalui KDEB untuk gunakan itu pada masa sekarang kita telah berhentikan perbelanjaan *capex* yang sentiasa digunakan saya rasa macam itu oleh syarikat sementara waktu sebelum kita masuk dan teliti *accounting* mereka dan untuk dapatkan satu *figure* yang baik. So, jawapan saya kepada Kota Damansara ialah industri air ini ialah satu-satu industri yang untungnya tinggi. *Very profitable business*, sebab itu mereka boleh dapatkan bon dan sebagainya untuk jual. Tapi sekarang masalah dia ialah dalam isu untuk kita selesaikan masalah ini orang-orang nampak tidak berterusan dengan syarikat SYABAS dan perniagaan ini, *International Rating Agencies* telah turunkan bon-bon mereka sebagai satu contoh sebab tidak ada keselesaan ni.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, soalan 110.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : **PRESTASI PBT**

110. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- a) Apakah sistem penilaian dan indeks yang digunakan untuk menilai prestasi PBT?
- b) Bagaimanakah Kerajaan memantau prestasi setiap PBT dari masa ke semasa sepanjang tahun?
- c) Adakah kerajaan bersedia melantik juruaudit "dalaman" setiap PBT terus daripada jabatan Audit Negeri yang akan bertanggungjawab terus kepada Ketua Audit Negeri?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Kajang adalah mengenai Prestasi PBT. Apakah sistem penilaian dan indeks yang digunakan untuk menilai prestasi PBT? Tuan Speaker, untuk makluman kerajaan negeri masih belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan sistem penilaian dan indeks bagi menilai prestasi PBT memandangkan penilaian prestasi ke atas PBT negeri Selangor termasuk PBT di negeri-negeri lain telah dilaksanakan di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT yang dikenali sebagai Sistem *Star Rating*. Tujuan

pelaksanaan sistem tersebut adalah bagi menilai tahap pencapaian, penyampaian perkhidmatan PBT. Meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut Rating agar PBT dapat meningkatkan daya saing masing-masing dan mengemas kini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi. Pihak KPKT telah menggunakan sistem penggredan dengan berdasarkan penilaian ke atas 4 kriteria utama seperti berikut:-

- (i) Pengurusan – 30%;
- (ii) Perkhidmatan-perkhidmatan Teras – 35%;
- (iii) Pengurusan Pelanggan – 15% dan
- (iv) Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk iaitu:-
 - (a) Penglibatan Komuniti – 10%
 - (b) Pandangan Penduduk, soal selidik - 10%

Tuan Speaker, 5 daripada 11 PBT yang mencapai prestasi 4 bintang iaitu pencapaian paling tinggi dalam tahun 2008 adalah dari Selangor. Tahniah kepada (tepuik meja) MPSJ, MBPJ, MBSA, MPK dan MPKJ. Kelima-lima PBT ini mencapai 4 bintang. Ini satu-satu prestasi yang agak baik dan selain itu kita pun menganggap Laporan Ketua Audit Negara sebagai satu penilaian juga dan baru-baru ini dalam Laporan Ketua Audit Negara telah menamakan MPAJ dan MPSJ bersama-sama dengan Perbendaharaan Selangor juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai agensi kerajaan yang mencapai lebih daripada 90 markah dalam pengurusan kewangan. Setiap kriteria telah ditetapkan, *indicator* berkaitan di mana secara keseluruhannya sebanyak 354 *indicator* akan dinilai dalam memastikan PBT sentiasa berada dalam keadaan konsisten dan meningkatkan prestasi dari masa ke semasa pelbagai mesyuarat, taklimat, bengkel dan pertemuan telah diadakan di antara kerajaan negeri dan pihak PBT. Kaedah ini menjadi platform kepada kerajaan negeri untuk memantau prestasi PBT sepanjang tahun. Satu lagi penilaian adalah penilaian untuk OSC. Saya difahamkan OSC-OSC di Selangor termasuk MPK dianggap sebagai sebuah PBT yang paling cekap dalam prestasi OSC iaitu *One Stop Centre*.

Tuan Speaker, Kajang juga ingin tahu adakah Kerajaan bersedia melantik juruaudit dalaman setiap PBT terus daripada Jabatan Audit Negeri yang akan bertanggungjawab terus kepada Ketua Audit Negeri. Tuan Speaker, buat masa ini kerajaan negeri tiada dalam perancangan untuk melantik Juruaudit Dalaman setiap PBT daripada Jabatan Audit Negeri memandangkan telah memadai dengan adanya pegawai yang telah dilantik oleh PBT masing-masing dalam menjalankan tanggungjawab untuk memastikan wujudnya *check and balance*, (dengan izin) dalam pengurusan kewangan dan

pengurusan korporat PBT iaitu melalui satu pendekatan yang agak unik di negara ini hanya berlaku di Selangor sebuah Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat, (KPAPK) yang telah bermula pada tahun 2009 di mana semua anggota daripada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat adalah daripada anggota Ahli Majlis tak ada pegawai. Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan menggunakan khidmat Bahagian Audit Dalaman, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekiranya terdapat isu-isu berbangkit yang perlu dibuat pengauditan mahupun disiasat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, terima kasih. Yang Berhormat EXCO PBT mengenai dengan prestasi PBT ini di negeri Selangor saya ingin menarik perhatian meminta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang prestasi PBT Majlis Daerah Sabak Bernam yang baru hari ini dikritik oleh kawan daripada Kuala Kubu, MCA ya. Kawan daripada Kuala Kubu di Sekinchan kononnya PBT di Sabak Bernam menjual 24 unit pangsapuri hasil daripada usaha kerjasama dengan satu syarikat untuk tambah hasil *reserve* kerajaan. Tambah hasil *reserve* kerajaan. Adakah ini menjejaskan prestasi PBT. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kerajaan Tempatan ataupun PBT ada akaun yang berlainan daripada akaun negeri. Ini satu kesilapan MCA lah kalau-kalau tuduhan begini. Sebenarnya pangsapuri yang dikatakan itu, 24 unit itu adalah satu, adalah satu harta yang diberikan kepada-kedapa Sabak Bernam ekoran satu usaha sama, satu *joint venture* dalam zaman-zaman Barisan Nasional dan ini akan telah ditenderkan untuk dijual kepada orang awam dan wang ini, dan tender ini telah dibuat dan wang ini apabila dikutip akan terus masuk akaun Sabak Bernam. Langsung tak ada kena mengena dengan kewangan negeri jadi ini satu tuduhan yang tidak berasaslah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan no. 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : **KRISIS BEKALAN AIR DI SELANGOR**

111. Spekulasi yang mendakwa isu krisis bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menjelang tahun 2012 bakal menjadi kenyataan apabila rizab harian penggunaan air hanya mencukupi keperluan kira-kira 800,000 pengguna di kawasan Gombak.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- a) Adakah benar sumber air mentah di negeri Selangor tidak mencukupi?
- b) Berapakah kadar rizab air yang mampu disediakan bagi menangani keperluan waktu kemuncak?
- c) Adakah SYABAS berjaya menjalankan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha mengurangkan air tidak berhasil (*non revenue water*) dan memperbaiki paip air yang dipercayai boleh menangani krisis air untuk jangka masa panjang?

Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Sijangkang ini pun dengan bekalan air di dalam negeri Selangor. Soalan Sijangkang ialah adakah benar sumber air mentah di negeri Selangor tidak mencukupi? No. 2 Berapakah kadar rizab air yang mampu disediakan bagi menangani keperluan waktu kemuncak dan juga no. 3 adakah SYABAS berjaya menjalankan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha mengurangkan air tidak berhasil (*non revenue water*) dan memperbaiki paip air yang dipercayai boleh menangani krisis air untuk jangka masa panjang?

SYABAS telah memaklumkan terhadap penyusutan paras dan kekurangan hujan bagi Empangan Sungai Selangor, Sungai Tinggi dan Tasik Subang bagi bulan Julai 2011. SYABAS turut memaklumkan bahawa paras Empangan Sungai Selangor didapati paling kritikal di mana telah menyusut sebanyak 13.83%. Namun demikian hasil semakan dan penelitian yang telah dibuat oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati bahawa maklumat-maklumat yang diberi oleh SYABAS adalah tidak tepat dan mengelirukan. Pada masa ini kesemua empangan yang ada di negeri Selangor berada dalam keadaan selamat dan air mentah adalah mencukupi. Tidak dinafikan berlaku penurunan air, paras air Empangan pada bulan Jun, Julai, Ogos tetapi keadaan tersebut adalah normal disebabkan pada tempoh tersebut merupakan musim monsun Barat Daya yang membawa cuaca kering dan kurang hujan di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya sumber air di negeri Selangor masih dalam keadaan yang baik dan terkawal. Kapasiti keupayaan mengeluarkan dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,475 juta liter sehari dan kapasiti pengeluaran sebenar banyak adalah sebanyak 4,326 juta liter sehari. Mengikut rekod SYABAS, purata permintaan bekalan air semasa adalah sebanyak 4,113 juta liter sehari manakala pengeluaran air sebenar *bil meter construction* adalah seperti berikut:-

- (i) Tahun 2005 ialah 2,296 juta liter sehari.
- (ii) 2006, 2,392
- (iii) 2007, 2,489

- (iv) 2008, 2575
- (v) 2009, 2,650
- (vi) 2010, 2,747 dan setakat Julai 2011 2,808.

Mengikut rekod SYABAS, rizab air yang mampu disediakan bagi menangani keperluan waktu puncak adalah 213 juta liter sehari. Walau bagaimanapun projek mitigasi sedang giat dilaksanakan bagi mengatasi sebarang kemungkinan krisis bekalan air. Projek mitigasi yang telah diperakukan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke 10 adalah seperti berikut:-

- (i) Menaik taraf stesen mengepam air mentah dari Sungai Selangor Fasa 1 dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 190 juta liter sehari.
- (ii) Membina sistem pam Bernam air *river headworks* ke kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 25 juta liter sehari.
- (iii) Projek penggantian paip lama bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil *that is non revenue water* untuk tukarkan paip-paip.

Pada ketika ini semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa di dapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun sedemikian sekiranya berlaku krisis bekalan air pada apa keadaan sekali pun, kerajaan negeri Selangor akan dipersalahkan. Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses sehinggalah pengagihan kepada pengguna.

Saya pun telah katakan dengan model holistik yang sebagainya, saya tak nak sebutkan lagi semasa perjanjian konsesi SYABAS ditandatangani pada 15 Disember 2004 ya, kadar *non revenue water* di Selangor yang dijadikan rujukan asas, *base reference on non revenue level* ya adalah pada 42.78%. 78%. Diperuntukkan di bawah perjanjian konsesi SYABAS bahawa SYABAS bertanggungjawab untuk menurunkan kadar *non revenue water* sehingga 15% pada tahun 2018 dan mengelakkan sehingga tamat perjanjian konsesi kadar *non revenue water* yang dicapai oleh SYABAS setakat ini adalah pada 32.77%. Kadar penurunan *non revenue water* sebenar yang dicapai oleh SYABAS adalah lebih tinggi dari kadar yang disasarkan di bawah perjanjian konsesi SYABAS. Di dalam melaksanakan kerja-kerja penurunan kadar *non revenue water* (NRW) SYABAS memberi penekanan terhadap projek infrastruktur seperti kerja-kerja penggantian paip-paip air dan penukaran meter. Kerja-kerja ini merupakan kerja yang

diperuntukkan di dalam perbelanjaan modal. *Capital expenditure*, sebarang perbelanjaan di atas *capex* oleh SYABAS akan diambil kira di dalam permohonan pelarasan kadar tarif SYABAS. Kerajaan negeri Selangor di dalam melaksanakan program merakyatkan ekonomi negeri Selangor tidak menggalakkan kepada sebenar menaikkan kadar tarif oleh SYABAS. Oleh itu bagi mengelakkan sebarang menaikkan tarif semua kerja *capex* oleh SYABAS dibekukan sehingga penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor dimuktamadkan.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek, Sungai Pelek, tidak hadir. Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BI HAJI LIAS : Tuan Speaker No.113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KELUAR AGAMA ISLAM

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah benar ada usaha-usaha Pendakwah Kristian untuk menarik orang beragama Islam dan masuk agama Kristian?
- b) Jika benar apakah usaha-usaha yang telah mereka lakukan?
- c) Apakah langkah dan tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) untuk mencegah orang Islam dari keluar daripada Agama Islam?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMAD ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Sungai Burong. Soalannya ialah a) Apakah benar ada usaha-usaha Pendakwah Kristian untuk menarik orang beragama Islam dan masuk agama Kristian? b) Jika benar apakah usaha-usaha yang telah mereka lakukan? c) Apakah langkah dan tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) untuk mencegah orang Islam dari keluar daripada Agama Islam?

Tuan Speaker, seperti yang kita ketahui persoalan ini adalah persoalan yang amat besar dan persoalan ini adalah persoalan yang sensitif tapi apa pun sebagai sebuah negeri mentadbirkan negeri dan saya yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kehidupan yang bersendikan kepada Islam sudah tentulah kita tidak melarikan diri kita daripada persoalan-persoalan yang penting yang kalau tidak dapat diselesaikan pun paling tidaknya kita dapat menunjukkan unjuran-unjuran tanda-tanda bagaimana caranya kita menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Soalan yang pertama tadi, memang benar. Berdasarkan kajian dan bukti-bukti yang diperolehi oleh JAIS dan maklumat awam memang terdapat usaha-usaha daripada pihak-pihak yang

berkenaan untuk memesongkan akidah umat Islam. Dan saya dengan inisiatif daripada saudara-saudara dan teman-teman di pejabat saya telah ditubuhkan satu unit yang dipanggil USA, Unit Selamatkan Akidah. Tuan Speaker, sehingga ini 39 orang dan semalam diberitahu ada 2 orang lagi, mungkin 41 orang. Orang yang datang untuk mendapatkan bantuan-bantuan daripada Lembaga Zakat Negeri Selangor melalui pejabat saya dan mereka ini telah pun didatangi ataupun telah terlibat dalam gerakan-gerakan yang disebutkan tadi gerakan-gerakan kristianisasi. Dan di antara gerakan-gerakan tersebut ialah mereka menerima bantuan dan mereka ini terdiri daripada golongan yang miskin, golongan yang terpinggir dan orang-orang yang sakit setengahnya mengidap penyakit *HIV* dan orang-orang yang mengalami masalah rumah tangga yang tidak berkesudahan, ibu-ibu tunggal dan juga mereka yang duduk di tempat-tempat yang *under served* dan sebab itu mereka didatangi oleh pengembang-pengembang agama yang disebutkan tadi untuk membantu mereka dengan memberikan bantuan-bantuan sama ada berupa kewangan, sama ada berbentuk makanan, sama ada berbentuk *transport*, sama ada berbentuk persekolahan, pendidikan, sama ada berbentuk hanya *concern* kasih sayang sesama insan yang ditunjukkan oleh mereka yang menyebabkan mereka hidup dalam suasana untuk meneruskan kehidupan terpaksa sebahagiannya, menggunakan perkataan terpaksa menerima bantuan-bantuan dan akhirnya mereka terperangkap dengan gejala-gejala menukarkan, memesongkan akidah tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Speaker daripada kajian yang kita lakukan sedikit kepada mereka yang menerima bantuan-bantuan daripada gereja dan bantuan-bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan, Unit Selamatkan Akidah juga ingin membantu mereka. Apa cara yang terbaik melalui Lembaga Zakat. Selama ini tohmah-tohmah yang datang kepada kita sama ada yang bertulis atau dalam akhbar ataupun disiarkan melalui media ialah

- 1) Mereka tidak dapat bantuan di sebabkan mereka tidak tinggal di Negeri Selangor.
- 2) Mereka tidak dapat layanan sepatutnya, yang sebaik-baiknya daripada pihak-pihak bukan sahaja Lembaga Zakat tetapi ialah pertubuhan-pertubuhan, NGO – NGO dan juga mereka yang sepatutnya menghulurkan bantuan kepada mereka. Layanan-layanan yang biasanya diberikan kepada mereka, layanan yang ada unsur-unsur sinisme di dalamnya terhadap mereka yang memohon bantuan-bantuan tersebut.
- 3) Mereka mengatakan walaupun dapat bantuan lambat, lambat sangat berbulan-bulan, bertahun-tahun hingga kadang-kadang mereka terpaksa merempat pergi ke satu tempat, ke satu tempat untuk mendapatkan bantuan tersebut. Bila kita mendapat berita-berita yang sedemikian Tuan Speaker, sudah tentulah saya rasa sebagai EXCO yang

bertanggungjawab kita menubuhkan USA, Unit Selamatkan Akidah dan kita dapati dengan adanya unit ini mereka-mereka yang terlibat, mereka yang terlibat datang kepada kita dan mengisi borang-borang dan borang ini disediakan oleh Lembaga Zakat dan ada kes-kesnya mereka datang pagi kita hantar borang itu sekitar jam 11.00, Lembaga Zakat akan menghantar orang dia belah tengah hari dan sebelah petang mereka huluskan bantuan. Ini telah terbukti daripada 39 orang saya diberitahu hanya 3 orang sahaja yang tidak dapat layanan yang sedemikian. Yang 3 orang ini pun mempunyai masalah-masalah tersendiri dan sebahagian besar daripada mereka tidak tinggal, tidak beralamat di negeri Selangor ini yang agak sukar bagi Lembaga Zakat Negeri Selangor untuk menghuluskan bantuan. Termasuk beberapa perkara-perkara yang lain yang juga menyebabkan kajian terperinci ataupun yang terperinci. Butir-butir yang terperinci diperlukan daripada mereka.

Soalan yang kedua ialah hasil kajian yang dilakukan oleh JAIS, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kristian untuk mendakyahkan orang Islam. Di antaranya

- 1) Menubuhkan pelbagai pertubuhan kebajikan atau persatuan bagi tujuan memberi bantuan berbentuk kewangan, keperluan harian dan sebahagiannya yang saya sebutkan tadi.
- 2) Mewujudkan kelas-kelas tuisyen percuma kepada orang-orang Islam mahupun bukan Islam sambil menyebarkan sedikit demi sedikit kepercayaan agama Kristian.
- 3) Penyebaran risalah-risalah di tempat-tempat awam dan di rumah-rumah kediaman dan juga di IPTA dan juga IPTS.
- 4) Mengaburi pihak berkuasa dengan membina pusat-pusat komuniti.
- 5) Menterjemahkan *Bible* ke dalam Bahasa Melayu.
- 6) Menggunakan kalimah Allah di dalam penulisan mereka mengenai agama Kristian dan di dalam *Bible* Bahasa Melayu.
- 7) Menyebarkan dakyah melalui Internet dengan pelbagai pendekatan dan tawaran seperti hiburan, bantuan, khidmat nasihat, kelas dan lain-lain.
- 8) Menyebarkan dakyah dengan menggunakan *Solar Powered Handheld Talking Bible* sejenis radio yang rakaman dengan rakaman menggunakan tenaga solar yang dimuatkan cerita-cerita berkaitan dengan Kristian.

Langkah dan tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) untuk mencegah orang Islam dari keluar daripada Agama Islam ialah :-

- 1) Merangka pelan tindakan dan modul bagi memantapkan akidah umat Islam.

Tuan Speaker, dalam hal ini saya mendapati setakat penglibatan saya oleh kerana orang-orang Islam ini begitu terdedah akibat daripada kurang penguasaan agama yang pertama. Yang kedua, kurang amalan agama. Yang ketiga, tidak melakukan amalan-amalan asasi seperti solat dan sebagainya yang menyebabkan mereka ini terdedah kepada dakyah-dakyah yang sedemikian. Selain daripada itu renggangnya hubungan keluarga, mak bapa tak ambil kisah. Mak bapa tak ambil kisah menunjukkan contoh yang terbaik dalam mengamalkan agama Islam dalam kehidupan mereka juga merupakan perkara-perkara yang menyebabkan mereka terumbang-ambing dalam kehidupan mereka. Dalam suasana terumbang-ambing itulah mereka didatangi oleh pengembang-pengembang agama yang sedemikian untuk bertemu dengan mereka dan bercerita tentang agama mereka.

- 2) Mengetengahkan kepada masyarakat secara terancang dan tersusun perkara-perkara yang boleh membatalkan akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah.
- 3) Memberi penjelasan kedudukan sebenar Islam dalam mendepani isu-isu melibatkan akidah, syariah dan akhlak.
- 4) Perteingkatkan media dakwah untuk memberi penjelasan dan berhadapan dengan sebarang bentuk penyebaran fahaman mahupun dakyah agama lain hingga ke akar umbi.
- 5) Penguatkuasaan Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di kalangan Orang Islam) 1988 terhadap mana-mana individu, persatuan atau pertubuhan yang mendakyah agama selain Islam kepada orang Islam.
- 6) Menguatkuasakan Enakmen Jenayah Syariah 1995, di bawah seksyen 10 kesalahan menghina atau menyebabkan Islam dipandang hina atau mana-mana kesalahan yang berkaitan.

Akhirnya Tuan Speaker, tidak, tidak, tidak lain dan tidak bukan berpandukan kepada negara-negara di luar yang telah cuba menangani masalah-masalah ini tidak lain dan tidak bukan ialah pelaksanaan undang-undang Islam. Inilah di antara pendekatannya, misalnya hudud. Salah satu daripada 7 perkara yang menjadi jenayah dalam kategori hudud ialah murtad atau keluar meninggalkan agama. Saya tidak mengatakan bahawa kita di Selangor ini akan terus melakukan, melaksanakan hudud tetapi sekurang-kurangnya kita sebagai individu *is Muslim* sebagai kumpulan-kumpulan Muslim, sebagai pemikir-pemikir tenaga-tenaga kepimpinan Muslim sepatutnya mengarahkan

masyarakat kepada satu cara yang didapati dalam Al-Quran dan Sunnah yang sangat berkesan untuk kita mengelakkan perkara-perkara yang berlaku yang berkaitan dengan penyelewengan akidah tersebut. Apa pun kita mengharapkan dengan dokongan dan sokongan, dengan pengertian, dengan kefahaman semua pihak bahawa usaha untuk kita menggalang, menghalang berlakunya perkara-perkara sedemikian bukan usaha Mufti sahaja, bukan usaha Kadi sahaja, bukan usaha orang JAIS, orang MAIS sahaja, bukan usaha saya sebagai EXCO sahaja, seluruh umat Islam. Asalkan mereka sudah akil baligh, sudah mencapai satu tingkat kehidupan, mereka harus bersama-sama untuk menangani masalah ini. Kita tidak boleh menuding jari kepada mana-mana pihak kerana setiap orang bertanggungjawab di hadapan Allah SWT. Bahawa kita harus menjadi benteng yang pertama bagi mempertahankan apa juga usaha-usaha yang dilakukan untuk menyelewengkan akidah tersebut.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, soalan 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

114. Kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan projek pembangunan semula Impian Baiduri Apartmen di Jalan 224, Petaling Jaya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional projek tersebut yang baru didiami pada tahun 2005?
- b) Siapakah pemaju projek tersebut dan bentuk pembangunan yang akan dijalankan?
- c) Bagaimanakah kedudukan bil utiliti yang berjumlah lebih kurang RM503,388.00 yang belum dijelaskan oleh penduduk?

Y.B. TUAN ISKANDARBIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebagai makluman, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya sedang menyediakan kajian pembaharuan semula bandar yang meliputi pusat bandar separuh wilayah iaitu Seksyen 52, Seksyen 51, Seksyen 51A, Seksyen 7, Seksyen 8 dan sebahagian daripada Seksyen 14. Kajian merupakan projek usaha sama antara MBPJ dan kerajaan negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan semula. Tumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan yang terbiar,

bangunan-bangunan yang usang terutamanya bagi kawasan-kawasan perniagaan dan industri. MBPJ telah menyampaikan notis pemberitahuan kepada pemilik-pemilik tanah, harta di kawasan terlibat bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas serta 2 kali sesi taklimat telah diadakan bersama penduduk terlibat. Pada masa ini kajian tersebut adalah di peringkat penyediaan draf akhir. Walau bagaimanapun kawasan perumahan termasuk skim Apartmen Impian Baiduri adalah tidak terlibat bagi tujuan pembangunan semula.

Berkaitan dengan soalan yang ketiga, ataupun perkara yang ketiga yang dibangkitkan adalah tentang bil utiliti lebih kurang RM503,388.00 ataupun lima ratus tiga ribu, tiga ratus lapan puluh lapan yang belum dijelaskan oleh penduduk. Kerajaan negeri di dalam kes-kes sedemikian, kerajaan negeri bersedia menjadi fasilitator ataupun orang tengah di antara rundingan, di antara agensi-agensi yang terlibat dengan penduduk. Apa yang boleh dilakukan adalah kita boleh membincangkan pembayaran secara berjadual. Dan banyak kes di mana pangsapuri-pangsapuri yang telah menanggung hutang yang tinggi di mana kerajaan negeri telah *step in* dengan izin masuk untuk menjadi orang tengah dan membincangkan dengan agensi-agensi terlibat supaya pembayaran itu boleh dilakukan secara berjadual. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan no.115

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KEMPEN KITAR SEMULA

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah bahan-bahan yang berjaya dikutip dan dikitar semula mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008 – 2011.
- b) Sejauh manakah Kempen Kitar Semula yang dijalankan ini dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal di peringkat PBT dan senaraikan jumlah sisa pepejal yang berjaya dikurangkan.
- c) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menjayakan Kempen Pengasingan Sampah dan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada kerajaan negeri Selangor untuk tujuan Kempen Pengasingan Sampah?

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Rawang adalah mengenai Kempen Kitar Semula, *Recycle*. Rawang ingin nak tahu senarai jumlah bahan-bahan yang berjaya dikutip dan di kitar semula mengikut pecahan PBT. Ini adalah kerana jawapannya agak panjang. Saya rasa saya tak dapat membacalah di sini dan akan bagi ke Rawang. Bagaimanapun saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa adalah polisi PBT kita membenarkan agensi-agensi ataupun NGO yang berminat dalam kitar semula dan memberi peluang mereka meletakkan peti-peti ataupun tong-tong mereka untuk bersama-sama mengadakan Kempen Kitar Semula. Dan kempen, Rawang juga ingin nak tahu sejauh manakah kempen ini dijalankan dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal di peringkat PBT.

Tuan Speaker, keberkesanan Kempen Kitar Semula ini adalah bergantung kepada penerimaan dan kesedaran orang awam. Bagi memastikan kempen ini dapat diterima di semua lapisan masyarakat, pihak PBT telah merancang dan menjalankan beberapa program Kempen Kitar Semula di berbagai peringkat seperti di sekolah, bangunan Kerajaan dan komuniti. Melalui program sebegini, pihak PBT berjaya mengurangkan jumlah sisa pepejal di kawasan masing-masing. Sebagai contoh, di MBSJ.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Sebagai contoh di MBSJ pada tahun 2008 sebanyak 1.44% sisa pepejal telah berjaya dikurangkan dan meningkat pada tahun 2009 sebanyak 10.6%.

Manakala pada tahun 2010 jumlah ini meningkat sebanyak 13.21% menjadikan jumlah keseluruhan sisa pepejal yang dapat dikurangkan sepanjang tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak 25.25%. Ini menunjukkan bahawa program ini mendapat sambutan daripada orang awam sekali gus dapat memelihara alam sekitar. Dan juga saya ingin mengambil kesempatan ini memberi kepujian kepada pekerja-pekerja yang ...yang dulu berkhidmat untuk Alam Flora dan sekarang berkhidmat terus dengan PBT masing-masing. Kerana apabila mereka memungut sampah di tempat masing-masing mereka mengadakan *sorting out* sebelum membuang semua sampah ke dalam '*compactor*' itu. Ini merupakan satu usaha yang baik dan mudah-mudahan usaha ini diteruskan oleh semua pekerja-pekerja yang bekerja di bawah kontraktor. Kerajaan negeri sememangnya merancang beberapa program bagi menjayakan kempen pengasingan sampah di Selangor antaranya dengan mengadakan Program Zon Bersih, di setiap PBT yang mana program ini bertujuan sebagai salah satu saluran atau platform untuk meningkatkan dan menambahbaikkan kawasan di setiap PBT yang dikenal pasti bermasalah terutama daripada aspek kebersihan ke arah mewujudkan Selangor Negeri Yang Bersih. Untuk makluman, majoriti PBT di Selangor tiada menerima sebarang peruntukan bagi tujuan kempen pengasingan sampah daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan kecuali di MPSJ di mana mereka sedang

menjalankan projek “*Serdang Biomass Town*” dengan izin. Projek ini adalah usaha sama di antara pihak MPSJ bersama KPKT, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun dengan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh pihak KPKT sebanyak RM1.5 juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan sudah tamat.

Y.B. DATO’ MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker.....

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat. Saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang undang-undang Peruntukan Di Raja Kurungan Pindaan 2011 Semua Peringkat. Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda enakmen Peruntukan Di Raja 1959.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Y.B. sekalian. Enakmen Peruntukan Di Raja 2010 perlu dipinda di bawah peruntukan bagi kelas tiga dan kelas empat. Bagi kelas tiga peruntukan telah bertambah daripada RM4,453,240 kepada RM4,488,240 iaitu pertambahan sebanyak RM35,000. Tambahan ini adalah bertujuan untuk menampung kenaikan bayaran-bayaran di bawah perbelanjaan emolumen kakitangan Pejabat Istana. Bagi kelas empat, peruntukkan telah bertambah daripada RM10,862,760 kepada RM11,764,325 iaitu pertambahan sebanyak RM900,130.25. Tambahan ini adalah bertujuan untuk menampung kenaikan kos di bawah utiliti bekalan dan penyelenggaraan istana. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi saya dengan ini mencadangkan supaya satu rang Undang-undang Yang bernama Enakmen Peruntukan Di Raja Pindaan 2011 dibaca bagi kali yang ke dua.

Y.B. DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Y.B., cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Kampung Tunku....

Y.B. TUAN LAW WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tunku ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Di Raja pindaan tahun 2011 ini di mana pindaan akan dilakukan ke atas kelas tiga jadual pertama di mana pembiayaan perbelanjaan emolumen bagi kakitangan istana akan dinaikkan kira-kira RM35,000 ke RM4.49 juta. Pindaan juga dilakukan ke atas kelas empat jadual pertama di mana perbelanjaan di bawah tuntutan elaun perjalanan kakitangan Pejabat Istana, perbelanjaan utiliti bekalan dan penyelenggaraan Istana juga akan ditambah kira-kira RM900 ke paras RM11.5 juta. Sebenarnya Kampung Tunku menyokong pindaan ini kerana kakitangan yang

berkhidmat di bawah Institusi Raja Berperlembagaan Kerajaan Selangor perlu ditambah untuk memastikan DYMM Tuanku Sultan Selangor dan pejabat Tuanku dapat menjalankan tugas baginda dengan lebih lancar, cekap dan profesional. Selaras dengan peredaran masa peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Institusi Raja Berperlembagaan semakin bertambah di mana Tuanku memerlukan nasihat dan pandangan profesional yang lebih menyeluruh terhadap semua hal pentadbiran Negeri Selangor. Justeru itu Kampung Tunku menyeru pada kerajaan negeri Selangor untuk mengambil lebih ramai golongan cendekiawan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang berlainan untuk memberi nasihat kepada Tuanku khususnya dalam bidang undang-undang, kewangan, ekonomi, agama dan sebagainya. Dengan adanya pandangan-pandangan ini maka pengetahuan Tuanku akan menjadi lebih menyeluruh dan objektif. Dengan ini kebarangkalian untuk berlaku apa-apa bentuk salah faham akan berkurangan. Selain itu Kampung Tunku juga mencadangkan kepada Kerajaan supaya diadakan satu laman web untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada orang ramai tentang tugas, fungsi, peranan serta tanggungjawab Tuanku sebagai seorang Raja Berperlembagaan. Rakyat harus diberi pengetahuan terhadap konsep-konsep seperti Raja Berperlembagaan, demokrasi berparlimen, kebebasan agama, kebebasan Dewan, “teori pengasingan” kuasa dan sebagainya. Misalannya rakyat juga perlu faham bahawa kerajaan raja berperlembagaan adalah satu jenis kerajaan yang ditubuhkan di bawah sistem berperlembagaan yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara, atau di negeri Selangor Sultan sebagai Ketua Negeri. Raja Berperlembagaan yang moden biasanya juga menggunakan konsep Politik Tiga Serangkai. Ini termasuk Raja ialah ketua negara yang menurunkan kuasa pemerintahannya kepada tiga cabang kerajaan iaitu Eksekutif yang akan diketuai oleh Perdana Menteri atau Menteri Besar di negeri Selangor, perundangan yang diketuai oleh Tuan Speaker di mana anggota perundangan ini dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya dan kehakiman yang diketuai oleh Ketua Hakim seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan sesebuah negara atau undang-undang tubuh kerajaan di negeri Selangor. Peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga cabang kerajaan ini seharusnya bebas antara satu sama lain malahan saling menyemak antara satu sama lain. Konsep ini berbeza dengan konsep monarki mutlak atau dengan izinnya *absolute monarchy* di mana Raja mempunyai kuasa pemerintahan yang penuh dalam semua hal-ehwal pentadbiran kerajaan. Malangnya mungkin disebabkan oleh sistem pendidikan yang tidak begitu menekankan tentang pembangunan sosial dan kemanusiaan konsep-konsep kenegaraan yang begitu penting ini semakin dilupai dan dilalaikan oleh semua pihak. Contohnya sememangnya Tuanku diberi kuasa untuk menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Selangor tetapi ramai juga yang sudah lupa bahawa Tuanku juga mempunyai kuasa untuk menjaga kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain. Kampung Tunku percaya bahawa kedua-dua peranan ini dapat dijalankan bersama-sama tanpa sebarang percanggahan. Dengan bertambahnya peruntukan ini Kampung Tunku

percaya kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dan Tuanku dapat membantu Tuanku menjalankan tugas ini dengan sepenuhnya tanpa menimbulkan sebarang kekeliruan. Satu lagi contoh ialah Tuanku juga merupakan simbol perpaduan dan kemajuan semua rakyat yang berbilang kaum malangnya perkara ini juga sewenang-wenangnya dilupakan oleh golongan yang mengapi-apikan sentimen keagamaan dan perkauman. Oleh itu Kampung Tunku berpendapat bahawa dengan penambahan peruntukan yang bakal diluluskan Dewan Yang Mulia pada hari ini kesemua aspek-aspek yang penting ini dapat dihayati dan difahami oleh seluruh rakyat Selangor. Justeru itu sejajar dengan kemajuan teknologi maklumat, Kampung Tunku juga mencadangkan agar kerajaan mengadakan satu laman web yang komprehensif untuk memperkenalkan sejarah Raja Berperlembagaan di Selangor. Dan peranannya di dalam sistem kerajaan di Malaysia amnya dan Selangor khususnya. Apa yang ada sekarang ialah laman web rasmi Darjah Kebesaran negeri Selangor. Pada pendapat Kampung Tunku ianya adalah tidak mencukupi dan ianya perlu dipertingkatkan ke satu Laman Web yang penuh. Selain itu kerajaan juga boleh mempertimbangkan satu cadangan untuk mengadakan akaun *facebook* dan *twitter* untuk tujuan yang sama. Apa yang berlaku sekarang ialah memang ada akaun *facebook* dan *twitter* yang berkaitan dengan Tuanku Sultan Selangor. Walaupun begitu rakyat tidak pasti sama ada akaun ini adalah benar atau palsu kerana kita tidak mempunyai satu laman *web* rasmi yang diuar-uarkan kedua-dua akaun media sosial ini. Rakyat Selangor kkuatir terdapat golongan yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda politik tertentu cuba menyamar dirinya sebagai Sultan Selangor dan menggunakan media sosial ini untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak benar. Kerajaan juga boleh mencontohi apa yang berlaku di *United Kingdom* di mana Istana *Buckingham* menjana pendapatan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan istana dengan menjadikan Istana-istana bersejarah ini sebagai destinasi pelancongan. Kampung Tunku difahamkan Istana Negara juga merupakan satu destinasi pelancongan. Oleh itu sekiranya boleh Istana-istana yang terdapat di Selangor, jika mempunyai nilai-nilai sejarah ianya boleh dijadikan sebagai destinasi pelancongan dan pada masa yang sama menjana pendapat untuk menampung sebahagian daripada perbelanjaan istana. Itulah sedikit-sebanyak cadangan-cadangan Kampung Tunku ingin ketengahkan di sini dan Kampung Tunku amat berharap ianya dapat diteliti dan dilaksanakan secara secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Teratai.....

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima kasih Tuan Speaker. Teratai ingin mengambil bahagian di dalam sidang ini dengan isu-isu perasingan kuasa. Tuan Speaker, kalau kita mengamalkan sistem pengasingan kuasa tiga cabang iaitu kuasa eksekutif, ataupun EXCO, kuasa perundangan Ahli Dewan Negeri dan kuasa kehakiman iaitu mahkamah. Sistem ini dilaksanakan selaras dengan konsep *check and balance*

dengan izin tetapi Teratai beranggapan semangat *check and balance* dengan izin perlu diamalkan di Dewan Negeri Selangor ini dengan jelas ataupun *expleciede* dengan izin maksudnya kesemua yang disebut haruslah dijadikan undang-undang. Pada setakat ini semua pelantikan pegawai-pegawai termasuk Setiausaha Dewan ataupun Pengurusan Bangunan Dewan adalah di bawah hak kuasa SUK yang berada di bawah cabang Pentadbiran. Ini boleh ...dalam *terms* politik boleh dianggap sebagai satu campur tangan dari cabang eksekutif ke cabang perundangan. Jika cabang eksekutif dan cabang perundangan mempunyai hubungan yang baik kerja-kerja dan tugas boleh berjalan lancar, tak ada masalah. Namun demikian kalau kedua-dua cabang ini mempunyai *conflict of interest* dengan izin ia akan mendatangkan kesulitan. Contoh, sebagai contoh misalnya kalau pimpinan EXCO enggan melantik Setiausaha Dewan, ini bermakna kerja-kerja di Pejabat Dewan tidak dapat dilaksanakan, itu contoh tapi sekarang kita berhubung baik, memang tak ada masalah, semua dijalankan sebagai lancar tapi undang-undang haruslah dibentuk supaya ini perasingan kuasa dijadikan jelas di Dewan ini. Jadi saya ingin mencadangkan satu sistem yang baik yang bukan saja satu hubungan yang baik untuk memastikan eksekutif dan perundangan memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan. Saya rasa Ahli Dewan lebih Y.B. telah banyak sebut dalam Dewan tentang...apa....Ahli Dewan Negeri Kita boleh berperanan lebih kalau ada satu sistem yang lebih baik.

TUAN SPEAKER : Y.B. melencong sedikit....

Y.B. PUAN LEE YING HA : Sorry.....

TUAN SPEAKER : Saya rasa Y.B. melencong sedikit daripada Rang Undang-undang ni. Rang Undang-undang ni adalah Peruntukan DiRaja.....

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya, tapi ini berkaitan bajet. Kalau nak berasingan kuasa kena ada bajet.

TUAN SPEAKER : Ini bukan bajet, ini adalah undang-undang Peruntukan DiRaja

Y.B. PUAN LEE YING HA : Oh...Peruntukan Di Raja....

TUAN SPEAKER : Ya....

Y.B. PUAN LEE YING HA : Maaf....

TUAN SPEAKER : Baik sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau ikut yang cadangan Y.B. Kampung Tunku berkenaan Istana....Istana akan dijadikan sebagai cadangan istana dijadikan sebagai tempat pelancongan, sebenarnya apa yang saya

tahu adalah istana di Alam Shah telah pun jadi satu tempat bagi pelancong ataupun pelawat yang terpilih ya. Di istana Alam Shah sekarang memang adanya satu Galeri Automobil semasa Yang Dipertuan Agong adakan jamuan di...pada beberapa bulan yang lepas di Istana Alam Shah. Memang galeri automobil itu telah pun dibuka dan juga Tuanku juga ada cadangan untuk membawa landasan kereta api daripada bahagian Johor Bharu ke Singapura untuk diletakkan di halaman istana Alam Shah supaya ia boleh dijadikan satu peringatan sejarah tentang hubungan di antara Malaysia dan Singapura. Jadi ini telah pun ada dalam rancangan dan kami berharap ia akan dapat dilaksanakan selepas landasan kereta api itu dibina di halaman istana Alam Shah. Sekian sahaja.

TUAN SPEAKER : Ya. Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Cadangan di hadapan Dewan bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama satu enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker saya mohon cadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk meminda Rang Undang-undang ini Fasa demi Fasa.

Y.B. DATO' DR HASAN ALI BIN MOMAED ALI : Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 1

TUAN SPEAKER : Fasa 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 2

TUAN SPEAKER : Fasa 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. DATO' DR HASAN ALI BIN MOMAED ALI : Pengerusi saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker saya memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan adalah di bawah Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bolehlah bernama Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan. 2011). Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3/2011) di semua peringkat. Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen bagi sejumlah wang daripada wang satu negeri untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan 2011 dan bagi peruntukan jumlah wang itu bagi maksud tertentu bagi tahun tertentu.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu di buat untuk perkhidmatan negeri bagi tahun 2011 yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang yang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, melalui Enakmen Perbekalan (2011, 2012) yang telah diluluskan pada 8 November 2010, berjumlah RM1,430,000,000.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri dan seterusnya melalui Enakmen Perbekalan Tambahan No.1. Tahun 2011 pula sebanyak RM49,300,000.00 telah diluluskan untuk perbelanjaan tambahan pertama perkhidmatan negeri dan melalui Enakmen Perbekalan Tambahan No.2. Tahun 2011 sejumlah RM114,226,965.12 telah diluluskan untuk perbelanjaan tambahan kedua perkhidmatan negeri. Berpandukan keperluan kewangan semasa dan anggaran perbelanjaan sehingga Disember Tahun 2011, terdapat kekurangan peruntukan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan dengan itu, peruntukan tambahan sebanyak RM36,454,735.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh jabatan-jabatan seperti berikut: iaitu B15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sebanyak RM3,906,640.00 dan B29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) sebanyak RM32,545,095.00. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan tambahan bagi maksud Bekalan B15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sebanyak RM3,906,640.00 adalah dikehendaki untuk tujuan menampung perbelanjaan Bantuan Am Negeri. Bagi maksud B29 – Perbendaharaan (Perbelanjaan Am), tambahan sebanyak RM32,545,095.00 di bawah Objek sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri adalah dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:

1. Sebanyak RM13,059,335.00 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran bonus dan caruman majikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi guru KAFA.
2. Sebanyak RM2,100,000.00 untuk menampung perbelanjaan mengurus Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
3. Sebanyak RM310,000.00 diperlukan untuk membiayai bayaran bonus kakitangan tetap dan kontrak serta pakaian *Black-Tie* Ahli Dewan Negeri, dan
4. Sebanyak RM17,075,760.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan semasa dan luar jangka Jabatan-jabatan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan No.3 (2011) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan ketiga Tahun 2011 berjumlah RM36,454,735.00 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker boleh.

TUAN SPEAKER : Ya Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Nak ulang atau sambung sahaja atau kesimpulan apa sahaja.

TUAN SPEAKER : Ini bagi. Ini Rang Undang-undang baru. Bukan peruntukan DiRaja.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya lah itu Enakmennya.

TUAN SPEAKER : Peruntukan Tambahan.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya Peruntukan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya jadi, apa yang tadi saya sebutkan sebenarnya adalah untuk ini.

TUAN SPEAKER : Itu tiada di sini

Y.B. PUAN LEE YING HA : Ya jadi ok. Kalau tak apalah, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Perbekalan Tambahan pada yang ketiga ini pada Dewan untuk kali ini. Saya ingin menarik perhatian Dewan Negeri tentang maksud B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor di mana kerajaan negeri telah memperuntukkan tambahan lagi RM3,906,640.00 untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya juga ingin mempersoalkan tambahan-tambahan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ini sering kali perbelanjaan di kawasan-kawasan di daerah-daerah kadang-kadang permohonan ini untuk JKM ini pihak ADUN kadang kita mengadukan kepada JKM untuk bantuan-bantuan bagi mereka golongan-golongan yang memerlukan kadang-kadang memerlukan masa yang terlalu lama untuk diproses dan sering kali bayaran-bayaran pada masa yang sama sering kali bayaran-bayaran ya untuk penerima-penerima JKM ini kadang-kadang ditarik 3 bulan tidak dapat diterima, di lewat-lewat ini masalah-masalah yang berlaku di JKM. Jadi Tuan Speaker saya meminta perkara-perkara sedemikian ya, kita perlu ada satu garis paduan untuk memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana ia ada kaitan dengan peruntukan daripada kerajaan persekutuan dan kadang-kadang surat-surat daripada ADUN untuk diajukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini tidak berapa dititik berat tentang bantuan-bantuan yang diminta pada asnaf orang miskin ini. Jadi saya mintalah satu penambah baik satu pemantauan lebih drastik terhadap bantuan-bantuan khususnya untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita mahu bantuan-bantuan ini disalurkan tepat pada sasaran. Kita tidak mahu bantuan-bantuan ini seperti berlaku di laporan-laporan Audit ini bantuan-bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bayar kepada orang penerima tetapi sudah meninggal tetapi tidak di kemas kini penerimanya tetap orang meninggal. Tetapi yang anehnya penerimanya yang meninggal, tetap menerima rekodnya tetap menerima ia berlaku dalam laporan Audit sebelum ini. Saya ambil sebagai contoh orang yang meninggal 6 bulan, 7 bulan masih menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan duit itu dibayar. Inilah perkara yang harus kita titik beratkan untuk disemak. Kita tidak mahu wang rakyat yang disalurkan untuk bantuan tidak sampai berlakunya kebocoran ketirisan ada pegawai-pegawai pecah amanah. Benda-benda ini kita kena pantau kita mahu peruntukan ini diluluskan dan diurus tadbir dengan baik dengan cekap amanah dan tulus dan sampai ke sasaran. Dan inilah saya minta perhatian kerajaan negeri. Ini sedikitlah untuk perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya mengatakan di sini yang diutarakan oleh Sekinchan merupakan satu keluhan yang rata-

ratanya semua wakil rakyat juga menimbulkan bila berdepan dengan masalah dengan JKM ini. Ingin saya mengatakan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat ini adalah satu jabatan yang perkongsiannya tanggungjawab adalah dengan persekutuan dan negeri. Dan bajet tambahan ini adalah wajar dipertimbangkan memandangkan pertambahan ini adalah melibatkan kategori iaitu bantuan am. Kalau kita lihat jumlah bantuan atau kategori bantuan adalah sebanyak 12 bantuan 2 sahaja adalah sebenarnya tanggungjawab sepenuhnya oleh kerajaan negeri walaupun Bantuan Am ini adalah 70% negeri dan 30% persekutuan. Apa pun masalah pertambahan ini adalah diperlukan memandangkan satu faktor yang ketara adalah bila mana Jabatan Kebajikan Masyarakat menetapkan mengikut ketetapan daripada Kementerian Persekutuan iaitu PJK untuk penerima bantuan adalah RM721 ke bawah sahaja garis-garis kemiskinan. Tetapi untuk negeri Selangor kita telah pun mengatakan bahawa garis-garis kemiskinan yang wajar untuk negeri Selangor adalah RM1,500 ke bawah untuk itu banyak permohonan-permohonan yang diajukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat terpaksa ditolak memandangkan kategori ini. Tetapi memandangkan jumlah yang memohon ini sehingga kini melibatkan 1,260 kes yang terpaksa ditolak dalam kategori ini iaitu di bawah paras kemiskinan di antara 721 hingga ke 1,500 ini jadi kerajaan negeri memandangkan ia perkara ini wajar dipertimbangkan. Sebab itu bajet RM3 juta ini diperlukan untuk menampung 3 bulan lagi iaitu bulan Oktober, November dan Disember untuk pertambahan ini. Saya sebenarnya tidak juga menolak bahawa isu keperkasaan atau memperdayakan JKM ini perlu dipertingkatkan. Jadi banyak perkara yang telah apa ini kita usahakan supaya tidak berlakunya salah guna kuasa atau pun arahan-arahan yang sebenarnya. Maka banyaknya persekutuan yang melibatkan tegang kepada pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Negeri. Contohnya bilamana Jabatan Kebajikan Persekutuan mengarahkan sesuatu yang mereka rasakan di luar bidang kuasa tetapi disebabkan faktor-faktor tertentu Menteri hendak turun padang dan sebagainya mereka terpaksa mengeluarkan apa ini bajet-bajet ataupun peruntukan yang tidak sewajarnya.

Dan sebab itu ditegur oleh Audit Negara yang keduanya isu kebocoran atau pun masalah-masalah dibayar kepada orang yang tak tentu itu saya rasa teguran itu telah banyak kali saya timbulkan dan yang akhirnya sekali saya pernah menimbulkan bahawa pembayaran ya, apalah kiranya Jabatan JKM ataupun Kementerian Persekutuan JKM ini mengikuti bagaimana kerajaan negeri Selangor membuat pembayaran secara EFT iaitu secara *transfer fund* supaya ianya tidak melibatkan kebocoran ataupun orang yang menerima itu ketirisan berlaku sehingga sampai ke tangan mereka ya. Jadi saya yakin teguran yang diberi Sekinchan bahawa kita perlu ada pemantauan supaya mereka yang sewajarnya sahaja menerima itu memang sepatutnya telah menjadi praktis ataupun amalan yang ada di bawah JKM. Jadi untuk itu saya menegaskan di sini bahawa isu bantuan am ini ialah satu isu yang kritikal yang perlu kita bantu dan kita kena yakin lihat juga bahawa bantuan am ini di Selangor kita

mempunyai 5.2 juta rakyat negeri Selangor dan kebanyakan mereka ini 30% daripada mereka ini adalah di bawah paras kemiskinan. Jadi izinkan saya Tuan Speaker untuk memberi sedikit kategori ataupun siapakah yang menerima bantuan ini mereka merupakan individu yang sebenarnya selalunya terdiri daripada mereka yang memerlukan keperluan kesihatan keperluan tambah dan kos penerimaan untuk perubatan dan sebagainya, menampung keperluan isteri yang hilang punca pendapatan pada pasangan yang merupakan ketua keluarga seperti suaminya dipenjarakan ataupun mengambil dadah dan sebagainya jadi isteri terpaksa menjadi pengganti kepada mereka yang memberikan pendapatan kepada keluarga. Dan juga kita dapati bahawa yang menerima bantuan ini adalah pendapatan yang terdiri daripada pekerja industri dan sektor swasta yang masih lagi di bawah paras garisan kemiskinan yang perlu dibantu dan pertambahan penduduk yang berhijrah ke Selangor juga menjadi faktor besar yang menyebabkan pertambahan ini. Akhirnya saya ingin menegaskan bahawa sekarang ini JKM dan pihak Zakat telah pun mempunyai *understanding* dengan izin ataupun kefahaman bahawa kita tidak mahu adanya *redundancy* ataupun pertindihan pemberian ini. Jadi *understanding* itu bila mana, mana-mana pihak yang telah dapat bantuan daripada Lembaga Zakat ianya tidak adakan dapat lagi bantuan am kerana memandangkan kita mahukan supaya hanya satu pihak sahaja yang membantu dan bukan sahaja kita mahu membantu tetapi akhirnya kita mengumpulkan *data base* ini untuk memastikan apakah jalan keluar untuk menolong mereka ini supaya keluar dari kemiskinan yang ada. Sekian Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. **DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi negeri bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim.* Dato' Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN SPEAKER : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. **DIPERSETUJUI**.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Pengerusi saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (3/2011). Rang Undang-undang Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (Pindaan 2011). Rang Undang-undang ini bernama Satu Enakmen Untuk Meminda Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor PPAS adalah badan berkanun negeri yang ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 yang diwartakan dalam Warta Kerajaan no. 5 bertarikh 27 Mac 1969 serta Warta Kerajaan no. 7 1975 (pindaan). Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor merupakan sebuah badan berkuasa untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan awam bagi semua golongan masyarakat. Pada tahun 1971 satu Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibentuk bagi memulakan sebuah perpustakaan awam di negeri Selangor. Langkah pertama ke arah

ini ialah pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur pada 20 Oktober 1971 untuk dijadikan sebagai ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Perpustakaan berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986. Pada 15 Mac 1988 perpustakaan ini diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda dan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Perpustakaan ini kemudiannya berpindah ke bangunan baru di Jalan Kelab Golf Seksyen 13 Shah Alam pada 15 April 2011 dan perkhidmatan perpustakaan dibuka kepada orang ramai pada 22 Julai 2011. Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan, mengikut enakmen (Pindaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1975 Seksyen (4) keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, 4 ahli atas nama jawatan dan 6 orang ahli yang lain yang dilantik oleh Raja dalam majlis. Jumlah kesemuanya adalah 12 ahli. Enakmen ini memperuntukkan 4 keahlian berikut dilantik atas nama jawatan iaitu, pertama wakil Persatuan Perpustakaan Malaysia, 2, wakil Perpustakaan Negara, ke 3, Setiausaha Kerajaan atau wakilnya, ke 4, Pengarah Pelajaran Negeri atau wakilnya. Pada masa ini Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi sesi Jun 2011 sehingga Mei 2014 adalah seperti berikut; Pengerusi, Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah Ali, Timbalan Pengerusi, Dr. Huzaimah bt. Ibrahim, Ahli-ahli; Yang Berhormat Manoharan a/l Malayalam, ADUN Kota Alam Shah, ke 4 Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau wakil, yang ke 5, Pegawai Kewangan Negeri atau wakil, ke 6, Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor atau wakil, ke 7, wakil Perpustakaan Negara Malaysia, ke 8, wakil Persatuan Pustakawan Malaysia, ke 9, Profesor Madya Dr. Shahriza bt. Abdul Karim, ahli akademik perpustakaan, ke 10, Encik Ahmad Jamali bin Salamon, seorang perunding perpustakaan, ke 11, Encik Rahimi bin Mat Saat, akademik pendidikan, ke 12, Puan Lee Kee Hong, perunding perpustakaan, merangkap Setiausaha Puan Mastura Hj. Mohamad, Pengarah PPAS. Dicadangkan tambahan Ahli Lembaga Pengarah seperti berikut; pertama Yang Dihormati Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Datuk Orang Kaya Maha Bijaya Petaling dan ke 2, Yang Berhormat Lee Kim Sin ADUN Kajang. Cadangan pindaan enakmen keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah, asal Enakmen no. 7 Tahun 1975 (Pindaan) pindaan bagi Seksyen 5. No. 4 Enakmen Ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan Seksyen 5 dengan yang berikut; No. 5 (1) tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang diadakan kemudian daripada ini Perbadanan hendaklah mempunyai satu lembaga pengarah yang terdiri daripada orang-orang yang berikut. (a) seorang Pengerusi, (b) seorang Timbalan Pengerusi, (c) seorang wakil Persatuan Perpustakaan Malaysia, (d) seorang wakil Perpustakaan Negara, (e) Setiausaha Kerajaan atau wakilnya, (f) Pengarah Pelajaran atau wakilnya dan (g) 6 orang Ahli-ahli lain. Pindaan Enakmen no. (Tahun 2011) Pindaan. No. 4 Seksyen 5 (1) perkara (g) dalam Enakmen Ibu adalah dengan ini dipinda dengan (j) menambah perkataan sekurang-kurangnya sebelum perkataan 6 orang ahli-ahli lain dan selepasnya dengan perkataan atau lebih iaitu (g) sekurang-kurangnya 6 orang ahli-

ahli lain atau lebih. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (Pindaan 2011) dibaca bagi kali yang ke dua.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sebelum ni sebab saya rasa saya boleh ulang perenggan yang terakhir Yang Berhormat baca, saya rasa berlainan daripada akta itu sendiri yang dibentangkan di Dewan ini. Sila bacakan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Untuk pindaan Enakmen Tahun 2011 (Pindaan) 4 Seksyen 5 (1) dalam Enakmen Ibu adalah dengan ini dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan 6 orang ahli-ahli tidak kurang daripada Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu rang undang-undang bernama Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (Pindaan 2011) dibaca bagi kali yang ke dua.

TUAN SPEAKER : Penyokong?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Terima kasih Tuan Speaker. Ilmu pengetahuan merupakan asas pembangunan insan dan masyarakat berilmu dan menjamin kestabilan negara. Selain daripada sekolah, gedung ilmu iaitu perpustakaan memainkan peranan yang cukup penting kepada pembangunan modal insan. Tahniat dan puji saya ucapkan kepada kerajaan negeri Selangor kerana membina sebuah perpustakaan yang baru dan selesa di Shah Alam. Budaya membaca dan menyelidik di kalangan pemuda boleh dipupuk dengan lebih meluas dan mendalam jika kerajaan negeri boleh membina lebih banyak perpustakaan berskala kecil dan sederhana di desa dan di bandar. Teratai yakin perpustakaan yang selesa boleh mengurangkan gejala pemuda pemudi melepak atau menumpu di *cybercafe*..

Sejak Mac 2008 Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil alih banyak dewan dari UMNO, MCA, MIC dan Gerakan. Banyak dewan-dewan sebegini berdekatan kawasan perumahan. Justeru itu saya mencadangkan kerajaan menggunakan sebahagian besar dari dewan ini untuk dijadikan perpustakaan desa atau bandar. Langkah ini akan mempercepatkan modal insan dengan lebih berkesan. Memandangkan perkembangan IT begitu cepat dan canggih setiap perpustakaan harus ditambah dengan komputer berinternet supaya pelajar boleh membuat projek,

penyelidikan atau kerja rumah dengan lebih efektif. Masyarakat yang celek IT di masa depan harus dipupuk sejak muda lagi.

Di DUN Teratai perpustakaan di Kampung Cheras Baru mempunyai satu *lab* komputer tetapi komputer-komputer di *lab* itu adalah merupakan sumbangan daripada Barisan Nasional sejak 2007, akan tetapi saya terkejut komputer di sini tidak boleh digunakan lagi walaupun ia baru sahaja kerana komputer ini masih menggunakan *hardisk* ataupun *floppy disk* dengan izin dan tidak mempunyai USB, lagi pun *software* pun sudah dikatakan *out dated* dengan izin dan tidak sesuai digunakan lagi. Apa yang kita perlu dari kerajaan negeri Selangor adalah sokongan kakitangan dan kepakaran perpustakaan dan IT dari Jabatan Perpustakaan Negeri supaya perpustakaan desa dapat memenuhi tuntutan zaman IT. Saya juga yakin masyarakat kita bersedia untuk menyumbangkan buku jika boleh dewan-dewan begitu ini, boleh dijadikan perpustakaan. Dengan itu pihak Perpustakaan Negeri hanya perlu menyediakan kepakaran mereka dalam pengurusan perpustakaan sahaja.

Hasil kerajaan negeri telah menaik dalam tiga (3) tahun yang lalu dan Syarikat GLC di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar telah mencipta keuntungan yang tinggi. Oleh itu kita berharap kerajaan dan Syarikat GLC boleh memainkan peranan lagi penting untuk mendirikan lebih banyak perpustakaan. Teratai juga ingin mengesyorkan bahawa setiap perpustakaan desa digalakkan merancang aktiviti sendiri supaya ia berinteraksi dengan masyarakat dan lebih berperanan dalam masyarakat kita.

Ingin saya bagi satu masalah ataupun mengemukakan satu masalah sekarang adalah semua perpustakaan yang sederhana atau kecil ini tidak mempunyai akaun. Kalau katakanlah ADUN ingin menyalurkan peruntukan untuk mereka mengadakan program atau aktiviti ini agak menyusahkan kita sebab tiada akaun ataupun mana-mana tempat yang kita boleh salurkan duit yang untuk menganjurkan program. Jadi berharaplah pihak EXCO atau kerajaan negeri boleh mempertimbangkan, meneliti masalah ini dan memberi cadangan kepada kita. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada penjelasan pada pihak kerajaan.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Teratai yang begitu prihatin tentang fungsi dan peranan perpustakaan di Selangor ini. Untuk makluman Teratai semua perpustakaan yang baru yang telah dibenakan oleh kerajaan Negeri Selangor sejak Mac 2008 adalah dilengkapi dengan komputer dan *Wi-Fi* percuma dan untuk khusus tentang perpustakaan di Kampung Teras Baru saya akan bersama-sama dengan Yang Berhormat Batu Tiga untuk melihat bagaimana kita boleh membantu yang masih di zaman dahulu lagi yang telah dibekalkan oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Yang ketiga yang disebutkan oleh Teratai tadi tentang GLC yang perlu membantu saya setuju seratus peratus dengan Teratai dan untuk makluman Teratai sebuah GLC telah pun menyumbang untuk perpustakaan kita di Selangor ini. Kumpulan Perangsong khususnya telah menyumbang sebanyak RM100,000 untuk nilai buku yang telah dihadiahkan kepada perpustakaan dan juga telah menyumbang untuk infrastruktur dan pembinaan perpustakaan desa yang baru sebanyak lima (5) buah insya-Allah. Jadi inilah di antara yang terbaharu yang kita lihat di mana GLC pada bulan sebelas ini telah pun menunjukkan langkah proaktif bersama-sama kita membangun modal insan melalui PPAS. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan bagi Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (Pindaan) 2011.

Aturan mesyuarat seterusnya Usul No. 17 Tahun 2011, Usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2012.

BAJET PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2012

JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	225,000,000
P.04	Perbendaharaan Negeri	4,847,000
P.05	Perbendaharaan Negeri (Pembangunan Komputer)	4,000,000
P.08	Jabatan Pertanian	15,000,000
P.10	Jabatan Perhutanan	5,500,000

P.12	Jabatan Kerja Raya	153,100,000
P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran	65,000,000
P.14	Jabatan Agama Islam	106,000,000
P.16	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	2,553,000
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,553,000
P.27	Jabatan Kehakiman Syariah	16,000,000
Jumlah keseluruhannya		600,000,000

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Sejumlah RM1,600,000,000 adalah diperuntukkan dalam Anggaran Bajet Negeri Selangor untuk perbelanjaan tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM600,000,000 disumbangkan melalui Kumpulan Wang Pembangunan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM600,000,000 untuk projek-projek pembangunan negeri Selangor pada tahun 2012. Pecahan mengikut Kepala adalah seperti di Usul Pembangunan 2012.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

P.1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan

Sejumlah RM225,000,000 diperuntukkan di bawah Vot Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, RM38,000,000 peruntukan untuk projek Mesra Rakyat ataupun Perkhidmatan Masyarakat dan RM23,700,010 untuk Pembangunan Luar Bandar dengan sejumlah RM9,200,000 diperuntukkan untuk projek ekonomi kecil dan RM14,500,010 untuk Pembangunan Kampung.

Peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga diagihkan kepada Perbandaran sejumlah RM10,108,000; Adat Melayu dan Warisan sejumlah RM3,700,030; Perpustakaan sejumlah RM2,350,060 dan Pembangunan Usahawan sejumlah RM2,000,000.

Bagi Pembangunan Sosial (P.K.7) pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM46,300,010 dan diagihkan kepada Pembangunan Insan sejumlah RM8,900,000; Pembangunan Pendidikan sejumlah RM26,000,00; Wanita sejumlah RM1,000,000; Belia dan Sukan sejumlah RM8,100,000 serta Perumahan dan Hartanah sejumlah

RM2,300,010. Sejumlah RM300,000 pula diperuntukkan di bawah Pusat Latihan (P.K.8); dan sejumlah RM500,000 diperuntukkan kepada Pembangunan Institusi Pentadbiran .

Selain itu, peruntukan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri diagihkan juga untuk Pelancongan sejumlah RM7,700,000; Kajian (P.K.11) RM2,000,000; Pentadbiran (P.K.12) RM7,000,000; Perikanan RM800,000; Jabatan PERHILITAN RM100,000.000; Projek Khas Negeri RM235,030; Pengambilan Balik Tanah RM30,000,000; Alam Sekitar RM450,000; Sumber Alam RM50,010 dan Kerajaan Prihatin (P.K. 19) RM1,150,000,000.

Kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah RM32,750,030.00 bagi Program Merakyatkan Ekonomi Selangor di bawah (P.K.20) dan Perbelanjaan Am sejumlah RM15,806,820.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

P.4 Perbendaharaan Negeri (Projek Am)

Sejumlah RM4,847,000.00 disediakan di bawah Perbendaharaan Negeri untuk projek-projek am.

P.5 Perbendaharaan Negeri

Sejumlah RM4,000,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Komputer (P.K.1) di bawah Perbendaharaan Negeri.

P.8 Jabatan Pertanian

Sejumlah RM15,000,000.00 diperuntukkan di bawah Vot Pertanian (P.8). Daripada jumlah tersebut, RM1,529,930.00 adalah untuk Pembangunan Taman Agroteknologi (P.K.1); RM5,040,000.00 untuk Pembangunan Tanaman Makanan (P.K.2) RM300,000.00 untuk Pembangunan Tanaman Industri (P.K.3); RM200,000.00 untuk Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan (P.K.4); RM2,050,000.00 untuk Pembangunan Industri Asas Tani (P.K.5); RM2,160,000.00 untuk Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian (P.K.6); RM100,000.00 untuk Pengurusan Perosak Bersepadu (P.K.7); bagi projek (P.K.8) Memajukan Kompleks Pertanian, peruntukan token disediakan berjumlah RM60.00 bagi enam (6) buah kompleks pertanian yang dijangkakan dilaksanakan bermula tahun 2013 dan RM10.00 untuk Pembangunan Agro Pelancongan (P.K.9);

Bagi Pembangunan Pertanian Bersepadu (P.K.10) diperuntukkan sejumlah RM700,000.00; Teknologi Maklumat (P.K.11) sejumlah RM520,000.00; Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (P.K.12) RM800,000.00; Pengurusan Tanah

Bermasalah (P.K.13) sejumlah RM250,000.00 dan untuk Pembangunan dan Pengurusan Tanah Terbiar (P.K.14) RM250,000.00.

Bagi Pertanian (P.K.15) untuk Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan logistik Pertanian pula diperuntukkan sejumlah RM800,000.00 dan RM300,000.00 untuk Penyelidikan dan perolehan Teknologi Baru Tanaman (P.K.16).

P.10 Jabatan Perhutanan

Sejumlah RM5,500,000.00 diperuntukkan di bawah Jabatan Perhutanan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti Program Pengurusan Sumber Hutan (P.K.1) sejumlah RM1,045,000.00; Program Pembangunan Sumber Hutan (P.K.2) sejumlah RM1,355,000.00; Program Perhutanan Masyarakat (P.K.3) sejumlah RM1,200,000.00; Program Pembangunan Tenaga Manusia/Infrastruktur (P.K.4) sejumlah RM1,170,000.00; Program Pemuliharaan Alam Sekitar (P.K.5) sejumlah RM200,000.00; Program Seranta Pengembangan Perhutanan (P.K.6) sejumlah RM130,000.00 dan Pembalakan Haram Sifar (P.K.7) sejumlah RM250,000.00 dan juga Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (P.K.8) sejumlah RM150,000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

P.12 Jabatan Kerja Raya

Sejumlah RM153,100,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini untuk Pelbagai Rancangan (P.K.1) sebanyak RM30,843,380.00 manakala sejumlah RM4,300,040.00 disediakan untuk Membina Jambatan Dan Jejantas (P.K.2); RM34,000,560.00 pula untuk Membina Jalan (P.K.3) dan sebahagian besar diperuntukkan untuk Menaik taraf Jalan (P.K.4) iaitu RM76,950,950.00 serta RM5,000,070.00 untuk Membina dan Menaik taraf Bangunan JKR (P.K.5) RM5,000,070.00.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

P.13 Jabatan Pengairan dan Saliran

Sejumlah RM65,000,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Peruntukan ini meliputi kesemua bidang teras Jabatan bagi memenuhi misi iaitu pengurusan sumber air, lembangan sungai, risiko banjir dan zon pantai bagi mencapai kesejahteraan alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup. Melalui pecahan butiran yang dicadangkan, strategi utama Jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan teratur. Di samping itu pelaksanaan program akan berfokus pada pengurusan secara lestari, bersepadu dan cekap sejajar dengan arah tuju Kerajaan Negeri. Ia juga bagi memberikan kesinambungan kepada objektif Jabatan dan memberi perlindungan nyawa dan harta benda akibat banjir melalui konsep pencegahan awal di samping menghidupkan semula sungai yang bersih, berkehidupan dan bersemangat.

Peruntukan diagihkan kepada aktiviti Pengurusan Banjir (P.K.1) sebanyak RM38,010,360.00; Menaik Taraf Sistem Saliran (P.K.2) sebanyak RM6,600,260.00; Program Pengurusan Lembangan Sungai (P.K.3) sebanyak RM2,700,050.00; Program Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (P.K.4) sebanyak RM1,500,010.00; Program Pengurusan Saliran Mesra Alam (P.K.5) sebanyak RM2,650,150.00; Program Pengurusan Pantai (P.K.6) sebanyak RM7,750,160.00 dan Program pengurusan mekanikal dan Elektrikal (P.K.7) sebanyak RM1,200,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan program Pengurusan Infrastruktur dan Bangunan (P.K.8) iaitu sebanyak RM1,398,600.00 dan Program Pengairan dan saliran pertanian (P.K.9) sebanyak RM3,100,410.00

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian;

P.14 Jabatan Agama Islam

Sejumlah RM106,000,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM47,000,220 disediakan untuk Projek Pembinaan Sekolah-Sekolah Agama (P.K.1); sejumlah RM16,000,040.00 untuk Pembinaan Bangunan Pejabat-pejabat Agama Islam (P.K.2); RM41,000,220.00 untuk Masjid (P.K.3) dan RM1,999,520.00 untuk projek pelbagai (P.K.4).

P.16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

Sejumlah RM2,500,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Pecahan ini diwujudkan sebagai pengkhususan kepada aktiviti Rancangan Pemajuan sejumlah RM750,000.00 (P.K.1); RM250,000.00 untuk Perancangan Dasar (P.K.2) dan RM1,500,000.00 untuk Kajian Khas Perancangan (P.K.3).

P.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Sejumlah RM6,553,000.00 diperuntukkan di bawah Vot ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM710,000.00 disediakan untuk Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan (P.K.1) yang melibatkan program bantuan induk berkualiti induk lembu pedaging, tenusu dan kambing biri-biri kepada penternakan berpotensi untuk transformasi tahap komersial, program pemakanan ternakan dan merakyatkan ekonomi kepada penternak ruminan.

Sejumlah RM760,000.00 diperuntukkan untuk Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas dan Bukan Ruminan (P.K.2) yang sebahagiannya diperuntukkan untuk pembangunan pusat pembiakan puyuh.

Sejumlah RM460,000.00 untuk Pembangunan Industri Asas Ternak (P.K.3) bagi peningkatan pengeluaran usahawan pembangunan inkubator dan makmal R & D

produk Industri Asas Ternak (IAT) melibatkan projek pembangunan sebuah makmal R & D di Kompleks Jabatan Perkhidmatan Veterinar Shah Alam.

Di bawah (P.K.4) pula sejumlah RM595,000.00 untuk Kesihatan Veterinar bagi program pengawalan dan pembasmian penyakit haiwan melibatkan program-program epidemiologi penyakit bagi memamatkan tahap bebas penyakit-penyakit haiwan yang mempunyai kepentingan ekonomi.

Sejumlah RM505,000.00 untuk *Regulatory, Sanitary and Phytosanitary* (SPS) dan Biosekuriti (P.K.5); RM600,000.00 untuk Pembangunan Kompetensi dan Bimbingan Usahawan (P.K.6); RM1,810,000.00 untuk Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar (P.K.7); dan sejumlah RM1,113,000.00 untuk Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) (P.K.8).

P.27 Jabatan Kehakiman Syariah

Sejumlah RM12,500,000 diperuntukkan di bawah vot ini. Sejumlah RM12,499,910 disediakan untuk Mahkamah Syariah dan token yang berjumlah RM90,000,000 (?) untuk Mahkamah Syariah Daerah.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;

Memandangkan bahawa kita telah pun membahaskan peruntukan pembangunan dengan panjang lebar maka saya ingin memohon supaya usul ini diluluskan.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Saya menyokong.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker. Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan Ini, adalah satu usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, iaitu usul bajet peruntukan pembangunan 2012. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Sekiranya ada.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini....

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya hendak tanya, maknanya ini boleh dibahaskan untuk kesemua sekali ya!.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Baik. Saya hendak berbahas.

TUAN SPEAKER : Ya! Sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ah! Saya melihat dan mendengar perbincangan pembentangan yang dikemukakan oleh Dato' Menteri Besar berhubung dengan perbelanjaan Pembangunan untuk Selangor 2012 ini memang satu jumlah yang diberikan cukup menarik. Saya hanya ingin menyentuh kepada tiga jabatan, pembangunan, pembangunan di tiga jabatan iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Kerja raya dan juga Jabatan Agama Islam. Ya.

Pertamanya ialah Jabatan Perhutanan. Saya mencadangkan supaya Jabatan Perhutanan ini daripada sudut pembangunannya untuk memberikan peralatan-peralatan yang mencukupi kepada ke semua penguatkuasa-penguatkuasa terutamanya mereka-mereka yang bekerja di kawasan sekitar hutan Pelabuhan Kelang, Pulau Ketam kerana di sana kita dilaporkan menerima terlalu banyak aduan kecurian-kecurian yang melibatkan kayu-kayu di hutan paya bakau dan sebenarnya adalah satu kawasan yang sudah dibekukan untuk pengeluaran bahan-bahan kayu bakau. Dan saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Perhutanan atau pun kerajaan negeri untuk mengambil kira cadangan yang dikemukakan oleh lebih ramai ahli-ahli Dewan supaya diadakan satu *selective management system* bagi proses penebangan kayu hutan ini kerana kalau kita lihat hari ini walau pun penguatkuasaan dilakukan secara kerap tetapi masih lagi ada kedapatan pencuri-pencuri kayu ini yang mencuri keluar hasil hutan. Akhirnya kayu ini dikumpulkan di batau dan dijual kepada peraih-peraih pada harga-harga borong dan hasil kayu itu terus masuk kepada kantung kerajaan di peringkat Persekutuan. Ini merupakan satu kerugian di pihak kerajaan negeri kerana hasil negeri sepatutnya dikembalikan kepada rakyat negeri Selangor. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri melihat secara tersusun, sistematik kaji kalau boleh dipecahkan kawasan hutan itu dilaksanakan satu sistem yang lebih baik yang terkawal kerana kalau di biar sekarang ini anak-anak pokok kayu tetap juga rosak, mati dan tidak dapat hidup. Jadi kalau kita adakah satu sistem yang lebih baik yang dipantau yang disusun termasuk juga daripada segi untuk penanaman semula secara lebih berkesan saya rasa ia jauh lebih memberi keuntungan kepada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang Jabatan Kerja Raya. Kalau kita lihat walau pun dalam belanjawan yang dikemukakan ini diberikan lebih daripada RM153,100,000 yang diberikan dalam pembangunan oleh Jabatan Kerja Raya. Saya lihat bahawa tidak banyak sebenarnya kawasan-kawasan kritikal yang diadakan oleh ahli-ahli Dewan Negeri, persatuan-persatuan penduduk dan juga

mereka-mereka yang terlibat menggunakan jalan raya ini dapat dimasukkan dalam perbelanjaan ini. Saya ingin mencadangkan Jabatan Kerja Raya terutamanya di kawasan jalan yang menghubungkan Kampung Jalan Kebun dengan Taman Sri Muda. Ya! Untuk mendesak kerajaan pusat menyegerakan pembinaan jalan ini kerana daripada bulatan Batu Lima sehinggalah ke Taman Sri Muda ia merupakan satu jalan yang cukup merbahaya. Yang kalau kita lalu pada hari ini ah! daripada bulatan Batu Lima hendak ke Taman Sri Muda pada sebelah pagi ada kalanya sampai mencecah masa 40 minit. Jalan itu sempit cuma jalan sehala dua hala dua laluan kiri dan kanan dan ia sebenarnya mengundang banyak kemalangan-kemalangan.

Dan Yang ketiga Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin menyentuh berkenaan dengan Pejabat Agama Islam atau pun Jabatan Agama Islam yang diperuntukkan sebanyak 106,000,000 dan saya lihat di dalam projek pembangunan ini ada disertakan pembangunan untuk Sekolah Agama Rakyat atau pun KAFA dan sebagainya tetapi sekolah yang agak kritikal yang disebutkan oleh saya dalam belanjawan tahun lepas telah tidak dimasukkan. Sekolah ini amat kritikal. Sekolah KAFA Al-Syabab Taman Sri Muda. Sekolah yang satu ketika dahulu dibina pada awal bulan, bulan Disember tahun 2010 tetapi runtuh pada tahun 210 bulan April. Ya! Lembaga Zakat memperuntukkan melalui Jabatan Agama Islam Selangor, beri 50,000.00. Buat satu bilik darjah, satu bangunan yang mempunyai tiga bilik darjah. Tiga bulan sahaja digunakan, bangunan itu runtuh kena ribut. Daripada bulan April sehinggalah ke bulan Disember Tahun 2010 sudah beberapa kali permohonan kita minta baik pulih, tampal balik, *repair* apa yang perlu tidak dilakukan. Pelajar-pelajar yang belajar di sekolah itu pada waktu itu ditumpangkan di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda II. Bulan dua belas, 1 .12. 2010 sekolah yang ditumpangkan itu pula terbakar. Jadi, ceritanya macam luncai. Jadi, saya amat dukacita. Ini peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat, pelajar 322 pelajar kalau kali ibu bapanya dekat situ 2 orang 1000 orang lebih. Tidak diberikan perhatian dan sekolah yang berada di kawasan orang kaya sedikit di Kota Kemuning, yang itu pula yang didahulukan. Saya rasa sedih sungguh ya! Tidak termasuk di dalam senarai pembangunan yang sepatutnya kawasan itulah yang diberikan tumpuan yang lebih. Alhamdulillah. Tahun 2010 bulan Disember lepas saya dapat cari dari PKNS sedikit tujuh puluh ribu dapat menyumbang. Kemudian saya usahakan lagi dapat daripada Kumpulan Semesta membantu anak-anak syarikat kerajaan negeri beri dua puluh ribu, tiga puluh ribu akhirnya saya dapat kumpul RM220,000.00 untuk kita bina balik sekolah ini dan Alhamdulillah ada 7 kelas. 322 orang pelajar yang terpaksa pada hari itu dipindahkan ke sekolah lain kita masukan balik mereka di kawasan sekolah asal yang lebih dekat dengan mereka. Jadi, saya menyeru kepada Jabatan Agama Islam dan jika kita bermaksud benar-benar untuk memberikan pendidikan terbaik kepada umat Islam. Beri tumpuan kepada sekolah-sekolah yang diadakan oleh wakil-wakil Rakyat. Sebab kita menerima banyak aduan. Kita hendak minta lebih tidak dapat. Dalam hal ini saya hendak ucap terima kasih kepada EXCO dan Pendidikan yang

menyumbangkan RM30,000. Nanti tak ucap terima kasih, kecil hati pula Yang Berhormat. Saya menyumbangkan sebanyak RM30,000 bagi membantu pembinaan sekolah ini termasuk jugalah Pegawai Kewangan Negeri yang bermurah hati untuk memberikan RM70,000 melalui PKNS juga Yang Amat Berhormat Tan Sri. Jadi, apa yang saya hendak sampaikan ialah sepatutnya peruntukan pembangunan ini kita teliti dahulu. Ada aduan daripada ahli Dewan, Parlimen bagilah keutamaan. Kalau Jabatan Agama Islam meletakkan dalam senarai mereka ini ialah pelanggan-pelanggan kepada Jabatan Agama Islam jadi bagikanlah tumpuan kepada kita. Yang kita minta tak dimasukkan. Yang kita tak minta dimasukkan pula. Jadi, saya rasa ini satu pembahagian yang akan merugikan penduduk setempat dan kita letakkan wang itu kepada tempat yang tak sepatutnya. Dan sebagai sebuah kerajaan negeri yang memberikan penekanan dan juga tumpuan kepada permintaan rakyat saya harap kerajaan negeri dapat membetulkan keadaan-keadaan ini. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pihak kerajaan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya, Dato' Speaker. Rakan dari Sri Muda telah meluahkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan yang jelas saya rasakan ialah ketelusan. Ketelusan dan kebertanggungjawaban setiap Jabatan itu dalam usaha mereka menggunakan wang peruntukan, wang rakyat. Kedua, yang tak jelas yang dinyatakan oleh Sri Muda dan dipersoalkan oleh Sri Muda adalah tentang *priority*, keutamaan. Walaupun kita ada duit, kita ada peruntukan, tetapi di mana keutamaan peruntukan kita. Sudah tentulah keutamaan yang difikirkan oleh wakil, yang diwakili oleh rakyat boleh jadi diberikan perhatian yang lebih tertumpu pada keutamaan yang daripada pemikiran apa yang disebut pegawai-pegawai. Jadi itu pun akan kita betulkan, terutama apabila kita adakan ketelusan. Saya ingat kita akan bermula pada awal Januari 2012 untuk memberi tahu kepada semua wakil rakyat, wakil Dewan negeri tentang projek-projek yang kita hendak laksanakan di setiap daerah supaya semua wakil rakyat dan Ahli Dewan Negeri tahu dan boleh membuat celahan. Disebut celahan supaya jangan apabila sudah sampai tender baru datang beritahu sebab kita hendak selesaikan masalah.

Duit terhad tapi penggunaannya mesti bertumpu. Jadi untuk Perhutanan saya menambahkan peruntukan daripada segi masalah kayu bakau ini seperti dalam program peruntukan Selangorku yang kita buat. Kita ada peruntukan khas untuk menyelesaikan masalah kecurian dan juga pembangunan kayu bakau yang hutan bakau akan menjadi pendinding kepada kawasan-kawasan di sana kerana masalah banjir, tsunami dan sebagainya. Sebab kayu bakau ini bukan sahaja ia punya *flora and fauna* tetapi ia juga boleh menjaga keadaan persekitaran di sana. Jadi bakau ini sangat penting dan kalau kita menebang kayu bakau ini ia boleh mengakibatkan keadaan banjir yang lebih besar boleh berlaku di persekitaran kawasan tersebut. Jadi, kayu bakau ini adalah insurans kita, ataupun mempunyai tugas yang lebih besar dan kurang

difahami oleh rakyat oleh sebab dengan menebang kayu bakau ini boleh jadi lebih ribuan ekar tanah yang bakal menghadapi banjir yang dahulunya tidak dalam keadaan tersebut.

Jadi, oleh sebab itulah kita menganggap pelaburan kita untuk membangunkan semula hutan-hutan kayu bakau ini adalah sebagai satu pelaburan untuk menentukan *kelestarian* hidup masyarakat di tempat tersebut. Dan saya sudah tahulah tentang Jabatan Kerja Raya ini saya juga meminta EXCO Negeri yang bertugas dalam perkara tersebut untuk membentangkan kepada Majlis-majlis EXCO supaya selepas itu kita boleh bertahu wakil kita di mana pembangunan itu dibuat supaya mereka dapat memberikan *input* rakyat terhadap usaha ini. Jadi ini mula kita lakukan secara telus tak ada berselindung. Tengok-tengok esok dah ada projek, bukan begitu. Kita beritahu kepada semua ah! orang tentang projek yang kita lakukan dan kita pantau usaha tersebut. Satu *team* khas daripada JKR yang bebas akan memantau projek-projek tersebut daripada segi kecekapan pengurusan projek, daripada segi *value for money*, daripada segi menentukan supaya projek-projek ini tidak terbelak. Atau pun e dibuat dua tiga kali. Jadi banyaklah usaha yang kita hendak lakukan sebab saya rasa dahulunya terlalu banyak apa yang dikatakan tarik tali. Hendak bawa ke sana lepas itu tukar ke sini.

Sekarang kita dah jelas di mana kita hendak buat, apa yang kita hendak buat dan peruntukan kita sediakan supaya kontraktor itu tidak menunggu lama untuk dapat bayaran. Ini pun satu masalah yang saya dapati sangat besar. Sebab dah buat kerja tak dapat bayaran. Jadi, kita akan melakukan usaha ataupun peruntukan dua hala iaitu tak buat bagus kita denda: tak bayar lambat, kita kena bayar faedah. Jadi maknanya dua-dua. *That means we be fair*. Jadi kita suruh orang buat kerja, dia buat kerja baik, kita bayar. Tak bayar, *you* kena denda juga kerana lambat bayar. Jadi, dengan cara itu kita ada usaha membangunkan negeri kita dengan lebih profesional. Dan saya harap Ahli-Ahli Dewan menolong dalam hal ini. Jadi, dua-dua pihak kita kena tolong. Dan, sudah tentulah dalam inipun tak cukup, tak cukup, peruntukan tak cukup tetapi *priority* mesti diberi, dan sudah tentu keutamaan kepada kawasan-kawasan yang kita katakan masyarakat yang berpendapatan rendah. *Priority* ke situ. Jadi, kalau masyarakat yang perkapita *income* melebihi kita beri *priority* yang kedua walaupun kita bertanggungjawab membina masyarakat tersebut dan ada juga kita usahakan satu perkongsian. Kita bayar 60%, mereka bayar 40%. Jadi kita ada program yang disebut program perkongsian. Tetapi, tanggungjawab kita membina peluang untuk semua rakyat Selangor mendapatkan pendidikan. Pengajian agama adalah keutamaan kita. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9 Sub-seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan

sebanyak RM600,000,000 yang dinyatakan dalam bajet peruntukan pembangunan tahun 2012 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Bajet peruntukan pembangunan 2012:

	RM
P 1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	225,000,000
P 4 Perbendaharaan Negeri	4,847,000
P 5 Perbendaharaan Negeri, Pembangunan Komputer	4,000,000
P 8 Jabatan Pertanian	15,000,000
P 10 Jabatan Perhutanan	5,500,000
P 12 Jabatan Kerja Raya	153,100,000
P 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran	65,000,000
P 14 Jabatan Agama Islam	106,000,000
P 16 Jabatan Perancang Bandar dan Desa	2,500,000
P 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,553,000
P 27 Jabatan Kehakiman Syariah	16,000,000

Jumlah	600,000,000
	=====

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul No. 18 Tahun 2011 Usul di bawah Peraturan Tetap 27 (3) oleh Y.B. Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Bahawasanya dewan yang mulia ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Kementerian Luar Negeri agar segera membantu menyelesaikan masalah pada nelayan tempatan yang mutakhir ini terus diancam dan ditahan oleh pihak maritim Indonesia semasa mencari nafkah di lautan hidup yang bersempadan dengan perairan antarabangsa. Tuan Speaker, kita sedia maklum industri perikanan negara kita semakin berkembang dengan pesat. Kemajuan ini banyak bergantung pada usaha dan sumbangan dari titik peluh para nelayan sama ada nelayan tradisi persisiran pantai ataupun nelayan pukat tunda dan laut dalam. Namun begitu sejak sekian lama berbagai masalah yang bersangkutan paut dengan nelayan masih gagal diselesaikan oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tuan Speaker, masalah utama yang dihadapi oleh nelayan tradisi persisiran pantai adalah pencerobohan secara meluasnya oleh bot-bot pukat tunda kepayahan mereka iaitu di dalam kawasan 5 batu nautika ke bawah yang akhirnya telah menyebabkan hasil dan sumber ikan berkurangan manakala masalah utama yang dihadapi oleh nelayan permit B ialah tentang larangan kementerian yang tidak membenarkan permohonan mereka untuk mengupah pekerja asing khususnya dari Indonesia, Thailand dan Myanmar. Tuan Speaker, walaupun kita sedar dan memahami hasrat dan tujuan kerajaan untuk membela dan sekali gus menjaga kepentingan pekerja tempatan supaya peluang pekerja anak tempatan tidak dirampas oleh pekerja asing akan tetapi tidak ramai anak tempatan kita berminat berkecimpung dalam sektor perikanan ini. Sebagai nelayan kerana cabaran dan risiko yang cukup tinggi. Jika dibandingkan dengan sektor-sektor yang lain lagi pun habuan dan ganjaran yang ditawarkan tidak setimpal dengan kudrat yang dicurahkan. Pada masa yang sama timbul juga berbagai masalah sampingan seperti masalah subsidi minyak diesel, bantuan kos saraan hidup dan juga subsidi hasil tangkapan ikan yang sering kali terjadi menghadapi kelewatan, bayaran dan juga ketirisan serta kebocoran. Ramai nelayan merungut terhadap nasib malang yang sering ditimpa oleh mereka bagaikan jatuh ditimpa tangga. Sebenarnya nelayan tidak menuntut berlebih-lebihan daripada pihak kerajaan yang mereka minta hanyalah, hanyalah untuk mencari nafkah hidup bagi menyara sekeluarga mereka. Justeru itu saya minta menyeru pihak Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Y.B. Dato' Seri Noh Omar segera bantulah kaum nelayan, bantulah mereka dari terus dari dibelenggu oleh berbagai masalah terutamanya mempertimbangkan dan memberi kebenaran kepada nelayan permit B untuk mengupah pekerja asing sekurang-kurangnya 2 orang untuk setiap bot pukut tunda permit B yang beroperasi di dalam zon, B iaitu 5 hingga 12 batu nautika. Sudah berulang kali saya bangkitkan permasalahan ini dalam dewan yang mulia ini untuk diperdebatkan dan seterusnya dipanjangkan kepada Kementerian untuk tindakan selanjutnya. Namun begitu sehingga kini tiada khabar dari kementerian. Walau bagaimanapun saya nak persoalan kepada wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional, dari pihak pembangkang yang membisu seribu bahasa dalam isu bot permit B ini. Sesungguhnya mereka langsung tidak berminat untuk membela nasib dan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh nelayan bot pukut tunda. Mungkin mereka ini lebih minatlah, mereka lebih minat tentang dan bangga dengan lembu yang duduk dalam kondominium. Lembu duduk dalam kondominium mereka lebih bangga, soal nelayan mereka tak mengapa dan inilah permasalahan yang dihadapi oleh pihak pembangkang.

Tuan Speaker, malang tidak berbau timbunan masalah masih tertanggung dan gagal selesaikan kini muncul pula permasalahan baru yang lebih kritikal dan menghantui mereka memandangkan perairan Selat Melaka agak panjang tetapi tidak luas maka sempadan milik negara untuk para nelayan mencari nafkah hidup adalah terbatas hanya sekitar 28 batu nautika daripada perairan Sekinchan ke sempadan antarabangsa. Justeru itu mutakhir ini sering berlaku kes-kes pemerasan di tengah lautan oleh lanun-lanun, bukan lanun-lanun dari Barisan Nasional, lanun-lanun lari terhadap bot nelayan kita. Saya telah menerima aduan sepanjang tahun sehingga sekarang sekurang-kurangnya 12 kes pemerasan telah berlaku di kawasan Sekinchan belum lagi di campur dengan nelayan yang berlaku di kawasan Sungai Besar dan kawasan yang lain. Demi untuk menyelamatkan diri pada nelayan terpaksa akur dengan tuntutan lanun-lanun dengan membayar wang tebusan yang tinggi iaitu RM80,000 hingga RM120,000 bagi setiap bot untuk dibebaskan. Persoalannya kenapa para nelayan terpaksa akur membayar wang tebusan kepada mereka sebenarnya yang mereka ini sebenarnya adalah pasukan militan Indonesia yang dilengkapi senjata M16 yang menyeberangi sempadan negara kita. Lalu menyamar sebagai lanun terus memeras dan menangkap nelayan kita dan membawa nelayan kita melintasi pengairan antarabangsa ke kawasan pengairan negara mereka. Akhirnya yang mereka minta adalah wang tebusan daripada nelayan. Sekiranya wang tebusan tidak diberi tidak diberikan kepada mereka maka kemungkinan nyawa mereka akan tergadai akan dibunuh dan sebagainya. Inilah risiko yang mereka hadapi. Sudah tentu ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin tahu ke manakah pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APPM). Mereka ini agak lambat bertindak dan sering memberi alasan kekurangan anggota penguatkuasaan dan juga kekurangan bot

serta kelengkapan yang canggih untuk mengawal pengairan negara dari terus dicerobohi oleh sama ada lanun atau lanun yang berlesen.

Tuan Speaker, walaupun laporan Polis mengenai kejadian seumpama itu sudah dibuat namun bukan senang untuk disiasat oleh pihak Polis kerana kes ugutan dan pemerasan ini berlaku di sempadan pengairan antarabangsa yang kedudukannya sukar dikenal pasti barangkali kawasan yang berlaku kes adalah kawasan perairan kita atau negara jiran juga sukar ditentukan. Pada masa yang sama terdapat juga kejadian di mana nelayan kita dibunuh lalu dicampak ke laut dan bot dibawa balik ke negara jiran yang tidak tahu di mana lokasinya. Cuba kita bayangkan bagaimana pedihnya dan deritanya para nelayan bot pukut tunda, siapakah yang akan perjuangkan hak mereka, siapakah yang akan melindungi keselamatan mereka harapkan agensi penguatkuasaan maritim Malaysia bagaikan harapkan padi makan pagar. Sehubungan itu untuk memastikan aktiviti penangkapan ikan dapat terus dijalankan maka para nelayan telah secara senyap-senyap berpakat membayar yuran bulanan, yuran bulanan merupakan suaka melalui orang tengah yang dikenal pasti yang mempunyai hubungan komplot lanun berlesen tersebut. Saya difahamkan bayaran yang dibayar di kawasan Sekinchan dan Sg. Besar melebihi ratusan ribu setiap bulan. Bayaran macam kepada kepala kongsi bayaran bulanan untuk kongsi gelap, suaka bulanan. Kalau tidak bot mereka akan dirampas di tengah lautan. Mereka tidak akan berpeluang menjalankan aktiviti malah nyawa mereka akan tergadai.

Tuan Speaker, oleh yang demikian saya mendesak pihak Kementerian Luar melalui Wisma Putera bersama pihak Kementerian Pertanian dan juga pihak-pihak serta jabatan-jabatan yang berkaitan agar segera dapat bersama memikirkan bagaimana untuk mengatasi permasalahan pemerasan dan pencerobohan lanun-lanun yang berlesen terhadap nelayan kita. Pada masa yang sama pihak Majlis Keselamatan Negara wajib mengadakan perbincangan secara hubungan diplomatik, diplomasi dan semangatnya setia kawan di antara negara kita dengan negara Indonesia bagi mendapat persetujuan supaya memperkemaskinikan sempadan pengairan negara secara lebih holistik supaya masalah-masalah pertindihan tuntutan kedua-dua pihak dapat dimainkan. Saya yakin melalui kaedah sedemikian barulah permasalahan pencerobohan dapat dikurangkan tambahan pula pihak Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia juga mesti diberi peralatan yang lebih canggih dan mencukupi untuk menjaga pengairan kita dan keselamatan, melindungi keselamatan para nelayan yang sering berlaku kes-kes pemerasan. Saya tidak mahu mendengar lagi alasan-alasan daripada kerajaan bahawa kekangan kewangan dan sebagainya menyebabkan kelengkapan untuk memperkasakan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia tidak dapat dilakukan. Masalah ketirisan kebocoran serta penyelewengan dana kerajaan seperti dalam laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini antara contoh kita dengar pemberian kereta

kebal bernilai RM1.6 bilion telah dibeli lebih mahal dengan harga RM7.6 bilion. Skandal lembu RM250 juta, lembu dibeli dengan RM250 juta dan lebih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, boleh beri penjelasan sikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Okey, okey.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker. Tahniahlah Sekinchan lepas jadi juara sawah padi nak jadi juara nelayan, tapi tak pelah Sekinchan pun ramai nelayan, Permatang pun ada sawah padi ada nelayan. Tadi saya dengar perbahasan Sekinchan mengenai ketirisan, mengenai kononnya berlaku kepincangan penyelewengan dan sebagainya dan saya tengok Sekinchan beria-ia nak bela petani nelayan. Tapi saya nak beritahu pada Sekinchan yang pertama dalam usul membela nelayan, saya nak beritahu Sekinchan kalau tak tahu saya beritahu, Sebenarnya Kerajaan Persekutuan cukup banyak beri bantuan kepada nelayan. Saya boleh, boleh bagi beberapa contoh antaranya subsidi minyak diesel, subsidi petrol yang harganya dibeli dengan harga istimewa oleh nelayan. Juga insentif bulanan diberi tiap-tiap RM200, tiap-tiap nelayan mungkin sikit, tetapi kalau di kali dengan 55,000 nelayan di seluruh negara berapa *million*. Yang ketiga, kita bina jeti-jeti baru di kawasan-kawasan nelayan, keempat kita juga bagi insentif tangkapan RM0.10 tiap-tiap kilo yang diberi tapi apabila berlaku kemalangan, malapetaka dan sebagainya bila berlaku pergaduhan di laut, sampan rosak, berlaku sampan karam semuanya dibantu oleh LKIM dibantu oleh pihak-pihak Jabatan Perikanan. Tapi saya nak tanya Sekinchan yang kerajaan negeri, sebenarnya saya cuba nak bangkitkan dalam perbahasan tapi masa tak dapat lagi, tapi saya nak tanya negeri sendiri bantu apa pada nelayan, saya nak tanya, sebab dalam isu ini, sebab bila isu nelayan kerajaan negeri saya tengok tak ada satu pun yang betul-betul yang, apa ni.. dasar yang jelas mengenai perikanan, tak ada insentif tak ada apa. Bila nelayan berlaku kemalangan di laut tak pernah rujuk dan tak ada apa pun yang sebenarnya diberi pada kerajaan negeri. Saya minta maaf, kalau boleh saya nak minta alasan Sekinchan, IKS sendiri pun anak-anak nelayan, kita beri banyak. Tapi saya nak tanya apa sebenarnya dasar kerajaan negeri, boleh minta bantuan EXCO tak apa. Apa sebenarnya kerajaan negeri bagi kepada nelayan dalam kawasan pantai ini. Betul isu mengenai, mengenai dibangkitkan mengenai perkara-perkara keselamatan. Itu perkara yang kita pun prihatin sebab nelayan ialah nadi kita. Sudah pasti kita pun tak nak nelayan diganggu gugat. Tapi saya nak tanya yang kerajaan negeri bagi apa pada nelayan ni. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima Kasih Yang Berhormat daripada Permatang. Soal bantuan daripada kerajaan negeri ni saya terima kasihlah kepada Permatang ya. Kerajaan negeri kita bantu dari aspek yang lain. Kenapa dari soal peruntukkan ini, ya peruntukkan kerajaan negeri sudah banyak cukai pendapatan sudah diambil oleh

Kerajaan pusat dan melalui oleh Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani mereka di bawah bidang ini mereka telah diperuntukkan wang yang cukup Parlimen untuk dibantu kepada, diberi bantuan kepada nelayan. Maka dengan itu tanggungjawab kerajaan negeri adalah juga banyak memberi pemantauan dan bantuan kepada mereka dari segi apa, kita beri bantuan dari segi bot dan dari segi enjin sangkut dan sebagainya di kawasan-kawasan tertentu kita bagi, tapi kita tak heboh-hebohkan berapa kita bagi kerana....

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Memang tak de Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Peruntukan kerajaan negeri, biar saya jelaskan dulu, ya saya jelaskan dulu kerana memandangkan dana yang kita ada kerajaan negeri tidak sebesar seperti kerajaan pusat maka kita bantu dengan kadar yang kita boleh. Dan pada masa yang sama yang saya bangkitkan soal nelayan ini menghadapi ugutan, diancam oleh lanun-lanun. Soal pemerasan ini, ini soal penguatkuasaan di mana kerajaan negeri tidak ada kuasa langsung dalam perkara ini. Saya tidak menafikan bahawa kerajaan pusat memang membantu nelayan-nelayan dari segi subsidi dan sebagainya. Itu tidak saya kata membantu, tapi masalahnya kadang-kadang bantuan itu tersasar dan pada masa yang sama....

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat boleh saya sentuh tersasar di mana?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Nanti dulu, nanti dulu saya akan bagi, saya akan bagi. Kerajaan pusat punya tanggungjawab ia memastikan keselamatan nelayan kita di perairan. Apa gunanya kita ada Agensi Maritim dan sebagainya yang dikuasai oleh Kerajaan Pusat, Kementerian Dalam Negeri tetapi mereka tak boleh mengawal, membela bencana keselamatan Nelayan. Ini yang saya persoalkan dalam Dewan Yang Mulia Ini. Ah Permatang kena faham.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh saya jelas sedikit. Sekinchan, tadi sebut perkara saya tak sebut mengenai penguatkuasaan. Penguatkuasaan memang kali, barangkali ada kelemahan sebab jenayah ini kalau kita dapat cegah akan berlaku jenayah itu berterusan. Perkara yang cuma kita boleh pastikan nak pastikan 100% jenayah diberhentikan itu mustahil. Itu akan berlangsung tapi tadi Sekinchan ada sebut awal perbincangan mengenai perkara-perkara menindas nelayan dan sebagainya. Saya, saya minta kerajaan negeri tunjukkan tak boleh Sekinchan tunjukkan bagi alasan bahawa dana kerajaan lebih besar habis nelayan di negeri Selangor bukan nelayan Selangor. Apa pembelaan kepada mereka kalau tak boleh bagi insentif, sebagaimana kerajaan persekutuan bagi boleh bagi dalam bentuk insurans boleh bagi dalam bentuk perkara-perkara yang barangkali boleh diberi. Saya ambil contoh pertanian, Sekinchan selalu sebut pasal pertanian.

TUAN SPEAKER : Jangan, jangan masuk Pertanian nanti masuk lain-lain.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tadi pun ada sebut Tuan Speaker, tapi cuba tunjukkan apa dasar sebab itu saya minta supaya kerajaan negeri tunjuk, bagi peluang ini jeta satu pun tak dibuat, tak dibina dan sebagainya. Bila kita buat berbagai tohmahan diberi ini yang sebenarnya tak sepatutnya ditimbulkan, tapi soal penguatkuasaan, soal Maritim dan sebagainya kalau ada kebenarannya pada saya rakyat mesti dibela, nelayan mesti kalau berlaku jenayah berlaku peras ugut dan sebagainya. Kalau betul ada boleh dibuktikan dan ada kelemahan di peringkat APMM pada saya kita patut beri teguran itu bukan soalan dia. Tapi persoalannya tadi di awalnya menyebut tentang kezaliman. Yang saya minta bukti kerajaan negeri bagi memang tak ada bantuan diberi oleh kepada nelayan. Berapa ribu nelayan negeri Selangor?

TUAN SPEAKER : Dah ulang, ulang *point*.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tapi saya minta kalau boleh

TUAN SPEAKER : Tapi saya minta cakap kena ada fakta, ya saya tak nak ambil bahagian tapi bila fakta itu betul saya susah nak bersabar ini. Nanti dulu saya belum habis bercakap ini. Duduk dulu, duduk dulu. Saya tengah ambil bahagian tapi saya ingat cakap nak fakta. Ya, seperti fakta kerajaan tak buat satu jeta pun saya rasa, saya sendiri kawasan saya buat jeta, baru-baru ini. Ah macam fakta ini kalau saya dengar ini saya rasa tak betul, jadi saya tak mahu nanti ada ahli yang bawa rujuk kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan kerana buat kenyataan tidak betul. Jangan itu berlaku, saya ingatkan ingkar semua Ahli Yang Berhormat sekalian tak kira dari pihak mana buat kenyataan di sini, ini bukan ceramah umum, ini di bawah Dewan, kita diberi dorongan kerana kita diamanahkan untuk membuat kenyataan yang betul, dengan fakta yang betul. Saya ingatkan kepada pembawa Usul dan juga yang membahaskan Usul dan juga yang mencelah. Ya, silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Speaker maknanya Usul yang saya bawa ini bertujuan untuk menarik perhatian Dewan supaya menyokong bahawa masalah yang berlaku di tengah lautan itu. Lautan di mana persempadanan itu tidak jelas menyebabkan sering kali berlaku pencerobohan dan peluang diambil oleh maritim-maritim sebelah negara jiran dan sebagainya lanun-lanun dan sebagainya untuk melakukan jenayah untuk lakukan jenayah pemerasan dan sebagainya. Ini sering berlaku di kawasan persisiran pantai, di Sekinchan, Sungai Besar dan kawasan-kawasan sekitar yang termasuk di Perak Utama Lintang dan perkara ini sehingga hari ini keluaran terus berlaku dan terus diajukan. Soal itu oleh yang demikian saya rasa tanggungjawab ini mengharap dengan keprihatinan Dewan Yang Mulia Ini kita dapat

membicarakan bagaimana untuk menyelesaikan pihak-pihak yang berwajib. Ambil tindakan yang drastik, perhatian yang lebih supaya dapat duduk, kita bincang bagaimana untuk selesaikan. Ah ini soal yang paling kita tekankan dan saya cerita yang saya tekankan tadi soal ketirisan, kebocoran yang saya tekan soal contoh, saya bagi contoh, dalam Laporan Ketua Audit Negara di mana itu adalah fakta. Ini bukan direka-reka oleh saya tentang pembelian kereta kebal yang melebihi harga pasaran, tentang skandal lembu dan lembu RM250 juta lembu. Lembu Malaysia ini lain sedikit lembunya duduk di kondominium dan sebagainya ini perkara

TUAN SPEAKER : Ini melencong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Melencong sedikit., tapi kondominium itu memang ada. Ada berita mengatakan begitu jadi ini memang perkara yang saya nyatakan benda ini kita harus dibendung. Bendung kita jangan ada mengambil pengajaran mengiktibar kebocoran seperti ini dan duit ini dapat kita jimatkan. Duit ini dapat kita jimatkan, kita simpan supaya kita dapat membeli kelengkapan yang lebih kepada agensi penguatkuasaan maritim, *boat* mereka akan lebih canggih, senjata mereka akan lebih canggih, *speed boat* yang lebih besar, anggota dia lebih. Ah cara macam duit ini digunakan cara yang terbaik manfaat duitnya, dananya jangan kita bocorkan. Ah ini yang saya tekankan dalam Dewan Yang Mulia Ini. Dengan itu cara macam ini saya yakin perkara-perkara seperti jenayah di tengah lautan akan berkurangan. Kalau dah dibendung secara 100%

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh celah sedikit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tidak.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak minta penjelasan sedikit. Tuan Speaker, saya pun baca Usul yang di bawa oleh Sekinchan mengenai isu mengenai nelayan yang ditahan oleh pihak Maritim Indonesia. Saya terus spesifik kepada Usul ini Sekinchan. Sama ada Usul ini merujuk kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani atau Menteri Luar atau Menteri Kementerian Dalam Negeri. Sebab agensi-agensi yang disebut tadi itu apakah di bawah oleh Kementerian MoA atau Kementerian-kementerian yang dua tadi. Ini kalau Usul ini berhubung dengan keselamatan saya ingat kena rujuk Usul ini kena ada pembedan. Bukanlah kepada spesifik kepada Menteri Pertanian dan seolah-olah macam serangan kepada Kementerian Pertanian. Tapi cuba lihat betul-betul agensi yang disebut tadi agensi yang mana, di bawah Kementerian mana. Jadi Usul ini boleh diperbetulkan. Kalau melibatkan Kementerian dalam negeri agensi-agensi yang disebut dalam negerilah, Menteri Luar, Menteri Luar. Ini Usul lebih spesifik dan perbincangan kita akan lebih spesifik. Saya minta penjelasan ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, kepada Permatang. Isu ini dia berkaitan dengan berapa Kementerian, bukan satu Kementerian. Dia perlu ada perbincangan, Kementerian Luar perlu bantuan daripada Kementerian Dalam Negeri, perlu bantuan dari Kementerian Pertanian. Yang saya *highlight* ini kan ada dua perkara ini Kementerian Pertanian sebab dia yang menjaga Perikanan, kalau kita maklumkan perkara ini dia akan bertindaklah dengan cara yang kebijaksanaan beliau. Jadi kita *highlight* kan saya perkara ini dapat perhatian.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tapi ini isu keselamatan. Yang disebut ini isu keselamatan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya keselamatan pun ada yang diceroboh, tetapi Perikanan ini di bawah nelayan di bawah Kementerian

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kalau isu ini nelayan, nelayan. Isu ini isu Kementerian Keselamatan, kalau dua Kementerian sebutlah dua Kementerian jangan MoA sahaja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Mana masuk lagi, Kementerian lain, Kementerian Luar pun ada

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi Sekinchan patut bawa Usul kena tulis banyak ini. Kementerian Pertanian, Kementerian....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya *highlight* kan dua Kementerian ini. kalau saya nak tulis Kementerian panjang sangat usul ini untuk pemahaman.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini satu kementerian sahaja.

TUAN SPEAKER : Cukup, ini saya rasa tak perlulah kita nak cari ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bukan, Tuan Speaker bukan cara kelemahan, kelemahan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Permatang dalam Bahasa Inggeris *you're splitting hairs* ini memang Perikanan ini berhubung dengan Pertanian, dah ada Kementerian Pertanian. Bila ada perkara hal ehwal dan negara lain ia Kementerian Luar Negeri. Kalau ada juga Kementerian lain yang terlibat maka kita serah kebijaksanaan Menteri yang berkenaan untuk berhubung kementerian yang lain. Kenapa nak cari hal-hal begini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bukan Speaker, saya biarlah adil dalam bawah Usul. Tak payah sebut kementerian...

TUAN SPEAKER : Bukan soal adil, u cakup dua kalau lebih terlibat menteri berkenaan dialah yang berkuasa.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi sebutkan Kerajaan Malaysia.

TUAN SPEAKER : Kenapa, kenapa, nanti dulu, nanti dulu, duduk, duduk dulu. Kementerian ini memang pertanian dia aga perikanan. Bila dia biarlah dia uruskan. Kita serahlah kepada menteri kenapa menteri. Ya, keselamatan yang dibangkitkan oleh Sekinchan Ya..keselamatan biarlah Kementerian Pertanian hubung ke Kementerian Keselamatan itu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ingat usul ini... sepatutnya Keselamatan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat tengok ini berlaku di sempadan ini dengan perairan antarabangsa mungkin tak terlibat, biarlah Kementerian Pertanian Menteri berkenaan berhubung. Apa pula risau menteri ini. Takkan tak percaya kepada kebijaksanaan Menteri daripada Barisan Nasional. Baik teruskan. Kalau, kalau nak celah, nak celah, celah guna kebijaksanaan jangan pun bangkitkan bukan-bukan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker tak boleh guna, kata saya tak guna fikiran

TUAN SPEAKER : Jangan buang masa, Kalau nak bawa Usul sendiri. Saya bagikan Usul. Jangan, jangan cari fasal sedemikian. Ya tak guna kebijaksanaan ini, ya ini tak guna kebijaksanaan. Silakan Sekinchan. Ya sila, sila. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, perkara ini dia terlalu holistik dan Menteri yang bertanggungjawab dalam soal nelayan ini adalah Menteri Pertanian ini fokusnya kepada Menteri Pertanian dan dia harus mepengerusikan Mesyuarat dia panggil jabatan yang dia rasa berkenaan dan ini penting saya tunjuk yang penting jadilah tak perlulah Permatang cuba nak cari benda-benda yang untuk mencelah, cari peluang untuk mencelah. Tuan Speaker, saya tidak mahu berikan peluang kepada Permatang untuk menjimatkan masa dan saya mintalah masalah petani, masalah ini diberi perhatian dan beri pembelaan yang sewajarnya dan masalah tentang permasalahan ini. Wang yang dibayar sebagai tebusan ini besar, besar satu bot RM80,000, satu bot RM120,000. Nelayan kadang-kadang sekali bayar balik perlu pinjam duit dengan Ah Long, dengan agensi-agensi yang lain untuk bayar kalau tidak mereka tidak dapat bot balik. Mereka putus nafkah pencarian, ini yang kita perlu pertimbangkan perhatian sepenuh masalah ini tidak kita cari penyelesaian. Dengan itu Tuan Speaker saya memohon Usul seperti ini dapat diberi sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, sahaja Usul ini.

TUAN SPEAKER : Saya juga nak mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat Sekalian. Ada Usul di sini kalau mana-mana Ahli yang rasa Usul ini tak betul, perlu dipinda rujuk kepada Peraturan 27. Saya sudah hafal, ya kalau nak pinda, nak pinda Usul orang rujuk kepada 27 boleh bawa Usul. Jangan minta berdiri minta orang pinda itu bukan caranya. Jangan saya tegur sampai ini nak tunjuk semua-semua ini susah, dah tiga (3) tahun kita kena belajar ini. Baik ada penyokong. Ya, ya Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, Sri Muda. Tuan Speaker terima kasih kerana memberi sedikit waktu untuk saya menyokong dan membahaskan Usul yang dikemukakan oleh Sekinchan. Usul Yang Berhormat Sekinchan ini berhubung dengan desakkan kepada Kementerian Pertanian dan juga Industri Asas Tani sebenarnya amat berasas. Saya ambil ruang ini jugalah untuk mengucapkan tahniah ke Permatang yang begitu hebat mempertahankan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani maklumlah Menteri Pertanian itu Ketua UMNO Bahagian Tanjong Karang kalau tak ampu, kalau tak, tak sah, tak kipas mungkin Pilihan raya akan datang tak dapat tanding jadi tahniahlah. Jangan marah, jangan marah. Yang Berhormat Speaker, saya secara peribadi turut mendesak supaya kedua-dua Kementerian kalau kita lihat Usul No. 18 ini disebutkan dua Kementerian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Luar Negeri agar segera mengambil perhatian dan membantu menyelesaikan. Permasalahan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan ini memang sudah banyak. Banyak kali timbul saya cari dalam carian di Internet rupanya terlalu banyak kes-kes yang melibatkan penangkapan dan juga ancaman keselamatan yang dilakukan kepada nelayan-nelayan kita. Khususnya nelayan-nelayan yang berada di selat Melaka. Isu nelayan yang diancam ini, kalau saya tengok kepada apa yang saya dapati dalam maklumat-maklumat yang disahkan oleh surat khabar, kementerian sendiri sebenarnya terlalu banyak. Antaranya kes-kes tangkapan yang dilakukan ini kalau saya tengok terlalu banyak tarikhnya, ada bulan Oktober 2011, masih lagi baru 13 Oktober 2011 di mana satu tangkapan yang dilakukan oleh Maritim Malaysia kepada nelayan Indonesia. Kemudian minggu hadapannya tangkapan dilakukan oleh Maritim Malaysia pula kepada nelayan-nelayan Indonesia kalau saya nak sebutkan Yang Berhormat speaker mungkin mengambil masa yang agak panjang, ya tetapi saya suka menyatakan bahawa usul yang dibangkitkan ini pertama adalah disebabkan tidak ketidakepadanan antarabangsa yang tidak begitu jelas, punca-punca tangkapannya batal sempadan yang dipertikaikan batas sempadan antarabangsa yang juga dipertikaikan serta zon ekonomi eksklusif atau pun ZEE. Zon penangkapan ikan yang ditetapkan oleh penangkapan ini. Sebenarnya pertikaian-pertikaian ini diselesaikan dengan syarat Kementerian Pertanian, Industri nan Asas Tani membawa kes ini ke dalam pengetahuan luar negeri. Agensi-agensi serta kementerian-kementerian yang terlibat mesti berperanan untuk mengambil aduan ini atau masalah ini dan cuba untuk menyelesaikannya secara holistik, tetapi keadaan itu tidak berlaku. Maka amat molek sekiranya dewan pada hari ini meluluskan usul ini supaya semua kementerian yang

berada di bawah kawalan kerajaan di peringkat persekutuan mengambil tanggungjawab bersama untuk memastikan masalah ancaman keselamatan kepada para nelayan-nelayan kita ini dapat diatasi. Ini merupakan satu isu yang kalau kita tengok, saya sendiri sudah tengok rungutan daripada warga-warga Indonesia kepada kita di sini pun saya tengok terlalu banyak menceritakan seolah-olah adanya peraturan-peraturan itu tetapi peraturan itu dilindungi oleh pihak-pihak tertentu. Jadi saya fikir sudah tiba waktunya untuk kerajaan Malaysia khususnya dua kementerian yang terlibat ini mengambil tanggungjawab untuk menjawab dan memastikan kejadian-kejadian ini tidak berlaku. Saya menilai bahawa kajian-kajian ini lebih kepada sesi balas dendam di antara dua negara ataupun di antara dua pihak. Justeru itu saya menyokong usul Yang Berhormat Sekinchan agar semua pihak seperti kementerian yang disebutkan tadi mengambil peranan dan juga bahagian masing-masing bagi menyelesaikan masalah ini. Tuan Speaker, Saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah yang di hadapan dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya di dewan yang mulia ini mengambil mendesak Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani bersama Kementerian Luar Negeri agar segera mengambil perhatian dan membantu menyelesaikan masalah para nelayan tempatan yang mutakhir ini terus di ancam dan ditahan oleh pihak Maritim Indonesia semasa mencari nafkah hidup di lautan yang bersempadan dengan pengairan antarabangsa. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN : Usul nombor 19 tahun 2011. Usul Di bawah Peraturan Tetap 6 (5) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, Bismillahi rahmani rahim. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah 76 (5) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya penyata pilihan ABAS seperti dalam kertas bilangan 36 Tahun 2011 berkenaan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN Ampang Pecah diterima. Tuan Speaker, usul ini adalah berkaitan dengan usul lawatan tapak yang telah dibuat dilakukan pada 5 Oktober 2011 ke lokasi Kem Bina Semangat Ampang Pecah dan Kem Program Khidmat Negara PLKN yang di Ampang Pecah yang dilakukan oleh Jawatankuasa JP-ABAS dengan pasukan-pasukan daripada Pejabat Daerah Hulu Selangor, Yayasan Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Hadir dalam lawatan tapak tersebut adalah Ahli Berhormat dari Hulu Kelang, Lembah Jaya, Kampung Tunku dan Bukit Melawati. Lawatan dimulai jam 2.30 petang di kedua-dua lokasi Kem Bina

Semangat Ampang Pecah dan Kem PLKN Ampang Pecah. Taklimat – taklimat diberikan oleh Yayasan Selangor di tapak berakhir pada pukul 4.30 petang. Tuan Speaker, tujuan lawatan dan tinjauan itu dilakukan adalah daripada ekoran laporan berkenaan beberapa projek berkenaan di kedua-dua kem tersebut yang didakwa dan dikatakan tidak menepati spesifikasi seperti di tawaran tender dan sebut harga. Daripada maklumat daripada Yayasan Selangor. Pertama, membawa keluar pasir dari mengorek kolam kayak telah didapati Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor di bawah kategori pembersihan. Dan fakta kedua, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) sekitar bulan Ogos dan September pada bulan ini 2011, ada memanggil kontraktor dan membuat siasatan di Kem Bina Semangat dan di Kem PLKN Ampang Pecah. Bagi pihak jawatankuasa pula, Jawatankuasa telah menerima aduan yang diterima oleh 10 Februari 2011 berkenaan projek-projek di Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah. Seperti butiran yang saya bacakan, pertama nombor tender, sebut harga YS/B/P/S/H22/2010 Pembekalan Penurapan Padang Kawat, laluan pejalan kaki dan kerja-kerja berkaitan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah. Harga tawaran RM216,175, status pembayaran RM205,366.25, yang sudah dibayar RM205,366.25, berbaki yang belum di bayar RM10,808.75. Aduan yang di terima oleh jawatankuasa, saiz didakwa sebagai kecil, tidak mengikut spesifikasi awal, yang diukur lain yang dibuat lain dan hanya korek dan tampal. Itu dakwaan. Kedua, tentang projek YS sebut harga YS/B/P/SH/25/2010 iaitu kerja-kerja pembinaan pagar baru bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah Kuala Kubu Baharu. Harga tawaran RM86,840, status pembayaran 100%. Seluruh harga tawaran iaitu RM86,840 sudah dibayar dan berbaki RM0. Dakwaan yang diajukan kepada jawatankuasa ialah panjang pagar hanyalah 150 kaki dan berharga berjumlah RM86,840 adalah tidak munasabah. Ketiga, tender sebut harga YS/B/P/SH/26/2010 iaitu kerja-kerja menaik taraf 2 tandas lelaki dan wanita untuk dijadikan rumah rehat jurulatih bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah harga tawaran RM286,265, status pembayaran : sudah dibayar RM279,108.38 baki RM7,156.52 yang didakwa sebagai kecil dan harga pun diragui kemunasabahnannya. Di mana saiz hanya 10 x 20 kaki iaitu tandas lama yang di pecah dijadikan bilik rehat pasang talah dan bentang kabel. Keempat, yang keempat YS/B/HS/27/2010 iaitu kerja-kerja naik taraf surau dan bagi kemudahan tambahan di Kem PLKN Ampang Pecah. Tawaran harga RM329,690 yang sudah dibayar RM205,520.7 baki RM124,169.30. Aduan yang diterima oleh jawatankuasa ialah surau sudah sedia ada apa yang dilakukan hanyalah menggantikan siling, pendawaian dan pasang jubin baru, dan memasang lampu dan kipas. Harga melebihi suku juta di dakwa dalam aduan ini sebagai tidak munasabah. Kelima, YS/B/P/SH/28/2010 iaitu kerja-kerja pembinaan baru satu unit bangunan logistik atau pun stor bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah. Harga tawaran RM443,028 yang sudah dibayar ialah RM327,066.80 baki yang belum dibayar RM115,961.20. Aduan yang diterima oleh jawatankuasa adalah saiz kecil iaitu 20 kaki

x 60 kaki dan apabila sudah siap kosong. Maknanya tiada perabot, tidak ada perkara-perkara lain selain harga itu dianggap dan di dakwa RM443,028 dianggap sebagai tidak munasabah. Enam, YS/B/P/HS/29/2010 iaitu kerja-kerja pembinaan baru satu unit pusat rawatan iaitu klinik bagi tambahan Kem PLKN Ampang Pecah dengan tawaran harga RM356,371 yang sudah dibayar RM173,688.23 baki RM182,682.77. Aduan yang diterima oleh jawatankuasa bina baru tetapi umpama rumah PPRT dan hanya kosong. Projek yang ketujuh, YH/B/P/HS/30/2010 iaitu pembinaan pentas tabik hormat dan menaik taraf surau di Kem Bina Ampang Pecah, tawaran harga RM265,363 harga yang sudah dibayar RM218,162.93, baki RM47,200.07. Aduan yang diterima oleh jawatankuasa bangunan binaan adalah baru tapi hanya 10 kaki x 12 kaki. Tiada pendawaian dan harga melebihi suku juta, dianggap tidak munasabah. Dakwaan.

Projek yang kelapan, Tuan Speaker, adalah YH/B dan P/SH 31/2010, iaitu kerja-kerja menaik taraf padang permainan *Volley ball* dan sepak takraw di Kem Bina Semangat, Ampang Pecah. Tawaran harga RM234,191.83 yang sudah dibayar RM234,191.83 baki RM70,236.71. Dakwaan harga juga tidak munasabah.

Projek yang ke sembilan, YH/B dan P/SH 33/2010, iaitu cadangan membina baru pintu gerbang dan kerja-kerja berkaitan serta membekal perabot dewan makan di Kem Bina Semangat di Ampang Pecah, bernilai RM 257,834. Tiada bayaran yang dilakukan dan tidak dapat secara jelas, berapa harga pintu gerbang, berapa harga bekalan perabot. Kabur.

Projek yang kesepuluh, YS/B dan P/SH 34/2010, iaitu cadangan menaik taraf dewan makan dan kerja-kerja berkaitan Kem Bina Semangat Ampang Pecah. Tawaran harga RM426,711. Tiada bayaran yang telah dibuat. Dakwaan dan aduan kerja-kerja sebenarnya hanya ganti jubin, ganti *tile*, muka dinding dan kerja baik pulih. Jadi tawaran ini diragui ketepatannya.

Projek yang kesebelas, Tuan Speaker, YS/B dan P/T 01/2010, membina dan menyiapkan kolam serta kerja-kerja berkaitan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah, iaitu kolam untuk sukan kayak. Tawaran harga RM2,709,903, yang sudah dibayar RM153,673. Baki RM2,556,228 masih belum dibayar, dan lawatan daripada jawatankuasa menyaksikan bahawa yang sudah dilakukan hanyalah mengorek dan memindahkan pasir. Aduan dan dakwaan yang kritikal di sini adalah kerja-kerja korek pasir, persoalannya jual kepada siapa, lesen bawa keluar dan jual kepada siapa, kolam berlantai pasir, konkrit dinding kolam saja. Harga didakwa sebagai tidak munasabah.

Akhir sekali, Tuan Speaker, projek yang kedua belas, YS/B dan P/T 02/2010, Dewan Serbaguna iaitu *Multipurpose Hall*. Cadangan membina dan menyiapkan tambahan kemudahan Kem PLKN. Tawaran harga RM1,326,234. Status pembayaran belum ada pembayaran dilakukan. Aduan dan dakwaan hanya baik pulih dewan, sistem P.A. baru

berharga RM100,000, dari segi sudut teknikal, kerja-kerja teknikal RM240,000. Pentas dan Karpet baru, berharga RM140,000. Tawaran harga ini dan spesifikasi ini diragui.

Tuan Speaker, Jawatankuasa mendapati dakwaan ini dari segi jumlah keseluruhan projek adalah didakwa sebagai berjumlah RM6,938,605.83. Dari segi penemuan Jawatankuasa, Jawatankuasa tidak memiliki kemahiran untuk menilai harga projek pembinaan sebenar seperti dalam aduan dan dakwaan. Kecuali Jawatankuasa diberikan sistem sokongan dan staf yang cukup untuk melaksanakan ini. Setakat kemampuan Jawatankuasa kami hanya menerima aduan, melakukan tinjauan dan siasatan. Dan bagi kami, Jawatankuasa telah meninjau projek-projek tersebut dan berpendapat, aduan dan dakwaan yang diterima mungkin mempunyai asas yang perlu diambil perhatian. Saya ingin menegaskan jawatankuasa telah meninjau projek-projek tersebut dan berpendapat aduan dan dakwaan yang diterima mungkin mempunyai asas yang boleh di ambil perhatian. Dengan itu, Jawatankuasa di Dewan yang mulia ini ingin, Hulu Kelang, di Dewan yang mulia ini ingin membuat saranan daripada Jawatankuasa;

- i) Kerajaan negeri menghantar pasukan audit bagi menyemak dan menyiasat semua harga, tawaran harga, nilai projek, terma bayaran dan spesifikasi bagi setiap projek seperti aduan dan dakwaan di atas.
- ii) Hasil daripada siasatan audit, sekiranya terdapat salah laku dan penyelewengan, kerajaan negeri hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang berkenaan bagi mengelakkan berulang lagi salah laku tersebut.
- iii) Kerajaan negeri hendaklah mengeluarkan satu kertas putih bagi membersihkan nama baik kerajaan negeri Selangor dan Yayasan Selangor sekiranya siasatan audit tidak mendapati sebarang amalan salah laku dan penyelewengan seperti yang didakwa.

Sekian, Tuan Speaker, saya mohon agar Usul saya di sokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, Kajang menyokong usul yang dibawa oleh Hulu Kelang, dan Kajang memang sependapat dengan Hulu Kelang iaitu bawah Jawatankuasa Pilihan ABAS, yang memang berpegang pada dasar Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu urus tadbir baik, ketelusan, cekap dan ada akauntabiliti. Kajang memuji dan mengucapkan syabas kepada Jawatankuasa yang telah menjalankan siasatan yang amat teliti terhadap projek-projek yang dijalankan di Kem Latihan Ampang Pecah. Dan Kajang mendapati masalah yang dijumpai memang merupakan suatu yang boleh dipertikaikan dan harus kerajaan meneliti. Dan kita memang bawah Kerajaan Pakatan Rakyat tidak boleh membenarkan sebarang perlakuan seperti ada ketirisan atau penyelewengan yang berlaku seperti yang selalu dibawa dalam Laporan Ketua Audit.

Dan kita masih dapati seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit, pada tahun 2010 juga mendapati adanya ataupun kesalahan yang berlaku dalam pengurusan dan pemantauan.

Dalam kes yang berlaku di Kem PLKN, di Ampang Pecah, kita dapati kos keseluruhan projek berjumlah RM6.938 juta yang amat besar sejumlahnya. Sekiranya wang RM6.938 juta diperuntukkan untuk projek dalam Kem ini seharusnya di peringkat Pejabat Daerah ada satu Jawatankuasa Pemantauan yang terdiri daripada Pejabat Daerah dan Jurutera-jurutera yang berkaitan. Jadi Kajang juga membawa persoalan adakah satu Jawatankuasa didirikan untuk pemantauan projek ini. Dan kita dapati juga dalam penyelenggaraan projek-projek sebegini, memang ada berlakunya pihak Kerajaan yang cuba mengelak daripada pemantauan Jawatankuasa yang disebutkan tadi. Iaitu dengan cara memecahkan projek-projek yang besar menelan belanja, perbelanjaan besar ini kepada projek-projek kecil, yang berasingan supaya ia dapat elakkan daripada pemantauan Jawatankuasa yang seharusnya diwujudkan. Jadi amalan seperti ini memang kita tidak galakkan dan harus kita hentikan. Dan kita, Kajang memang menyokong saranan atau syor yang dibawa oleh Jawatankuasa ABAS, di mana Kerajaan harus melantik Juruaudit daripada Jabatan Audit Negeri untuk meneliti akaun dan juga dokumen dan pembayaran yang dilakukan dan juga pemantauan dilakukan ke atas projek ini. Kita tidak hendak SPRM masuk dulu. Dan mungkin akan dipolitikkan. Jadi kita berharap dari segi dalaman kita dengan tegasnya Jabatan audit dapat mengaudit projek-projek ini dan memberi penjelasan pada rakyat dan juga Dewan kita. Itu saja, Kajang menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan, sekiranya ada.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih, Tuan Speaker. Rawang memang menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Hulu Kelang ini berkenaan dengan Jawatankuasa ABAS. Dan saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas sebab kita nampak dengan adanya penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa khas seperti ini, kita secara langsung memperkasakan peranan Dewan Negeri untuk memantau atau memainkan peranan *check and balance*, dengan izin, dalam satu sistem yang kita katakan pengasingan kuasa. Dan hasil-hasil yang telah didapati hasil daripada siasatan tersebut kita dapati memang banyak aspek dalam pengurusan anak syarikat Selangor ini perlu diperbaiki. Khasnya saya nampak adalah kurang ataupun tidak dapat diterima. Kalau kita nampak projek yang telah diperuntukkan sejumlah wang tetapi dibuat tidak ikut *spec* yang telah ditentukan. Sepatutnya pemantauan yang lebih ketat

di adakan dari masa ke semasa di bawah anak syarikat sendiri yang telah keluarkan tender ataupun sebut harga dan sebagainya untuk projek-projek yang dilaksanakan. Dan Rawang berpendapat bahawa adalah mesti satu kemestian untuk semua agensi kerajaan negeri dan semua anak syarikat kerajaan negeri untuk mematuhi polisi ketelusan, keberkesanan dan kebertanggungjawaban yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Selangor. Ini kita tidak boleh bertoleransi dalam prinsip ini. Dan saya berharap dalam keadaan-keadaan yang akan datang kita tidak akan terima lagi ataupun aduan seperti ini dan sebenarnya anak syarikat negeri Selangor sepatutnya memainkan peranan ataupun menjadi satu contoh kepada badan-badan yang lain di negeri Selangor ini sebagai mempelopori prinsip yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Selangor. Dan saya nampak sebenarnya bidang selain anak syarikat ini, penguatkuasaan sebenarnya amat begitu lemah. Sepatutnya kalau ada pasir yang keluar masuk, pihak yang pertama mengesyaki bukan Jawatankuasa ABAS, tetapi Pihak Berkuasa Tempatan. Ataupun Pejabat Tanah Daerah sendiri yang memang saya rasa, penduduk tempatan juga akan memberi maklum balas kepada mereka. Sepatutnya badan-badan penguat kuasa inilah sebenarnya yang patutnya mengambil inisiatif sendiri untuk pergi siasat, dan bukan kita sampai kepada peringkat apabila ada aduan, ada laporan baru tindakan diambil. Dan banyak kalinya setelah aduan diterima sebenarnya sudah ada kala adalah berada di peringkat yang parah. Dan apa yang boleh kita buat cuma memperbaiki, tetapi tidak dapat menghentikan. Jadi kita tidak mahu insiden seperti ini berlaku lagi sehingga membawa kerugian kepada pihak kerajaan negeri, khasnya untuk anak syarikat negeri Selangor ini yang mana sebagai contohnya saya ingin merujuk kepada memorandum laporan Ketua Audit Negara yang menyentuh salah satu syarikat subsidiari di bawah anak syarikat, di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Anak syarikat Worldwide Holdings Berhad dan syarikat subsidiari Cekal Unggul Sdn. Bhd. yang sepatutnya menjalankan satu projek yang saya nampak lebih bersifat sosial yang patutnya dimainkan oleh kerajaan negeri Selangor iaitu satu projek yang dinamakan Kapar Bestari. Projek ini pada asalnya dilancarkan bagi tujuan kediaman untuk membina kediaman mampu milik berharga RM85,000. Tetapi terpaksa ditangguhkan disebabkan peningkatan kos bahan binaan dan sebagainya. Dan cadangan pembangunan seterusnya diubah kepada penggunaan industri disebabkan permintaan semasa. Sampai sekarang projek ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan tukar syarat belum dijanjikan, dan akhirnya anak syarikat subsidiari ini terpaksa tiada dividen diisytiharkan memandangkan syarikat mengalami kerugian. Ini yang kita tidak mahu, dan kita tidak mahu lihat Negeri Selangor ini dan kita minta kalau boleh pihak MBI mencari satu strategi untuk merombak semula cara pentadbiran yang ada sekarang. Dengan melihat kepada aspek-aspek pentadbiran syarikat Subsidiari anak syarikat kerajaan negeri itu sahaja. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada penjelasan daripada pihak kerajaan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker saya mendengar dengan penuh minat tentang usul ini dan sudah tentu kita mesti mencari jalan bagaimana perkara-perkara ini tidak lagi berlaku. Kedua kita juga akan menentukan tatacara bagaimana program-program apa yang dipanggil untuk memberikan tender supaya profesional yang kita lantik seperti *Quantity Surveyor* itu adalah kerana mereka juga yang kita mesti pantau supaya mereka dapat menentukan *the value for money*. Jadi oleh itu saya akan uruskan supaya kita dapat, kalau tidak dapat pun Audit Dalaman MBI boleh memanggil *private auditor* mempunyai pengalaman daripada segi menilai kerja dan juga menentukan operasi-operasi yang perlu dipantau supaya apabila kita membuat semakan dan *review* kita senang mendapat jawapan. Saya berterima kasih kepada kumpulan pihak ABAS yang dapat menjalankan tugasnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76 (5) peraturan-peraturan tetap bagi Dewan Negeri Selangor penyata jawatankuasa pilihan ABAS dalam kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011 berkenaan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN Ampang Pecah adalah diterima. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya usul nombor 20 tahun 2011 usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sukacita ingin saya mengemukakan usul di bawah peraturan 76(5) Peraturan-peraturan tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam Kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011 berkenaan *Bernam River Airfield* diterima. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian satu lawatan telah dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS pada 5hb Oktober 2011 bermula daripada Pejabat Daerah Hulu Selangor taklimat di sana dan dihadiri oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, Lembah Jaya, Kampung Tuanku, dan juga Melawati selepas membuat satu lawatan ke Hulu Bernam di sana wujud sebuah landasan kapal terbang haram yang diberi nama *Bernam River Airfield* di bawah tanah milik Yayasan Selangor iaitu nombor tanah nombor hak milik HSD 45128 nombor PT 2924 keluasan pada asalnya ialah 225 ekar dan setelah diukur oleh Juruukur teknik. Kita mendapati tanah tersebut setelah ditolak rizab sungai tanah tersebut seluas 270 ekar. Syarat nyata tanah tersebut ialah tanaman dusun tetapi yang menjadi masalahnya tanah tersebut telah pun dilanggari syaratnya oleh sebuah Syarikat Avedsyen Development Sdn. Bhd yang merupakan syarikat usaha sama antara Yayasan Selangor dengan syarikat tersebut di mana di sana wujudnya lapangan kapal terbang haram. Di dalam lawatan tersebut pihak Jawatankuasa bersama-sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan

juga pihak Polis mengambil masa lebih kurang setengah jam untuk masuk di pintu masuk tersebut. Apa yang menjadi masalah kepada kita bagaimana tanah yang sepatutnya tanah pertanian milik Yayasan Selangor ini yang sepatutnya ditukar syarat oleh Syarikat ADC tadi iaitu Syarikat Avedsyen Development Sdn. Bhd. ini sepatutnya tanah ini ditukar syarat tetapi apa yang berlaku sebaliknya dan masalah yang ada pada hari ini kawasan tersebut seolah-olah milik Syarikat tersebut dan Syarikat Yayasan Selangor tidak mempunyai apa-apa kuasa di kawasan tersebut. Jadi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS telah membuat lawatan ke kawasan tersebut dan sepatutnya perkara yang sebegini tidak sepatutnya berlakulah. Tanah tersebut telah pun diberi kepada Syarikat tersebut pada tahun 2006, telah diberi pada tahun 2006 seluas 217 ekar yang sepatutnya digunakan dengan cara yang betul tetapi menjadi masalah kepada kita apabila anak-anak syarikat ini tidak mempergunakan tanah tersebut dengan betul dan keuntungannya dikaut oleh orang yang lain. Jadi saranan daripada Jawatankuasa ini supaya saranan Jawatankuasa supaya kepada pihak kerajaan supaya kerajaan mengujudkan satu pasukan untuk menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama yang ditandatangani pada 15 Ogos 2007 antara Yayasan Selangor dengan Syarikat ADC agar sebarang amalan yang menyalahi peraturan dan etika dapat diperbetulkan dan individu-individu yang terlibat bagi pihak anak syarikat kerajaan negeri dapat dipertanggungjawab. Yang kedua kerajaan negeri mengujudkan sebuah *task force* bagi mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 217 ekar berdasarkan nilai penggunaan tanah semasa unjuran penggunaan tanah masa hadapan berbanding syarat kelulusan asal bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum bagi kerajaan negeri dan manfaat sebaiknya kepada rakyat Selangor.

Kerajaan negeri memberi tumpuan khusus agar Pejabat Daerah Hulu Selangor dapat menyempurnakan proses dan langkah-langkah pemulihan tanah seluas 217 ekar kepada syarat asal atau pun memulakan proses pertukaran syarat melalui permohonan daripada Yayasan Selangor bergantung kepada tindakan-tindakan, bergantung kepada dua tindakan di atas. Kerajaan negeri memberi tumpuan khusus agar mana Pejabat Daerah Hulu Selangor mengambil langkah-langkah dan mengambil tindakan-tindakan undang-undang di bawah peruntukan bagi menghentikan operasi komersial tanpa kebenaran yang sah di lokasi tersebut. Jadi saya kira ini satu yang malanglah bagi kerajaan negeri Selangor kerana sepatutnya Kerajaan Selangor, Yayasan Selangor mendapat keuntungan di sana tetapi keuntungan tersebut tidak dapat dilaksanakan hasil dari kecuaiannya yang berlaku di mana tidak ada tindakan diambil yang tanah dipergunakan begitu lama dan saya kira satu ancaman kepada negara kita apabila satu landasan penerbangan di sana tidak ada menara kawalan dan tidak ada pasukan Polis yang tahu perkara ini dan saya rasa boleh buat aktiviti bebas. Di sana juga ada penjualan arak dan di sana juga ada chalet-chalet yang disediakan, kita pun tidak tahu apa aktiviti dibuat, sekuriti yang ada di sana terlalu keras, sedangkan kenderaan yang

pergi merupakan kenderaan-kenderaan kerajaan tidak dibenarkan masuk inilah yang berlaku. Jadi saya mohon supaya usul ini disokong.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker Subang Jaya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Lembah Jaya. Menurut laporan Jawatankuasa ABAS, Yayasan Selangor telah membuat laporan bahawa terdapat aktiviti-aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang di lokasi projek tersebut. Syarat nyata tanah ini untuk tanaman dusun tetapi digunakan untuk membina landasan kapal terbang dan aktiviti ini telah bermula sejak tahun 2007 namun Jawatankuasa telah mendapat bahawa tiada tindakan langsung daripada Majlis Daerah Hulu Selangor ataupun Pejabat Tanah. Laporan juga menyatakan bahawa tiada kebenaran ataupun pelan rancang untuk membangunkan tapak tersebut sejak tahun 2007, lesen perniagaan pun tiada dan pihak Polis belum dimaklumkan mengenai aktiviti-aktiviti tersebut. Jadi saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mengarahkan semua GLC berhenti menjalankan transaksi atau pun *joint venture* dengan syarikat-syarikat yang tidak ada kena mengena dengan*business* atau pun jenis perniagaan GLC. Saya meminta kerajaan negeri terus melaksanakan saranan Jawatankuasa yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Lembah Jaya tadi dan tidak berhenti di sana tetapi menyiasat siapanya, siapa yang sebenarnya sembunyi di belakang Syarikat ABC ini sama ada, ada Menteri ataupun keluarga menteri yang terlibat, kita minta kerajaan negeri cekap siasat untuk menjamin penduduk di, menjamin keselamatan penduduk yang berhampiran, sekian terima kasih. Saya menyokong usul Lembah Jaya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, buka usul untuk dibahaskan sekiranya ada. Pihak kerajaan ada penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato Speaker. Perjanjian tersebut ditandatangani pada 2007 yang menunjukkan saya sudah memberitahu beberapa kali terdapat banyak keadaan mengenai cerita suatu perjanjian yang saya rasa berat sebelah sehinggakan Yayasan Selangor dipergunakan sebagai dibeli tanah untuk menandatangani dengan suatu kumpulan yang bercadang untuk membuat perkara yang dibuat tetapi Yayasan Selangor selepas itu tidak mempunyai kuasa untuk menahan atau pun melakukan. Oleh sebab itulah saya dapati dalam keadaan ini kita tidak boleh menyatakan sebenarnya Yayasan Selangor sebagai institusi salah tetapi pengurusan Yayasan Selangor tidak dapat menyelesaikan perkara ini sehingga perjanjian itu dapat dibongkar atau dihapuskan. Saya difahamkan Yayasan Selangor telah membuat objektif untuk membawa ini ke mahkamah supaya dapat menahan mereka daripada menjalankan usaha ini. Mula-mula Yayasan Selangor pergi untuk menyatakan ia tidak boleh duduk di situ tetapi mereka yang menjalankan kerja ini telah pergi ke mahkamah dan menyatakan supaya Yayasan Selangor tidak mempunyai kuasa untuk menghalang mereka untuk meneruskan. Kes ini di mahkamah tetapi nampaknya perbicaraan awal

menunjukkan Yayasan Selangor berjaya *set the*Tetapi masih lagi kita mesti belajar perkara ini kalau perjanjian kita sudah kita tandatangani .

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Kajang ini penjelasan berkaitan perjanjian yang ditandatangani dan sebelum ditandatangani adakah perjanjian yang draf perjanjian ini dibawa ke Lembaga Undang-undang atau pihak LA kita untuk penelitian sebelum diluluskan. Ataupun ia hanya dibawa ke syarikat iaitu yayasan berkenaan untuk diluluskan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat dari Kajang, Yayasan Selangor bukan Jabatan dalam kerajaan negeri. Yayasan Selangor adalah sebuah yayasan yang dianggap tersendiri walaupun penglibatan kerajaan negeri termasuk Menteri Besar termasuk beberapa pegawai-pegawai kanan negeri bersama di sana. Ia berlaku pada 2007 dan perjanjian itu sudah dimaterikan. Daripada segi profesional sudah tentulah saya menganggap ia menggunakan peguam-peguam yang sesuai untuk usaha ini tetapi apa yang jelas kita lihat perjanjian itu tidak memberikan kuasa penuh kepada Yayasan Selangor. Jika mereka ini tidak menunaikan janji, Yayasan Selangor boleh mengenakan tindakan untuk menghalang atau memberhentikan kerja ini. Itu pun tak ada dan pembayaran untuk Yayasan Selangor pun dibuat dengan berapa keadaan yang tidak tetap. Maknanya penggunaan, saya nak tunjukkan penggunaan *may pay* ataupun boleh dibayar ataupun mesti dibayar. Kalau kita tulis boleh dibayar, tidak tulis mesti dibayar. Maknanya ada lagi rundingan yang perlu dilakukan. Jadi itulah sebabnya saya rasa seperti contoh yang dibuat untuk kontrak-kontrak Ampang Pecah itu *very clear* tapi yang ini *not clear*. Masih lagi perlu dibincangkan. Lembaga Pengarah Yayasan Selangor yang sekarang sudah membuat keputusan supaya memanggil syarikat ini walaupun masih dalam mahkamah untuk tentukan supaya kita dapat satu perjanjian yang baharu ataupun kita *cancel* perjanjian ini dan tidak lagi melakukan perkara ini. Kalau tidak 200 ekar tanah tidak memberikan hasil apa-apa.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011 berkenaan *Bernam River Airfield* diterima.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul no. 21 tahun 2011 usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sukacita saya ingin mengemukakan usul di bawah Peraturan 76(5) Peraturan-

peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011 berkenaan dengan pendengaran tertutup tanah milik PKPS diterima.

Tuan Speaker, pihak Jawatankuasa Pilihan ABAS telah memanggil satu pendengaran tertutup dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada 17 Oktober 2011 berikutan laporan diterima bahawa PKPS mempunyai tanah-tanah yang belum dibangunkan dan dibiarkan. Dan juga bahawa terdapat sekumpulan 48 orang pengusaha di Ulu Bernam dahulunya memajak tanah dari PKPS untuk menternak ayam di atas sekeping tanah seluas 121.5 ekar tidak tahu bahawa tanah mereka telah dijual dan akan dijual kepada pihak ketiga. Jawatankuasa telah menjalankan pendengaran tertutup dan telah diberi satu gambaran yang lebih menyeluruh mengenai kedua-dua perkara yang dibangkitkan di atas. Perkara yang pertama Jawatankuasa Pilihan ABAS telah dimaklumkan bahawa berikutan dengan pertukaran kerajaan pada tahun 2008, pucuk pimpinan PKPS juga bertukar. Tanah-tanah kosong PKPS yang sekian lama dibiarkan kosong telah mula diusahakan. Daripada sejumlah 7015 hektar tanah yang dimiliki PKPS hampir 6970 hektar tanah ataupun 99.36% telah dibangunkan. Dan selainnya masih belum dibangunkan. Jadi peratusannya agak tinggi. Kami juga menerima tuduhan bahawa PKPS memiliki 4000 ekar tanah di Tanjung Karang dan kami telah menyemak dan kami telah dimaklumkan bahawa perangkaan ini adalah tidak benar. Kerana angka yang sebenarnya adalah 870 ekar tanah di kawasan Tanjung Karang. Dan tanah-tanah yang sekitarnya sebenarnya dimiliki oleh Kumpulan Darul Ehsan ataupun KDEB.

Tuan Speaker, kami juga menerima tuduhan bahawa PKPS telah berhenti memajak tanah-tanahnya dengan pihak ketiga di mana PKPS akan berdikari dan mengusahakan tanah-tanahnya atas usaha sendiri. Kampung Tunku memuji tindakan PKPS ini kerana ini sekali gus membuktikan bahawa pada masa Pakatan Rakyat GLC diberi keupayaan dan mampu berdikari tanpa bantuan kerajaan.

Berkenaan dengan aduan daripada sekumpulan 48 orang pengusaha yang mengatakan bahawa mereka tidak mengetahui tentang tanah yang mereka usahakan dengan penternakan ayam telah dijual kepada sebuah syarikat bernama Rangkaian Kencana Jaya Malaysia Sdn Bhd ataupun RKJ. Kampung Tunku dan jawatankuasa ini telah diberi makluman oleh PKPS berkenaan dengan isu ini juga. Dan kami telah menjalankan pendengaran tertutup. Untuk menyelesaikan isu ini daripada di manipulasi oleh pihak-pihak yang mempunyai agenda politik tertentu ingin saya memberitahu di Dewan yang mulia ini maklumat yang kami terima daripada Jawatankuasa Pilihan ABAS dan tidak di masuk dalam penyata, yang belum sempat dimasukkan dalam penyata. PKPS telah mengemukakan penjelasan bertulis bahawa RKJ sebenarnya telah membuat permohonan pemberimilikan tanah ini di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor awal tahun 2002. Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri

Selangor (MMKN) bilangan 22/2002 bertarikh 21 Ogos 2002 telah menolak permohonan pemberimilikan kepada RKJ dan meluluskan pula pemberimilikan tanah ini kepada PKPS. PKPS kemudian berhasrat memajak tanah ini kepada peneroka yang sedia ada iaitu RKJ dan perkara ini telah di bawa untuk kelulusan Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS. Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS bilangan 117 bertarikh 27 April 2006 telah meluluskan pajakan tanah ini kepada RKJ iaitu sebuah syarikat swasta untuk projek ternakan ayam. PKPS telah menandatangani perjanjian pajakan dengan RKJ pada 4 Jun 2007 selama 30 tahun yang akan berakhir pada 3 Jun 2037 dengan kadar pajakan RM12,000 setahun ataupun RM1,000 sebulan ataupun RM20 seekar sebulan. Ini pada tahun 2006. PKPS telah melantik Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk menilai tanah ini bagi tujuan penjualan secara tender terbuka dan penjualan tanah ini telah diiklankan di peringkat selepas Pakatan Rakyat mengambil alih diiklankan secara tender terbuka pada 21 April 2010. Lawatan tapak pada 27 April 2010 dan dihadiri oleh RKJ serta beberapa orang peneroka yang sedia ada yang diketuai oleh seorang yang bernama Haji Zainal Abidin bin Mohamad. Hasil perbualan antara PKPS dengan Haji Zainal peneroka-peneroka tersebut tidak mampu membeli tanah ini dan berhasrat untuk menyewa tanah ini. Jadi ini apa yang berlaku selepas tahun 2008 di mana kita memanggil tender terbuka yang sebelum ini adalah pajakan dengan harga yang sangat-sangat rendah. Tender penjualan tanah tersebut telah ditutup pada 12 Mei 2010 dan hanya RKJ sahaja yang memasuki tender jualan tanah ini. PKPS telah membawa tender penjualan tanah di atas pada Mesyuarat Jawatankuasa Tender PKPS bilangan 1/2010 bertarikh 21 Mei 2010 untuk kelulusan. Mesyuarat Jawatankuasa Tender telah meluluskan penjualan tanah di atas kepada RKJ dengan ini PKPS telah memenuhi syarat perjanjian pajakan antara PKPS dan RKJ iaitu sekiranya PKPS berhasrat untuk menjual tanah maka PKPS perlu memberi keutamaan kepada pemajak yang sedia ada iaitu RKJ. Dan perjanjian pajakan ini ditandatangani sebelum 2008. Walaupun telah dibuat sebelum 2008 pimpinan baru PKPS perlu memenuhi syarat-syarat perjanjian pajakan ini di mana kalau PKPS hendak menjual ia perlu dijual kepada pemajak yang sedia ada oh bukan. Pemajak sedia ada harus diberi keutamaan untuk membeli.

Seterusnya Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS bilangan 129 bertarikh 6 Julai 2010 juga telah meluluskan penjualan tanah ini kepada RKJ. PKPS kemudian telah menandatangani perjanjian jual beli pada 10 November 2010 dengan RKJ. PKPS kemudian telah mengemukakan permohonan kebenaran pindah milik di Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor pada 24 November 2010 dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri pada 23 Januari 2011. PKPS telah memaklumkan kepada RKJ mengenai surat kelulusan kebenaran pindah milik daripada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor pada 9 Mac 2011 RKJ telah menjelaskan baki bayaran 90% daripada harga jual beli iaitu sejumlah RM2,610,000 kepada PKPS pada 1 Jun 2011. Dan ini harga jualan yang jauh lebih tinggi apabila tender dibuat pada tahun 2010. Kalau

setakat apa yang dimaklumkan pada Jawatankuasa Pemilihan ABAS memang transaksi pemajakan tanah ini kepada RKJ telah berlaku sebelum tahun 2008 dan perjanjian pemajakan ini menetapkan bahawa RKJ perlu diberi keutamaan jika PKPS ingin menjual tanah ini. Apa yang berlaku sekarang ialah perjanjian sebenarnya telah ditandatangani malahan wang telah pun dibayar oleh RKJ dan pada pendapat Kampung Tunku tiada apa-apa yang boleh dilakukan sekarang kerana nasi sudah menjadi bubur. Kalau peneroka-peneroka yang sedia ada mereka ingin membeli tanah ini pada masa sekarang ia tidak mungkin berlaku kerana perjanjian sudah ditandatangani malah wang pun sudah dibayar. Biarpun begitu pihak Jawatankuasa Pilihan ABAS akan sentiasa menjalankan pendengaran dari semasa ke semasa jikalau terdapat pihak-pihak lain yang mempunyai lebih banyak maklumat yang berbeza dengan apa yang diterima oleh kami. Jadi secara keseluruhannya prestasi kewangan PKPS adalah memberangsangkan kerana kami dimaklumkan bahawa PKPS telah mencatat keuntungan RM1.8 juta pada tahun 2010 iaitu sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Biarpun begitu Kampung Tunku juga menyeru kerajaan negeri supaya mengambil langkah-langkah pro-aktif bagi membangunkan dengan kadar yang segera baki 45.12 hektar tanah yang masih belum dibangunkan lagi. Selain itu Kampung Tunku juga berpendapat dasar kerajaan untuk membekukan semua pajakan tanah PKPS dengan pihak ketiga mungkin tidak akan menguntungkan kerajaan Selangor kerana kemungkinan besar PKPS boleh memajakan tanah kepunyaan PKPS ini untuk dimajukan secara usaha sama dengan peneroka-peneroka, individu-individu, penduduk-penduduk kampung secara kecil-kecilan untuk membangunkan pendapatan masyarakat luar bandar kampung baru dan estet-estet. Jadi itulah pendapat yang saya ingin hujahkan di sini.

TUAN SPEAKER : Itu pendapat Yang Berhormat atau pendapat Jawatankuasa Pemilihan ABAS?.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Itu cadangan daripada Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER : Sepatutnya bila bawa usul daripada jawatankuasa maka syor-syor jawatankuasa yang dibentangkan bukan cadangan daripada orang perseorangan daripada Ahli Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Syor-syor pun saya akan baca kalau diizinkan.

TUAN SPEAKER : Sepatutnya bila usul ni ada usul untuk menerima penyata daripada jawatankuasa hanya syor-syor daripada jawatankuasa yang dibentangkan bukan syor-syor peribadi daripada ADUN yang membawa usul.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Jadi saya bacakan, terima kasih Tuan Speaker apa juga yang disarankan oleh Jawatankuasa, sebenarnya lebih kurang sama kerana yang pertama

TUAN SPEAKER : Tapi lebih kurang sama itu soal lain syor-syor yang patut dibentangkan di Dewan ini adalah syor-syor dan penyata bukan syor-syor oleh Ahli yang membawa usul.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok baik, terima kasih. Saranan Jawatankuasa yang pertama seperti apa yang saya katakan tadi kerajaan negeri harus mengujudkan satu sistem dan pasukan Audit khas bagi memantau penggunaan tanah di bawah PKPS agar ianya diuruskan dan diusahakan secara berkesan dan cekap. Yang kedua kerajaan negeri mengambil langkah-langkah bagi yang perlu bagi mengusahakan baki 45.12 hektar tanah kosong yang masih belum dibangunkan seperti apa yang saya katakan tadi. Dan kerajaan negeri perlu menyiasat kekaburan tentang urusan PKPS dengan 48 pengusaha yang tidak tahu menahu bahawa tanah seluas 200 ekar di Ulu Bernam yang mereka telah usahakan akan dijual. Jadi itulah saranan daripada Jawatankuasa dapat juga pujian dan penghargaan daripada Jawatankuasa di mana Dewan yang mulia ini merakamkan pujian dan ucapan penghargaan kepada kerajaan negeri yang telah menerajui PKPS untuk mengurus dan mengusahakan tanah-tanah yang diberi milikan kepada PKPS dengan teratur, kemas, cekap dan berkesan. Jadi itulah apa yang ingin saya sampaikan dalam ucapan saya ini, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker, Kajang menyokong usul yang dibawa oleh Jawatankuasa Pilihan ABAS berkaitan dengan siasatan ke atas tanah PKPS dan Kajang memang pernah bersama dengan PAC pada satu ketika pada sebelum wujudnya Jawatankuasa Pilihan ABAS, meneliti kes-kes masalah tanah di bawah PKPS juga dan kalau ikut laporan yang teliti yang dibawa oleh Jawatankuasa Pilihan ABAS kita mendapati PKPS seharusnya dengan adanya begitu banyak tanah dan pegangan pendapatan tahunan dia harus lebih daripada yang disebutkan RM1 juta lebih saja. Kalau ia merupakan satu syarikat korporat yang sebesar ini harus berjuta-juta untungnya. Dengan keadaan ini mengapa PKPS pernah dulu menanggung kerugian dengan adanya begitu banyak harta tapi masih rugi. Dan juga pada saat sekarang seharusnya ia dapat untung yang lebih dan Kajang memang berpendapat PKPS dengan begitu banyak harta memang pada Kajang memang terlalu banyak ia harus lepaskan satu persatu dari masa ke semasa dan bawah pemantauan yang rapi. Dan walau pun kita sudah melantik Pengurus Besar yang baru untuk mengurus PKPS, Kajang masih mendapati banyak urusan-urusan atau pun *core business* bagi PKPS ini memang tak begitu tepat. Ia banyak *business* atau pun yang terlibat ia bukan berkaitan dengan pertanian misalnya dia ada buat bina asrama, ada perniagaan, ada usaha sama, usaha sama berkaitan dengan perniagaan, asrama pelajar, ada perniagaan *plumbing* ya ada *plumbing* pun ada kemudian ada pembangunan perumahan seharusnya walau pun kerjasama usaha sama dengan PKPS tapi seharusnya dia serah kepada pihak lain bukan dia yang kerja usaha sama.

Dan ada juga pengeluaran tanah liat, pengeluaran pasir ya kesemua *business - business* ini seharusnya bukan *core business* bagi PKPS. Jadi sebagai satu Perbadanan bawah kerajaan ia seharusnya merupakan satu Perbadanan yang membantu pembangunan pertanian bukan dapat semua tanah dan usaha dan kemudian jual kepada atau pajak kepada sesuatu badan atau pun satu syarikat dan dapat begitu kurang sekali hasil daripada pajakan-pajakan ini dan juga usaha-usaha sama ini. Jadi Kajang amat memang amat tidak puas hati dengan apa yang berlaku pada PKPS dan mencadangkan kerajaan harus meneliti perniagaan atau pun pengurusan di PKPS dengan penubuhan satu Jawatankuasa Khas di bawah MBI tubuhkan satu Jawatankuasa Khas meneliti aktiviti dalam PKPS dan antaranya pertama melepaskan tanah-tanah, mencairkan atau pun mengembalikannya kepada negeri untuk pembangunan yang lain. Dan juga untuk tanah seperti tanah yang dikatakan hutan simpan kekal yang telah dipajakkan untuk penanaman-penanaman ladang getah dan penanaman lain yang di bawah syarikat-syarikat dan kerajaan juga harus mengkaji semula perjanjian atau pun *agreement* antara-antara syarikat ini dengan PKPS sama ada ia harus di kaji semula atau pun dibatalkan kerana memang didapati perjanjian-perjanjian ini memihak kepada syarikat-syarikat dan bukan kepada kerajaan.

Dan dengan dari segi undang-undang memang perjanjian-perjanjian yang hanya berat sebelah boleh dikaji semula dan dibatalkan. Jadi bagi tanah-tanah yang diusahakan seperti hutan simpan kekal ini seharusnya ia dikembalikan kepada Jabatan Perhutanan untuk ditanam pokok-pokok yang akademik atau pun pokok-pokok asal perhutanan dan dikembalikan menjadikan hutan supaya hutan kita tidak berkurangan dan kita dapat balik hutan ini dan akan meningkat lagi biodiversitinya dan juga dari segi flora dan faunanya bertambah. Dan usaha yang bukan *core business* PKPS ia harus dilepaskan dilucutkan dan di mungkin boleh di jual kepada syarikat yang sedang usahakan sekiranya ia harus dilepaskan. Tetapi pada harga pasaran, harga pasaran bukan pada pajakan yang dijanjikan ini. Jadi kesemua ini menunjukkan bahawa PKPS ini memang amat-amat merugikan kerajaan pada masa yang lampau dan kini kita telah membeban-membeban tanggungan, tanggungan *baggages* dengan izin *baggages* ini yang berat jadi Kajang mencadangkan kerajaan tubuhkan satu Jawatankuasa Khas dan perlu seperti yang disebut dalam sidang dewan hari-hari yang lepas Kajang juga mencadang kerajaan mengeluarkan satu kertas putih untuk mendedahkan apa yang telah berlaku pada PKPS selama ini. Sekian saja, terima kasih Kajang menyokong usul.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan sekiranya ada. Ya, sila.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini muka surat 31 penyata Jawatankuasa ABAS. Iaitu penemuan-penemuan Jawatankuasa. Pertama perubahan di peringkat Lembaga

dan Pengurusan PKPS pada tahun 2008 menyaksikan PKPS lebih fokus dalam usahakan tanah-tanah kosong yang sedia ada. Jadi masalah dalam pendengaran tertutup yang kami laksanakan tiada fokus, tanah banyak yang dianugerahkan pada kerajaan negeri tapi tak ada fokus dalam pembangunan tanah, tanah diagih-agihkan sedemikian rupa dengan kadang-kadang dengan harga yang terlalu murah seperti tanah di Bukit Tarik satu ekar dengan pajakan RM10 setahun untuk lima puluh tahun contohnya. Dan kemudian yang keduanya pada tahun 2011 PKPS telah membangunkan tanah-tanah kosong seluas 1011 hektar dengan tanaman kelapa sawit ini boleh kita rujuk dalam penyata dalam muka surat 25 di mana tanah kosong terbiar di Tanjung 12 yang telah dimiliki diberi milik oleh kerajaan negeri pada PKPS pada tahun 2006 seluas 105 hektar terbiar lima tahun hanya apabila kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir barulah tanah itu diusahakan pada tahun ini. Contoh kedua tanah di Ulu Yam telah dimiliki pada tahun 2005 seluas 81 hektar terbiar 6 tahun hanya pada tahun ini usaha itu dilaksanakan. Dan yang lebih gawat lagi adalah tanah seluas 700 hektar di Sungai Panjang pada tahun 1999, 1998 sudah di miliki oleh PKPS tapi terbiar selama 13 tahun. Jadi ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan dan alhamdulillah kita bersyukur rakyat telah membuat perubahan yang besar untuk mengamanahkan Selangor untuk ditadbir oleh Pakatan Rakyat. Dan ketiganya sehingga kini ini yang baiknya, sehingga kini tanah-tanah yang telah disewa dan dipajak merupakan tanah-tanah yang telah diadakan perjanjian sebelum 2008 dan ada usaha yang baik yang telah dilakukan oleh kepimpinan kerajaan negeri melalui PKPS untuk mengambil alih tanah-tanah yang berlaku perjanjian berat sebelah seperti di Bukit Tarik dan Rantau Panjang. Kemudian yang keempatnya yang menarik juga adalah selepas tahun 2008 belum ada lagi tanah-tanah baru milik PKPS yang disewa atau dipajak. Ini adalah satu perkembangan yang sangat positif dan pujian dan penghargaan hendaklah diberikan kepada Dato' Menteri Besar kerajaan negeri Selangor dan juga pimpinan PKPS dan bagi saya perkara kelima adalah satu pencapaian yang cukup luar biasa dalam tempoh 3 tahun sahaja kita sudah dapat memulihkan tanah-tanah kosong dan peratusan tanah kosong yang masih belum dibangunkan hanyalah 0.64%, bagi saya ini adalah pencapaian yang bertaraf dunia. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya saya minta pihak kerajaan untuk mengulas.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker saya juga menjadi Pengerusi PKPS. Saya mengucapkan tahniah kepada pengurusan PKPS walaupun pada awalnya mungkin ramai hendak lari daripada bekerja daripada PKPS sebab satu daripada perkara yang kita tanya berapa banyak tanah PKPS ada jadi sebelum 2008 mereka tidak mempunyai *data base* tanah-tanah yang dia ada, dia agak-agak sahaja. Selepas itu mereka sudah tahu tanah tersebut kemudian dia nak tahu pula perjanjian yang dibuat dengan orang yang menjaga tanah tersebut. Jadi saya rasa ia memakan masa bukan satu perkara yang senang walaupun kita tengok *agreement* tetapi untuk jumpa

mereka bertanyakan mengapa mereka duduk di situ adalah satu perkara yang bukan senang. Kedua, pengurusan PKPS yang dahulu boleh jadi mereka tidak mempunyai ketua ataupun pengurus yang tahu tentang bagaimana mengurus sektor pertanian dan perladangan. Boleh jadi mereka tidak berasa tanggungjawab, itu sebagai contoh. Kita ada tanah *estate* di satu kawasan biasanya *estate* itu jauh daripada pekan. Kalau *Manager estate* itu duduk di pekan hanya sampai ke *estate* pukul 11.30 tengah hari sebab jauh daripada pekan dan balik pukul 3.30 petang maknanya dia tak menjaga *estate* tersebut. Jadi dia tidak tahu berapa orang pekerja, berapa banyak yang dia kutip dan sebagainya dan apabila kita suruh *estate Manager* itu yang dikatakan *Manager* *estate* itu duduk ke *estate* dia lari berhenti kerjalah, dia tak nak kerja. Maknanya itu dia tak pernah tahu kerja yang macam itu. Oleh sebab itulah ia memakan masa yang lama. Dia juga tidak tahu cara untuk membetulkan tanah, sebelum membuka tanah pun dia tak mempunyai pengalaman membuka tanah. Membuka tanah bukan hanya menebas rumput. Dia kena buat longkang dahulu sebelum buka tanah. Sebab itu caranya. Oleh sebab itulah kita beri masa sekarang saya rasa sudah tiba masanya kita di peringkat yang kedua bagaimana PKPS ini boleh ditingkatkan. Saya rasa salah satu daripada usaha yang kita mesti lakukan adalah kita mesti mencari seorang ketua eksekutif PKPS yang boleh dilatih dan supaya membawa PKPS ke satu tahap semula jadi sebagai sebuah syarikat pertanian yang terbesar. Jadi itu pun mesti kita lakukan. Silakan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar. Tadi disebutkan oleh Hulu Kelang yang sejak tahun 2008 sehingga sekarang ini tidak ada lagi penyewaan-penyewaan tanah yang dilakukan oleh pihak PKPS kepada mana-mana pihak ya. Jadi soalan saya, apakah rasional yang menyebabkan kerajaan negeri terfikir untuk membekukan itu dan apakah perancangan sebenarnya. Apakah kita bimbang perjanjian-perjanjian yang berat sebelah yang dilakukan pada zaman mereka yang cukup pandai akaun itu daripada berlaku atau apa sebenarnya yang boleh kita kongsi dalam Dewan ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat; Pertama, mana perjanjian yang tidak boleh kita selesaikan, mula-mula kita mengenal pasti tanah; kedua, siapa yang menjalankan operasi tanah. Mana perjanjian yang kita tidak boleh selesaikan, bermakna perjanjian itu sangat berat sebelah. Kita mesti mengambil satu keputusan sama ada membeli tanah daripada orang yang menjaga tanah kita itu dalam perjanjian ataupun menjual kepada mereka sebab kita tidak perlu menjadi seorang daripada *partner* sebab tak ada gunanya daripada segi masa dan usaha tidak memberikan hasil yang sewajarnya. Oleh sebab itulah saya meminta PKPS kalau betul mereka sebagaimana contoh yang dinyatakan, kalau betul ini sudah disewakan dan diberikan kepada mereka dan benar-benar mereka nak menjalankan ini, kita buat secara tender, nilai harganya dan dia dapatlah tanah tersebut. Kalau tidak pun kita kena tunggu 35 tahun baru dapat balik tanah tersebut maknanya tidak lagi membuang masa. Oleh

sebab itu, PKPS boleh tumpukan masa untuk mengurus tanah yang ia boleh urus sendiri. Sebab itu kecekapan PKPS sekarang diukur dengan keupayaannya bukan diukur dengan usaha sama.

Tentang usaha sama dia boleh kata orang tu tak buat kerja tetapi sekarang kecekapan dia mesti diukur dengan usaha sama yang dilakukan dan barulah kita dapat tengok perbandingan dengan PKPS. Pada masa ini saya masih menyatakan PKPS tidak boleh dibandingkan dengan syarikat yang terbaik dalam bahagian pertanian di dunia. Belum lagi. Ia belum sampai *premier league* tak ada, dia belum. Walaupun Pengurus Besarnya pernah bermain *premier league* tetapi dia belum sampai ke situ. Jadi kita mesti usahakan supaya warga kerja PKPS itu dibangunkan. Itu harta terbaik untuk kerajaan negeri dan saya rasa ini juga pengajaran yang sangat besar pada kita. Sebab itu saya hentikan usaha sama supaya kita dapat melatih warga kerja kita melakukannya. Dengan melakukannya dia akan dapat meningkatkan kepakarannya, kemahirannya dan juga akhirnya kita ada *resources* dalam organisasi kita yang boleh menjalankan kerja. Tiada lagi dalam PKPS ataupun mana-mana syarikat dalam milikan Kerajaan negeri yang goyang kaki, jadi tokeh, tak boleh. Ila sendiri yang mesti menjalankan kerja dan saya harap itu.

Kajang meminta supaya diadakan *task force*, saya takut terlalu banyak *task force* nanti PKPS tak boleh buat kerja tetapi sebab yang bagusya boleh jadi saya rasa ABAS boleh memanggil mereka selepas enam bulan. Apa program yang dia nak buat lakukan selama tiga atau empat tahun. Itu salah satu daripada cara untuk menilai cara mereka membuat perancangan. Jadi tak perlu dibiarkan sahaja sebab selepas kita dah buat *review* kita panggil dia, apa yang dibuat oleh Lembaga Pengarah PKPS yang saya lihat. Saya lihat apa yang dibuatnya sekarang, apa yang nak dibuat masa hadapan. Tetapi satu perkara yang kita mesti tengok, PKPS bercadang untuk menjadi *world class producer of chicken and also very high standard of cow* iaitu susu lembu. Hah! *that's* dia tengah buat, jadi kita panggil dia uji sama ada dia benar-benar susu lembu ini. Tidak memerlukan RM200 jutalah, tak perlu. Itu tak ada, bukan. *This is high standard, very high class, very high standard and than partner* dia pun, *partner* yang dia buat pembiakan ayam pun adalah kumpulan daripada Thailand yang kedua terbesar di dunia. *The second largest producer of chicken in the world and than* mempunyai perniagaan lebih daripada 30 negara. Jadi saya ingat dia dan mereka sanggup menerima PKPS sebagai usaha sama. Sebab itu apabila pihak-pihak pembangkang membawa cerita apabila ayam mati dan sebagainya (ketawa) hah! oleh sebab itu apabila ayam mati apa semua, hah! matilah PKPS sebab dah tak tahu nak buat apa. Yang sebenarnya *partner* PKPS itu bukan orang-orang yang tak biasa sebab mereka ambil insurans tentang *partner* dia boleh menyaman Tenaga Nasional. Dia nak menyaman Tenaga kerana dia *cut the power supply*. Dia nak menyaman tenaga tetapi oleh sebab dia syarikat terlalu besar dia tahan dahulu. Insurans bayar duit dia dan dia

akan beritahu tenaga bagaimana proses-proses yang betul untuk dilakukannya. Jadi PKPS tidak rugi dalam hal ini tapi sudah tentu dapat belajar daripada pengalaman ini dan ini juga akan membawa yang kita katakan bagaimana reformasi kita sudah mengubah pandangan. Jadi biasanya pandangan-pandangan daripada SELCAT dan sebagainya tu selalunya dahulu dia pandang syarikat-syarikat kerajaan ini sebagai selalu buat tak betul tetapi sekarang dah mula buat betul. Itu, *that's the good sign*. Dia mula buat betul, jadi *now* kita tak boleh berhenti di situ. Bagaimana dia mesti buat lebih betul maknanya kita mesti bawa negeri Selangor ini ke taraf yang kita nak iaitu *World Class*. *That's what is all about*. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor. Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam kertas mesyuarat Bil.36 Tahun 2011 berkenaan penyelenggaraan tertutup tanah milik PKPS adalah diterima. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul **DIPERSETUJUI**.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, oleh kerana Urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut " Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan sehingga selesai semua Urusan Dewan ".

Y.B. DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan Mesyuarat seterusnya, Usul No. 22 Tahun 2011, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sukacita ingin saya ingin mengemukakan Usul di bawah Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan ABAS seperti dalam kertas mesyuarat Bil.36 Tahun 2011 berkenaan dengan kuari haram di Bandar Baru Selayang diterima.

Tuan Speaker, pihak Jawatankuasa Pilihan Khas ABAS telah mengadakan satu lawatan ke tapak kuari haram di Bandar Baru Selayang pada 12 Oktober 2011. Sebagai satu tindakan susulan untuk memastikan Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya untuk menghentikan operasi kuari haram di kawasan tanah hak milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad di Bandar Baru Selayang berikutan satu Usul yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini setahun yang lalu iaitu pada November 2010. Tanah ini adalah seluas 95 hektar dan telah diberi hak milik oleh Kerajaan Selangor pada 26 Januari 1991 kepada Shah Alam Properties Sdn. Bhd. (SAP) di mana tempoh pajakannya ialah 99 tahun yang akan berakhir pada 25 Jun tahun 2090 dengan syarat nyatanya untuk membina bangunan.

SAP ataupun Shah Alam Properties telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat yang lain yang bernama Cergas Tegas Sdn. Bhd. untuk tujuan pembangunan perumahan. Walau pun begitu aktiviti perumahan itu tidak dapat dijalankan dan akhirnya apa yang berlaku dalam tinjauan kami ialah tempat ini telah dijadikan sebagai satu kuari haram.

Negeri Selangor dan SAP sebagai anak syarikat. SAP sebagai anak syarikat kerajaan negeri Selangor telah mengalami kehilangan hasil dari segi cukai tanah dan royalti. Pemilik tanah iaitu SAP tidak membayar cukai tanah dan dikenakan denda lewat pada tahun 2011 dan bayaran tertunggak ialah sebanyak RM313,000. Dari tahun 1991 hingga tahun 2010, SAP telah membayar RM8.99 juta kepada kerajaan negeri sebagai cukai tanah tapi pada masa yang sama projek perumahan yang sepatutnya dibangunkan tidak dapat dijalankan dan SAP telah mengalami masalah *lost of opportunity* kerana tidak menggunakan peluang yang ada untuk membangunkan tanah ini untuk menjana keuntungan dan pendapatan bagi SAP. Pada masa yang sama jawatankuasa pilihan ABAS juga tidak dimaklumkan tentang apa-apa bentuk keuntungan yang diperolehi oleh SAP daripada perjanjian usaha samanya dengan syarikat Cergas Tegas melalui aktiviti kuari ini. Apa yang pasti kerajaan Selangor kehilangan hasil kerana setiap hari sebelum ini terdapat batu bata yang dikeluarkan dari kuari ini tanpa membayar royalti kepada kerajaan negeri Selangor. Berikutan dengan usul yang telah diluluskan oleh dewan pada tahun yang lalu, jawatankuasa ABAS telah membuat tinjauan dan telah mendapati pihak Pejabat Tanah dan Galian Gombak telah mengambil tindakan penguatkuasaan pada tahun 2010 juga iaitu pada bulan November dan Disember. Notis, kemudiannya Notis 7A dan 7B telah dikeluarkan pada 25 Mei 2011 dan 13 Jun 2011 kepada pemilik tanah kerana belum mendirikan bangunan seperti yang disyaratkan di dalam syarat tersirat di atas kategori bangunan mengikut seksyen 116(1)(A) Kanun Tanah Negara Tahun 1965 dan menjalankan operasi kuari tanpa permit yang sah. Siasatan demi siasatan mesyuarat demi mesyuarat telah dijalankan di bawah pengelolaan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan pada akhirnya notis 8A telah dikemukakan kepada pemilik tanah supaya tanah ini

dikembalikan kepada kerajaan Selangor. Pada 4 Oktober 2011 Notis 8A ini telah dikemukakan kepada Percetakan Nasional untuk tujuan pewartaan jadi bagi jawatankuasa pilihan Khas ABAS, kami ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak kerana mereka telah melakukan kesemua proses ini dengan begitu teratur dalam masa satu tahun daripada usul yang kita bangkitkan ini. Walaupun begitu Jawatankuasa pilihan khas juga ingin membawa ke dewan ini beberapa penemuan yang kami dapati semasa kami menjalankan lawatan tapak. Yang pertama ialah pintu masuk ke kawasan ini sebenarnya telah dikawal dan dikuasai semula oleh pihak SAP sebagai pemilik tanah. Apa yang aneh ialah apabila kami menjalankan lawatan laluan, kebetulan laluan masuk ke tapak ini terletak pada sekeping tanah yang dikuasai oleh, sekeping tanah swasta jadi saya itu, itu adalah satu penemuan. Kami juga mendapati tidak ada kerja-kerja melombong batuan, tiada kerja-kerja pemprosesan batuan juga tidak ada apa-apa kerja pembawa pengangkutan hasil-hasil batuan dijalankan di lokasi semasa lawatan. Kami juga mendapati bahawa kebanyakan mesin, mesin memproses batuan, jentera-jentera yang berat, jentolak, dan lori-lori serta peralatan-peralatan yang masih boleh digunakan masih berada di kawasan tapak. Dan kami telah mendapati pihak kerajaan telah bertindak baik terhadap usul yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh dewan negeri Selangor pada masa yang sama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak telah melakukan proses pemulihan penggunaan tanah dengan mengeluarkan notis-notis yang diperlukan. Masalahnya tidak akan berhenti di peringkat pengeluaran dan pewartaan notis ini, jawatankuasa juga ingin menyarankan supaya kerajaan negeri untuk mewujudkan satu pasukan bagi menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama yang ditandatangani antara SAP dengan syarikat Cergas Tegas agar sebarang amalan yang menyalahi peraturan dan etika dapat diperbetulkan dan individu-individu yang terlibat bagi pihak anak syarikat kerajaan negeri dapat dipertanggungjawabkan. Kami difahamkan bahawa kalau untuk kes-kes yang lain, perjanjian itu, tidak betul ataupun berat sebelah dalam kes ini kami mendapati bahawa perjanjian itu masih belum, masih belum kelihatan. Masih belum jumpa lagi perjanjian itu. Yang ke-2 jawatankuasa juga membuat saranan supaya kerajaan negeri mengadakan satu *task force* supaya mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 234 ekar ini berdasarkan nilai penggunaan tanah semasa serta unjuran penggunaan masa terhadap penggunaan tanah masa hadapan berbanding syarat kelulusan asal bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum kepada kerajaan negeri dan manfaat yang sebaiknya kepada rakyat Selangor. Yang ke 3, jawatankuasa mengambil tindakan pantas dan berkesan, jawatankuasa menggesa kerajaan mengambil tindakan pantas dan berkesan bagi melaksanakan hasil kajian daripada perkara yang ke-2 yang disebut di atas setelah proses persembahan tanah kepada kerajaan selesai diwartakan. Akhir sekali, jawatankuasa merakamkan ucapan syabas dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak kerana telah melakukan semua ini dengan begitu

teratur dan kami cukup kagum dengan kecekapan tenaga kerja di pejabat tanah Gombak dan kami berharap kerajaan negeri boleh mengambil berat semua cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam penyata ini. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, Subang Jaya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker. Selamat petang, salam satu Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Speaker. Sungai Pelek ingin juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan, usul no. 22 tahun 2011. Kita sedia maklum fungsi jawatankuasa pilihan raya ABAS adalah mengadakan mesyuarat, menyiasat tanah-tanah kerajaan negeri yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat GLC atau tanah-tanah kosong untuk meningkatkan pendapatan syarikat-syarikat GLC. Sungai Pelek mempunyai sedikit pandangan dan cadangan terhadap perkara ini. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan bahawa syarikat-syarikat GLC ini, selain daripada meningkatkan pendapatan syarikat-syarikat GLC, tanggungjawab sosial, korporat, CSR perlu diambil berat juga. Sungai Pelek ingin menyentuh mengenai sebidang tanah milik MBPJ di jalan SS8/6.

TUAN SPEAKER : Y.B. usul ini adalah berkenaan dengan laporan kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2001, jadi hanya boleh tumpu pada soal kuari haram di Bandar Baru Selayang. Kalau Y.B. nak bawak, nak isu, nak bawak isu yang tidak berkenaan, boleh bawak, usul yang lain. Bukan dalam usul untuk menerima penyata berkenaan dengan hal, kuari haram di Bandar Baru Selayang.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Dia kerana jawatankuasa ini menyiasat segala tanah

TUAN SPEAKER : Jadi kena bawak lah usul. Sebab ini adalah yang khusus. Ini bukan Rang Undang-undang Perbekalan supaya bincang dasar. Ya, ya

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ya. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ada lagi pembahas. Sekiranya tak ada, saya minta pihak kerajaan untuk perbahasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker. Aaa...aa..sayaingin memberitahu tentang maklumat terkini mengenai kes ini, iaitu kerajaan negeri telah mengambil tindakan untuk merampas tanah tersebut dan rampasan telah dibuat sebab kalau menunggu adanya apa yang dikatakan melihat perjanjian-perjanjian jadi agak

sukar sebab aaa....syarikat ini dikatakan telah menyalahgunakan aa...a...kerjanya kerana ia telah membuat perusahaan kuari dengan tidak mendapat lesen dan kerajaan mempunyai kuasa untuk membuat rampasan dan oleh sebab itu saya ingat aa....jawatankuasa lagi 3 bulan boleh bertemu semula untuk melihat perkembangan yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam usaha menentukan penggunaan tanah itu sekarang di bawah milikan kerajaan negeri.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi “bahawasanya menurut peraturan 76(5)peraturan-peraturan tetap bagi Dewan Negeri Selangor penyata jawatankuasa Pilihan ABAS, seperti dalam kertas mesyuarat bilangan 36 tahun 2011 berkenaan kuari haram di Bandar Baru Selayang adalah diterima. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata Ya, Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul **DIPERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan dewan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tahniah, kerana dapat mendengar, mengendalikan perjalanan dewan dengan baik dan kita juga dapat mengadakan perbincangan dengan begitu bermakna kerana usaha kita sebagai ahli Dewan Negeri adalah untuk menolong, merancang dan mencari jalan supaya pembangunan dan kesejahteraan negeri Selangor ini dapat dipertingkatkan. Saya juga berterima kasih kepada Dewan kerana memberi ruang untuk berbincang dan meluluskan belanjawan 2012 supaya dapat dilaksanakan dan ini merupakan cabaran yang sangat besar kepada kumpulan EXCO untuk menghasilkan apa yang dibentangkan dalam belanjawan ini. Saya nak ingatkan sejumlah RM1.6 juta telah diperuntukkan untuk belanjawan negeri dan ditambah 300juta geran Selangorku. Oleh itu kita mempunyai tugas yang sangat berat supaya setiap sen yang kita mesti gunakan, dapat mencapai apa yang kita tujukan. Oleh sebab itu, kami dalam Ahli-ahli EXCO merasakan kita perlu juga mengadakan perjumpaan dengan Ahli-ahli Dewan dari semasa ke semasa untuk menentukan, menunjukkan akan penggunaan dan perkembangan belanjawan yang kita buat. Saya rasa tugas kita ini sangat penting kerana kita diberikan kepercayaan untuk belanjawan ini dilaksanakan.

Saya rasa, saya berpendapat sebagai Menteri Besar, jika pilihan raya umum diadakan sebelum 6 bulan kita dapat menjalankan tugas-tugas kita, kita tidak akan mengikuti pilihan raya umum yang diumumkan. (tepukan ramai) Jadi kita nak buktikan kepada rakyat negeri Selangor bahawa kalau, pengumuman pilihan raya dibuat selepas Jun 2012 adalah munasabah untuk kerajaan negeri Selangor, Dewan Negeri Selangor untuk bersama-sama menyertai pilihan raya supaya dapat kita berjumpa dengan rakyat dan menunjukkan kepada rakyat perbezaan antara tugas yang diberikan oleh wakil-

wakil Pakatan Rakyat dengan wakil-wakil Barisan Nasional. Saya percaya itu merupakan perkara yang diperhatikan oleh rakyat.

Perkara yang ke-2, saya juga mengucapkan terima kasih terhadap perbincangan-perbincangan yang dikemukakan terutama aaa...aa..saya ...pagi tadi difahamkan kita telah dapat meluluskan Enakmen Peruntukan Diraja yang saya rasa adalah tanggungjawab kita dalam dewan kerana kita percaya sebagai negara dan negeri yang mempunyai Raja Berperlembagaan, kita mesti mempunyai satu tanggungjawab, satu tanggungjawab menghormati kuasa Raja, menghormati kuasa dewan dan menghormati kuasa rakyat. Oleh sebab itu, apa pun tindakan kita, kita mestilah membuat tindakan yang dapat menunjukkan kepada rakyat bahawa kematangan kita dalam mengendalikan beberapa peringkat dan status dalam kerajaan. Saya tahu ee...dewan ini, perbincangan dewan ini sangat diikuti oleh semua pihak termasuk istana, termasuk orang ramai dan rakan-rakan kita daripada luar negara. Ada kalanya keghairahan ahli dewan kita, ada kalanya kita juga membuat kenyataan yang hingga disalah, dikelirukan oleh mereka, yang mengatakan ada perbincangan kita tidak mempercayai keupayaan Tuanku Sultan dalam mengendalikan terutama yang diperuntukkan dalam perlembagaan iaitu mengenai agama Islam dan juga adat-adat Melayu. Saya sebagai Menteri Besar menyatakan tidak terlintas dalam hati kita bahawa kita ingin mempersoalkan perkara tersebut. Itu bukan satu perkara yang kita perlu persoalkan dan tidak akan dipersoalkan. Jadi ke-2 saya rasa sudah tentulah ada kalanya, serupa juga saya dalam dewan ini, saya juga sebagai pengerusi PKPS, saya juga sebagai Pengerusi PKNS, kadang telinga saya pun panas juga mendengarnya (dewan ketawa), tetapi bukan saya, walaupun saya ada buat, tetapi saya menerima teguran, saya menerima teguran itu sebab saya memandang tujuan teguran itu untuk memperbaiki, bukan untuk anu..saya terima teguran itu. Bukan saya kata dah buat...apa pula yang *you* cakap banyak lagi, tak , tak de tak boleh, tak boleh kita sebab kita menerima teguran itu supaya orang yang menegur itu merasakan dia juga bertanggungjawab.

Oleh sebab itu, saya harap rakan-rakan daripada pihak istana tidak memberitahu Tuanku tujuan kita untuk mempersoalkan bagaimana pentadbiran zakat itu adalah tujuannya untuk menentukan kekukuhan pentadbiran tersebut dan saya tidak mempersoalkan kewibawaan aaa...Yang Mulia Tan Sri Raja Arshad, seorang pakar dalam bahagian perakaunan dan dihormati dan juga Yang Mulia Syed Anuar. Syed Anuar pernah bekerja di bawah saya. Maknanya ada orang bekerja di bawah saya dia tak nak bekerja lagilah sebab dia ...dia memang orang yang lurus dan amanah. Itu sebab saya percaya zakat, dikelolakan, bukan diambil daripada kumpulan yang terasing. Mereka berdua ni ditugaskan untuk mengendalikan zakat negeri Selangor dan mereka akan bertanggungjawab. Dan pasal audit, apa semua tu, saya rasa mereka berdua ini adalah akauntan yang akan sekurang-kurangnya mengaudit tiap-tiap suku

tahun. Bukan..bukan dibiarkan sahaja, sebab ini, saya rasa walaupun kita juga mesti memantau, walau apa pun tetapi kerja yang dijalankan oleh mereka ini adalah menunjukkan mereka dengan kita sama-sama sayangkan negeri Selangor ini dan mahukan ia dibangunkan dengan cara yang terbaik. Tapi kita tidak boleh menghalang Ahli Dewan Negeri menyuarakan sebab saudara-saudara adalah daripada rakyat, saudara-saudara adalah suara rakyat. Tetapi saya nak ingatkan kita, hati mesti baik lah. Maknanya, janganlah pukul tak tentu arah. Itu susah sedikit, hati mesti baik dan cara kita pun baik.

Dengan cara itu kita dapat...dan saya juga berharap perhubungan negeri, istana dan rakyat akan menjadi satu pasukan yang membawa negeri ini bersama dan saya dapati juga dalam *blog-blog*, dalam Internet, ada juga nak mengadakan satu gambaran terdapat perselisihan antara Menteri Besar, EXCO dengan kerajaan negeri, dengan istana yang sebenarnya saya berasa bertuah kerana mendapat seorang raja, Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa sanggup berjumpa dengan Menteri Besar dan membincangkan perkara-perkara, tidak terbatas. Jadi dengan cara itu kita dapat mengetahui tentang usaha yang kita jalankan. Saya dapati beberapa blog yang cuba mengatakan bahawa Tuanku mencengkam ahli-ahli Dewan supaya mengikut apa yang dikatakan oleh istana.

Sebenarnya, istana tak ada campur dalam banyak kerja itu. Hanya daripada segi agama Islam, Menteri Besar kena faham. Menteri Besar mesti faham bahawa Ketua Agama dalam negeri Selangor ialah Sultan. Jadi, mesti faham, bukan Sultan, mesti faham. Sebab itu Menteri Besar mengambil sikap bahawa Tuanku Sultan adalah yang bertanggungjawab. Saudara mesti tahu dalam Islam, ketua yang bertanggungjawab itu adalah orang yang akan dipersoalkan bukan saya. Sebab itu apabila saya dapat tahu tugas tu mengenai Islam diberikan kepada saya, saya bersyukur sebab saya tak terima itu sebab dalam Islam, yang ketua tu. Jadi, kalau dia bertanggungjawab, kita mesti beri dia semua kuasa dan peluang untuk itu dan dia menasihati atau menidakkan pada saya tujuannya sebagai Sultan dalam negeri Selangor, baginda mahukan harmoni. Maknanya, rakyat mesti menghormati satu sama lain walaupun baginda menjaga agama Islam sebagai tugas sebagai..pemerintah negeri dan kita mesti terima itu. Jadi kita tidak boleh terima daripada segi apa..walaupun dalam usaha baginda melakukan itu mestilah mendapat nasihat-nasihat seperti daripada Mufti, dan juga daripada, ada kalanya daripada segi pentadbiran dan mengenai perkara ini boleh jadi dengan Menteri Besar, saya berharap. Dan, saya juga mengharapkan JAIS dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan mesti memberi sokongan penuh tentang perkara ini.

Marilah kita gunakan masa untuk membina pembangunan negeri. Jangan persoalkan satu perkara yang sudah ada. Jadi kita bina satu masa yang baharu. Hal ini penting kerana dalam masa 3 tahun lebih atau hampir 4 tahun, kita sudah tunjukkan dengan satu keadaan yang kita boleh tunjukkan bahawa Allah SWT telah memberikan rezeki

kepada kita: tengok daripada kosong, RM390 juta dalam bentuk hutang, orang pun tak percaya. Dia pandang saya macam ini, Tan Sri Khalid ni, apalah dia..jadi, kita tengok, apa jadi? Kita boleh nampak bukan sahaja duit, harta yang melebihi, ada pegawai-pegawai sombong sedikitlah sampai RM5, RM6 juta. Kita ni dapat RM1200 juta pun sudah, sudah..magnanya duit gaji kita dah dibayar. Tak perlu lagi kita kata *I've paid the society*..ha, macam itu. Magnanya kita dah boleh dan bukan itu sahaja, banyak lagi yang boleh kita buat. Daripada PKPS, untung *Fruit Valley*... *Fruit Valley*..bukan cap duit, buang duit. Ha, sekarang baru kita dapat balik. Jadi *Fruit Valley* yang...Magnanya, apa yang kita lakukan kita betulkan..betulkan. Boleh jadi rakan-rakan kita daripada pembangkang mengatakan dia ni hendak *complain* sahaja. Tidak, saya tak *complain*, saya tunjukkan apa yang kita boleh lakukan. Lepas tu, kalau jahat sangat saya beritahu lah, itu sahaja. Kalau tidak saya buat kerja saya. Kalau jahat sangat magnanya dia dah melampau sangat, saya tunjukkan bahawa ada juga *skeleton* dalam *cupboard*. Ha, janganlah cerita banyak sangat, buat kerja, tolong rakyat dan jadikan negeri ini untuk kita semua.

Sebab itu konsep Selangorku itu sangat penting. Saya berharap, kita tidak mengikuti polemik-polemik antaranya walaupun kita kenal Profesor.. Bari, apa, ha? ha? Aziz Bahari pun nampak sangat terlalu galak nak melawan *establishment* tak boleh..itu bukan. Jadi kita juga mesti, kalau mahu perubahan, kita buat secara.. reformasi yang kita lakukan. Saudara berada sama dengan saya dalam reformasi. Apa kita katakan? Reformasi kita, walaupun kita pandai berjalan di jalan raya, memarahkan polis tetapi reformasi kita, kita tunjukkan reformasi kita keluarkan juga. Hasilnya, RM300 juta untuk rakyat daripada hasil kerja reformasi. Itu pun reformasi. Magnanya, kita bukan saja boleh reformasi jalanan tetapi reformasi dalam pentadbiran juga kita ada. (Ahli tepuk meja) Itu yang paling penting yang mesti kita lakukan. Jadi, kalau kita rasa, ada perkara yang tak kena..tak kena..magnanya tak kena, kita bincang dan yang paling penting kita nak ingatkan, kita juga tak nak hilang adat dan tatasusila. Itu pun penting walaupun ada kalanya kita pakai *coat* tapi kekadang, pakai kain lebih selesa lagi. Jadi oleh sebab itulah kita kena tahu, masanya. Jadi, saya harap ini pun kita adakan..adakan perjumpaan. Betulkan apa yang patut kita betulkan tetapi jangan membetulkan itu dan memecahkan benda yang nak kita betulkan. Tidak. Kita betulkan kerana nak mencantikkan, bukan kita membetulkan untuk memecahkan benda yang kita nak betulkan. Oleh sebab agresifnya kita dalam usaha itu, jadi, saya akan cuba menyelesaikan masalah ini. Saya pun tak berapa mengerti tentang perkara ini, macam politik, bergaya ke sana..nak mengatakan ya tak ya.. Itu saya pun tak berapa faham tetapi saya cuba sebab ia sangat penting dengan kewujudan negeri kita.

Kita mahu harmoni. Sebab kita mahu masa untuk pembangunan, kita mahu rakyat merasakan hasil kerja kita dan kita tahu rakyat mahukan kita. Kita tahu. Saya mula-mula, rakan-rakan mempersoalkan pasal Jom *Shopping*. Beri sajalah dia kupon, biar

dia buat sendiri. Tapi, jawabannya alah kita ada, bila Dato' Speaker ada, apabila ada dekat depan itu, orang, warga emas rasa macam Speaker sayangkan dia. Maknanya, dia...ha, itu, *is the touch, it is not the money*, ada sesetengah tu lebih banyak duit tetapi *it's the touch*. Dan ini yang tak ada sebelum 2008. *This is the Reformasi that you want*. (tebuk meja) *It's the people touch that we have*. Jadi kita rasa dia akan jadi sebahagian daripada kita, kita rasai..saya tak boleh nak *complain* sebab dekat llok saya bawa tu, dan kumpulan-kumpulan itu, setengahnya sesat dalam *supermarket*. Saya kata sesat, dia tak tahu langsung. Tapi dia rasa senang hati, senang hati. Jadi program ini akan kita teruskan, insya-Allah, kita mesti minta kumpulan Semesta dapatkan lagi keuntungan: Kerja mesti kuat, mesti lurus dan jalankan dan kita adakan program dan banyak program lagi yang boleh lakukan.

Sungai Pelek, terima kasih. Kalau nak ikut boleh ikut kita untuk membawa warga emas. Tidak, kita tidak menghalang sebab Sungai Pelek adalah wakil rakyat, dan kita boleh..(ahli ketawa) ...tak jadi masalah untuk kita. Tetapi apa yang nak saya tunjukkan bahawa tugas kita bukan sahaja merancang tetapi juga menterjemahkan, dan terjemahan inilah yang sangat penting dan mengurus dalam negara yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama, bukan pengurusan yang senang. Maknanya, kita mesti ada keseimbangan..ada imbalan. Pengurusan ini bukan senang, lebih baik menjaga kelapa sawit lebih senang, keluaran dapat untuk ini, ini kita imbangkan. Jadi saya berharap ahli-ahli Dewan merasakan perimbangan ini sangat penting. Dan wujud kita adalah kalaulah kita sampai satu keadaan tidak ada satu masyarakat mempersoalkan antara kita 'you' kaya kerana *you* masyarakat ini; saya kaya, saya miskin kerana masyarakat ini Apabila kita dapat hapuskan pandangan tersebut, maknanya kita sudah berjaya menjadikan negara, negeri ini sebagai satu persatuan. Menghormati satu sama lain berbeza daripada segi pandangan dan pendapat tetapi sama-sama mengakui bahawa negeri ini adalah hak kita bersama.

Saya berharap saudara-saudara... dan kita juga berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang saya rasa telah banyak menolong saya menjalankan tugas walaupun mereka rasa saya buat banyak perkara baharu yang kadang-kadang mereka kurang faham kenapa saya buat. Mula-mula berkerut mata dia tengok saya tapi tak pa saya buat-buat tak tahu saya suruh dia buat sebab apa kerana perkara-perkara itu sebab saya bernasib baik saya pernah bekerja di sektor swasta dan baharu masuk kerajaan tapi oleh sebab itu saya tahu mana yang betul. Saya cakap buat kira-kira *growth development value*, dia mula-mula pandang saya dari mana datangnya dia ini semasa mula-mula tetapi selepas itu baru dia tahu bagaimana cara usaha ini macam Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Selepas itu saya katakan masukkan hutang itu dalam *consolidate account*, lari budak *treasury* macam mana dia hendak masuk kena ambil *cash* masuk lepas itu dia cakap *round tripping* macam mana hendak buat *round tripping* ini. Selepas itu kena lulus dalam dewan masa itu juga sebab kalau lebih daripada sehari

kena bayar lagi jadi lulus mesti cepat, bayar mesti cepat, hutang yang RM390 juta itu dipinjam sehari dibayar sehari tetapi kita cuba kita buat dan lakukan. Ini dah sejarah tapi apa yang kita lihat bahawa kesungguhan pegawai awam kita juga sama-sama kalau benda itu betul , benda itu baik benda itu ada tujuan maknanya akan bersama dengan kita.

Jadi itulah sahaja Dato' Speaker. Lagi sekali terima kasih banyak-banyak. Saya mengucapkan selamat tahun baharu tahun hadapan dan selamat perjuangan saudara-saudara dan sudah tentulah untuk yang beragama Kristian selamat menyambut Hari Krismas. Marilah kita menggunakan peluang yang diberikan kepada kita menentukan bahawa pemilihan rakyat kepada kita adalah satu pemilihan yang betul dengan itu kita akan memulangkan kepada mereka dengan sumbangan kerjaya kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini saya ingin mengambil peluang dan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah memberikan kerjasama yang sesungguhnya bagi melicinkan perjalanan Persidangan Mesyuarat ketiga bagi Penggal ketiga ini, ucapan terima kasih saya tujukan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, seluruh kakitangan Pejabat Dewan dan pelapor-pelapor yang telah berusaha sesungguhnya menyediakan dan menyiapkan penyata rasmi bagi mesyuarat kali ini. Saya juga berharap agar Yang Berhormat sekalian dapat meluangkan sedikit masa untuk menyemak kembali draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan-kaitan dengan ucapan-ucapan Yang Berhormat. Sila kembalikan semula kepada Pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Tidak lupa ucapan terima kasih saya kepada semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan mesyuarat pada kali ini.

Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang)